

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

- Cuti Kepada Ahli (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

(Halaman 14)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2004 (Halaman 14)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2004 (Halaman 14)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P.(Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
- “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
"	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
"	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
"	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
"	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
"	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
"	Menteri Pengangkutan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
"	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
"	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
"	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
"	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
"	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
"	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
"	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
"	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
"	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
"	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
"	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
"	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
"	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)

Yang Berhormat	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
“	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
“	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
”	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
”	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
”	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
“	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
“	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
“	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
“	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
“	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
“	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
“	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
“	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
“	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
“	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
“	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
“	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
“	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
“	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
“	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
“	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
“	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
“	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
“	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)

Yang Berhormat	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
"	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Tan Sri Dato' Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Tan Sri Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah Mohd. Azir
Sherliza Maya binti Talkah
Mohd. Izhar bin Hashim
Chong Lai Peng

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif
Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin
Mazidah binti Mohamed
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

BENTARA MESYUARAT

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN**PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 15 September 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA**Cuti Kepada Ahli**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abu Zahar bin Haji Isnin, Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Jasin, dari 15 hingga 18 September 2003.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah impak penerangan melalui pengiklanan dalam akhbar-akhbar mengenai jualan harga air mentah ke negara Singapura yang dilakukan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam menjelaskan kepada rakyat berhubung isu berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim] : Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Tampin serentak dengan soalan-soalan mengenai perkara yang sama yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah pada 21 Oktober 2003 dan Tumpat pada 27 Oktober 2003.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM2,513,404.72 untuk membiayai iklan-iklan yang dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara atau MTEN berhubung dengan isu jualan air ke Singapura. Jumlah ini termasuklah belanja untuk 10 siri iklan di akhbar-akhbar terkemuka tempatan dan 18 siri iklan di akhbar *Asian World Street Journal* serta penerbitan buku kecil mengenai isu tersebut dalam bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan Mandarin. Dalam bahasa Tamil ianya sedang disediakan.

Iklan-iklan tersebut telah berjaya menjelaskan kepada orang ramai tentang isu sebenar di sebalik pertikaian mengenai air antara Malaysia dan Singapura. Rakyat kini memahami kenapa Malaysia mengambil pendirian tegas dalam hal ini. Dari maklum balas yang kerajaan terima rakyat kini memahami fakta sebenar khususnya betapa tidak munasabahnya harga 3 sen bagi 1000 gelen air dan keuntungan besar yang telah diperolehi oleh pihak Singapura. Apa yang kerajaan mahu ialah menyelesaikan isu tersebut secepat mungkin dengan pihak yang berkenaan dan Malaysia akan menerima tawaran harga yang berpatutan sekiranya diperbuat sedemikian. Sebelum ini, ramai orang terkeliru akibat pendedahan surat-menyurat rasmi antara pemimpin-pemimpin kedua-dua negara mengenai isu tersebut oleh pihak berkuasa Singapura sama ada di Parlimen republik itu dan penerbitan bertajuk '*Water Talks*'. Penerbitan iklan dan buku oleh MTEN telah menjawab segala tuduhan tidak berasas oleh pihak Singapura.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor [Tampin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih kerana tujuan kerajaan untuk memberi penjelasan kepada orang ramai berhubung dengan isu jualan air ke Singapura ini. Cuma, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri,

mengapakah isu ini sahaja yang kita beri penjelasan kepada orang ramai berhubung dengan Singapura? Mengapa tidak isu-isu lain seperti isu Batu Putih, isu Tanjong Pagar, isu tanah kita di Woodlands, isu kuarantin dan sebagainya? Di samping itu, saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah strategi dan perkara-perkara pokok utama yang biasanya menjadi perkara yang utama dibincangkan oleh kerajaan sebelum mereka memasuki mana-mana perjanjian kerana baru-baru ini seperti dengan negara-negara jiran kita di Thailand, lori-lori kita hanya boleh masuk sampai Bangkok manakala lori-lori dari Thailand boleh sampai ke Singapura. Ini merugikan pihak kerajaan kita. Apakah perkara yang menjadi pertimbangan pihak kerajaan sebelum kerajaan memasuki mana-mana perjanjian dengan negara-negara jiran? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, bagi menerangkan pertanyaan fasal pertama iaitu kenapa kerajaan tidak membuat huraian seperti yang dibuat menerusi iklan dan penerangan berkaitan dengan isu bekalan air ke Singapura? Jawapan yang jelas ialah bahawa isu-isu seperti tuntutan Pulau Batu Putih, masalah tanah Keretapi Tanah Melayu, kedudukan tanah tentera TUDM di Woodlands, mengenai Pulau Pisang, mengenai kerja-kerja tambak laut dan sebagainya, isu-isu ini telah pun diasingkan daripada isu bekalan air oleh kerana isu bekalan air ini telah menonjol sebagai isu yang jelas diputarbelitkan oleh pihak Singapura melalui jentera media dan penerangan sekutu mereka. Mengenai isu-isu yang saya sebutkan tadi dan Yang Berhormat juga sebutkan, isu-isu tersebut sebahagian daripadanya sedang diurus menerusi saluran diplomasi yang biasa selain daripada saluran kehakiman antarabangsa yang sedang pun berjalan.

Tentang apakah dan mengapa tidak dijalankan cara-cara menyusul soal-soal atau isu yang sama seperti keadaan antara Malaysia dan Thailand, suka saya menyatakan bahawa semasa Perjanjian Bekalan Air 1961 dikemukakan antara kedua pihak dan ditandatangani selepasnya pada tahun 1962, maka kedua-dua perjanjian itu iaitu 1961 dan 1962 adalah diperjanjikan semasa Singapura dan Malaysia hendak dicantumkan bersama. Sejarah menentukan iaitu, semasa itu apa-apa tindakan adalah berasas kepada kecenderungan pucuk pimpinan pada masa itu di kedua-dua belah pihak untuk mencari keseragaman tindakan politik dan juga keakuran kepada jentera untuk mewujudkan Malaysia.

Justeru, butir-butir dan juga fakta Perjanjian Bekalan Air 1961 dan 1962 adalah tertakluk kepada suasana tersebut. Sabitan sedikit lagi tentang hal ini, Akta Malaysia-Singapura atau Perjanjian Malaysia-Singapura 1965 yang diluluskan di Dewan ini, ada menyatakan bahawa Singapura hendaklah memperakukan segala komitmen yang terletak pada seksyen 13 dan 14 perjanjian tersebut.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu, apakah perhubungan atau status kedua-dua buah negara ekoran daripada tindakan kedua-dua buah negara dalam isu air ini?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, status atau kedudukan kedua-dua buah negara setakat ini tidak berubah. Malaysia dan Singapura tetap bersahabat, tetap mempunyai hubung kait yang rapat menerusi pelbagai jurusan dan juga urusan rasmi antarabangsa, apatah lagi menerusi ASEAN. Yang perlu ditegaskan di sini ialah, bahawa kedudukan Perkara 14 atau Artikel 14 yang ditandatangani dan juga dipermasyhurkan di Dewan ini tahun 1965, bahawa Singapura hendaklah memberi jaminan bahawa *Public Utilities Board of Singapore* dengan izin, *shall, on and after Singapore Day, abide by the terms and conditions of the Water Agreement* dan sebagainya. Ini bermakna, termasuk apa yang dianggap sebagai arbitrase atau timbang tara yang terkandung di dalam perjanjian tersebut. Dengan lain perkataan, jika Singapura enggan mematuhi tuntutan dan kehendak arbitrase itu, ia adalah melanggar Perkara 14.

Justeru, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, telah pun mengumumkan bahawa sebaik jalan ialah mengadakan proses *arbitration* atau timbang tara.

[Soalan No. 2 - Y.B. Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili tidak hadir]

3. **Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) jumlah pekerja BERNAS yang terlibat dalam penstrukturan semula bagi mengurangkan tenaga kerja dengan penutupan gudang BERNAS.
- (b) apakah strategi yang diambil untuk menjamin kebajikan pekerja yang terlibat dalam penstrukturan tersebut tanpa memberi kesan terhadap ekonomi dan kehidupan mereka.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah yang bertarikh 22 September, 2003.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 63 orang pekerja terlibat dalam penstrukturan semula BERNAS, berikutan penutupan empat daripada 13 gudang yang terletak di lokasi tidak strategik iaitu di gudang Bagan Serai, Ipoh, Teluk Intan dan Buloh Poh. Strategi yang akan diambil oleh BERNAS bagi menjamin kebajikan mereka yang terlibat ialah dengan menyediakan program, dengan izin, *reskilling* sebagai asas kemahiran untuk mereka menceburkan diri di dalam perniagaan ataupun pekerjaan yang lain. Antara bentuk program ataupun kursus yang dicadangkan oleh pihak pengurusan BERNAS adalah seperti berikut:

- (i) Kursus Pembangunan Usahawan anjuran MARA seperti kursus kontraktor, jahitan, ketering dan lain-lain;
- (ii) kursus asas kemahiran anjuran Pusat Giat MARA seperti kimpalan, memperbaiki motor, mengecat dan lain-lain;
- (iii) Kursus Pembangunan Usahawan anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan seperti penglibatan di dalam perniagaan francais dan peruncit serta peluang perniagaan lain;
- (iv) kursus pertanian dan perikanan seperti kursus tanaman padi, kelapa sawit, getah, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman lain serta penternakan haiwan dan perikanan anjuran Jabatan Pertanian dan Perikanan dan Jabatan Haiwan.
- (v) Kursus Pemprosesan Makanan anjuran MARDI; dan
- (vi) Kursus Teknikal dan Jentera bagi kakitangan yang ingin membuka bengkel kenderaan dan komputer anjuran Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, bagi melaksanakan penstrukturan semula BERNAS, BERNAS akan menawarkan Skim Pemisahan Sukarela, dengan izin, *Voluntary Separation Scheme* kepada 3,196 orang kakitangannya dengan ganjaran pokok di antara 23 hingga 31 bulan gaji terakhir bagi kumpulan eksekutif dan bagi kumpulan bukan eksekutif pula, antara 27 hingga 35 gaji terakhir bergantung kepada tempoh perkhidmatan dengan BERNAS.

Di samping itu, bagi menghargai jasa warga kerja yang telah lama berkhidmat, BERNAS akan memberi mereka tambahan ganjaran *ex-gratia* di antara 0.5 sehingga 1.5 bulan gaji terakhir bagi kumpulan eksekutif manakala bagi kumpulan bukan eksekutif pula, dari satu hingga tiga bulan tertakluk kepada tempoh perkhidmatan mereka dengan BERNAS.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang begitu panjang lebar. Walau bagaimanapun, saya rasa saya kurang bersetuju dengan cara syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan menyelesaikan masalah pekerja yang terlibat, diberhentikan akibat perniagaan yang tidak

menggalakkan itu. Walaupun bunyinya seolah-olah tidak dipaksa, tetapi pada amalannya berlaku paksaan.

Dilaporkan pekerja-pekerja mendapat tawaran yang tidak menarik dan biasanya tidak dapat menyara pekerja dan keluarga pada jangka panjang. Soalnya, apakah langkah-langkah positif yang akan diambil, yang lebih menarik daripada apa yang telah disebutkan itu bagi menjamin pekerja-pekerja BERNAS itu menentukan pekerjaan yang akan mereka lakukan selepas daripada ini. Lagipun, dalam kes BERNAS, masalahnya bukan masalah perniagaan tetapi masalah tadbir urus, menguruskan mereka, masalah kuasa dan masalah tersebut. Kedua, kerajaan memang boleh menutup gudang BERNAS tetapi kerajaan tidak boleh menutup keperluan manusia dari segi makanannya. Jadi, saya lihat, saya berada di sempadan Pasir Mas, Thailand sebab di mana saya lihat bahawa pekerja-pekerja kecil mereka diambil tindakan ataupun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Bagaimana peniaga-peniaga kecil ini boleh diambil tindakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sedikit keluar dari soalan.

Tuan Haji Ismail bin Noh:tetapi peniaga-peniaga besarnya dibolokan, dibiarkan begitu. Apakah tindakan ini adil ataupun tidak? Saya pohon jawapan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Yang pertamanya, saya ingat Yang Berhormat mendapat maklumat yang tidak betul. Ini memang kebiasaan ahli-ahli pembangkang, dia suka putar belitkan. Sebenarnya dalam kes ini, ini bukan satu paksaan atau bukan *retrenchment*, bukan kita buang mereka, bukan tindakan memberhentikan kakitangan BERNAS. Apa yang kita lakukan ialah satu tawaran. Di bawah skim pemisahan sementara ini kita tawarkan kepada kakitangan, bukan bererti mereka perlu terima. Walaupun kita tidak paksa mereka, tetapi alhamdulillah tawaran yang diberikan oleh BERNAS ini adalah satu tawaran yang cukup baik dan tawaran ini diberi kepada mereka yang telah pun sampai umur persaraan secara *optional*. Kalau kata kakitangan perempuan, 45 tahun dan kepada kakitangan lelaki, 50 tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat - mungkin Yang Berhormat tidak tahu - sambutan daripada kakitangan BERNAS ini amat menggalakkan. Kebanyakan mereka menerima tawaran yang dibuat oleh BERNAS.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Sat lagi, Yang Berhormat tanya bila saya duduk. Ada soalan tambahan? Sat lagi tanyalah. Jangan duduk masa tanya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tak reti?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah habis? Klang.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Terima kasih. Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, kos untuk mengeluarkan beras di negara kita agak amat tinggi. Misalnya mengikut maklumat yang saya dapati, untuk tahun 2002 sahaja subsidi harga adalah RM423 juta dan subsidi baja ialah RM121 juta. Walaupun banyak subsidi telah diberikan, harga beras di pasaran negara kita masih lebih tinggi daripada harga di pasaran dunia. Perbezaan harga beras tempatan dan harga beras di dunia telah menyebabkan masalah seperti penyeludupan beras dan juga kerugian kepada BERNAS. Adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang mengkaji semula Dasar Beras Negara kita dan juga peranan BERNAS? Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Terima kasih kepada Ahli Yang Amat Berhormat bagi Klang. Ini soalan yang cukup bernas. Memang betul harga beras import lebih murah daripada beras keluaran negara kita. Maksud saya kos menanam padi atau menghasilkan padi sendiri di negara kita adalah tinggi. Kalau kita import beras, harga beras lagi murah. Tetapi oleh sebab kerajaan kita hendak jaga kepentingan 150,000 petani-petani di negara kita termasuk yang ada dalam kawasan pembangkang ini, kita hendak jaga [Disampuk]. Ada! [Ketawa] Jadi, hendak jaga kepentingan petani-petani, kita kekalkan dengan dasar kita bahawa kita perlu keluarkan ataupun tingkatkan hasil padi negara.

Kita punya dasar pengeluaran beras negara sekarang adalah 65%. Itu minimum. Minimum 65%, maknanya bukan kita hendak keluarkan setakat 65% sahaja, mungkin boleh ditingkatkan lagi daripada segi pengeluaran beras dalam negara. Walaupun kerajaan menanggung begitu banyak kos subsidi harga padi dan subsidi baja padi, kalau kerajaan tidak beri subsidi ini, kos untuk mengeluarkan beras dalam negara kita lebih tinggi.

Jadi kerajaan kita amat prihatin hendak jaga kepentingan rakyat, kita terus keluarkan padi dan dalam masa yang sama, kita akan mengimport beras bagi memenuhi kekurangan tadi. Kalau kita keluarkan 66%, bererti kita terpaksa import bagi memenuhi keperluan dalam negeri. Jadi kita beri kepada BERNAS untuk import beras ini. Sekarang kita sedang berunding dengan BERNAS dan agensi-agensi lain supaya jangan disebabkan harga beras import murah menyebabkan berlakunya penyeludupan yang boleh menjejaskan harga beras dalam negara, harga padi dan pendapatan para petani di negara kita.

4. **Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:-

- (a) jumlah lawatan pelaburan ke luar negara telah dibuat yang melibatkan ahli-ahli perniagaan Malaysia dalam rombongan tersebut; dan
- (b) jumlah pelabur asing dari segi nilai ringgit yang melabur ke negara Malaysia hasil lawatannya dari tahun 2000 hingga 2003.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Ir. Ho Cheong Sing]: Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 2000 hingga Ogos 2003, sebanyak 29 misi perdagangan dan pelaburan telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang disertai oleh 762 ahli perniagaan Malaysia. Bagi tempoh dari tahun 2000 hingga Julai 2003, sebanyak 3105 projek perkilangan telah diluluskan dengan jumlah modal pelaburan bernilai RM87 bilion. Daripada jumlah modal pelaburan ini, RM54.9 bilion merupakan sumbangan pelaburan langsung asing. Projek-projek perkilangan yang diluluskan dalam tempoh tersebut telah membantu memajukan sejumlah 290,819 peluang pekerjaan kepada penduduk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, MITI akan meneruskan usaha-usaha untuk menarik pelaburan asing dari negara-negara pengeksporth modal yang dikenal pasti dan mempunyai potensi untuk melabur di Malaysia dalam aktiviti-aktiviti yang digalakkan. Negara-negara utama bagi penganjuran misi perdagangan dan pelaburan adalah Amerika Syarikat, negara-negara Eropah, China, Taiwan, Jepun dan Korea Selatan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan terima kasih Yang Berhormat yang dahulu duduk kat sini, sekarang kat sana menjawab. Ini berhubung dengan lawatan MITI, nampak dari segi projek yang bernilai RM87 million, cuma saya ingin tahu syarikat bumiputera yang terlibat, yang diperolehi oleh syarikat bumiputera dalam perniagaan ataupun secara *joint-venture* dengan pelabur asing. Boleh Yang Berhormat jelaskan sedikit dari segi syarikat bumiputera yang terlibat yang mendapat kehasilan daripada lawatan ini?

Datuk Ho Cheong Sing: Minta maaf itu soalan yang spesifik, saya tidak ada maklumat pada masa ini, saya akan memberi jawapan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kota Baharu.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Terima kasih, ini soalan tambahan untuk Setiausaha Parlimen. Dalam lawatan Perdana Menteri atau Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri ke luar negara ini saya selalu melihat upacara menandatangani MoU antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan luar ataupun dengan syarikat Malaysia dengan syarikat luar. Saya hendak tahu setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah MoU yang telah ditandatangani oleh Menteri berkenaan dan selepas ditandatangani MoU ini apakah tindakan-tindakan yang positif yang menguntungkan Kerajaan Malaysia. Itu sahaja pendek sahaja soalan. Terima kasih.

Datuk Ho Cheong Sing: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan ini sudah keluar. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

[Soalan No.5 - Y.B Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan) tidak hadir]

6. **Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini harga pasaran saham-saham amanah tajaan kerajaan-kerajaan negeri dan jumlah kerugian yang ditanggung oleh pelabur-pelabur berikutan dengan susutan harga berbanding dengan harga tawaran asal; dan
- (b) apakah langkah-langkah drastik yang akan dipertimbangkan oleh kerajaan bagi menangani masalah ini yang sudah lama berlarutan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Julai 2003 nilai aset bersih atau NAB tabung-tabung unit amanah yang ditaja oleh kerajaan-kerajaan negeri adalah berjumlah RM903.6 juta di mana jumlah ini mewakili sebanyak 2.9 bilion unit dalam edaran. Oleh sebab unit-unit tabung ini dijual pada harga RM1.00 seunit semasa ia ditawarkan, ini bermakna NAB tabung-tabung unit amanah ini telah susut sebanyak lebih kurang RM2 bilion ataupun 69% daripada harga tawaran asal. Walau bagaimanapun, susut nilai ini tidak memberi gambaran sebenar kerugian yang dialami oleh seseorang pelabur kerana konsep pelaburan dalam tabung unit amanah adalah terbuka iaitu pelabur boleh membeli unit-unit tabung bila-bila masa dan pada harga yang berlainan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dalam tabung unit amanah mempunyai beberapa risiko, antara lainnya risiko pasaran iaitu turun naik harga unit akibat daripada turun naik harga-harga saham di pasaran saham dan risiko-risiko lain termasuklah pengurusan syarikat, bidang perniagaan yang diceburi serta keadaan ekonomi negara dan dunia. Risiko-risiko tersebut boleh menjejaskan prestasi satu-satu tabung terutamanya tabung-tabung yang dikategorikan sebagai tabung ekuiti seperti tabung-tabung unit amanah tajaan kerajaan-kerajaan negeri.

Bagi memastikan para pelabur sedar mengenai risiko-risiko ini Suruhanjaya Sekuriti telah mewajibkan agar risiko-risiko ini dizahirkan dalam prospektus semua tabung unit amanah untuk makluman dan pertimbangan pelabur sebelum membuat keputusan untuk melabur dalam tabung unit amanah.

Jawapan soalan (b) kerajaan masih lagi meneliti kaedah yang terbaik yang boleh diambil bagi memastikan masalah tabung-tabung unit amanah saham tajaan kerajaan-kerajaan negeri dapat diselesaikan dengan cara terbaik untuk kepentingan semua pihak. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Menteri. Dahulu Timbalan Menteri datang menjawab lebih spesifik jawapannya. Sekarang ini semakin umum, semakin umum, saya rasa lama-lama hilang begitu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat yang mencarum ataupun yang melabur dalam saham-

saham amanah ini adalah bumiputera-bumiputera yang baru hendak belajar melabur di pasaran saham dan mengambil banyak pinjaman daripada bank, yang mereka terpaksa membayar dahulu semacam yang disebutkan tadi harganya RM1.00 sekarang ini ada yang 31 sen, ada yang 28 sen, ada yang 20 sen begitu dan saya nampak tindakan yang hendak diambil, oleh kerana nampak *general* macam itu. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat *concerned* dan *concern* saya ini pula berkait dengan bagaimana ghairahnya kerajaan mengambil tindakan untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar seperti Country Heights hendak diselamatkan, KTMB, MAS, Renong dan sebagainya.

Bila tentang peniaga kecil yang tidak ada suara ini, orang kecil yang tidak ada suara ini, kita dapati inilah tindakan yang diambil oleh kerajaan. Saya dapat tahu Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ini soalan, bahawa ada satu caranya namanya SPV yang mana itu adalah merupakan mekanisme yang telah dirangka, tetapi atas beberapa sebab kelulusan belum dapat dibuat tentang SPV ini. Saya hendak menyoal apa kedudukan tentang SPV ini kalau saya, saya bersetuju sangat SPV ini untuk dijalankan, kerana ini boleh menyelesaikan masalah pelabur-pelabur kecil ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, di atas *concern* Yang Berhormat dan tentang pelabur-pelabur kecil. Saya boleh memberi data untuk pengetahuan Yang Berhormat. Setakat 3 Januari 2002 sebanyak 55,643 pelabur telah mendapat pinjaman daripada institusi kewangan sebanyak RM460 juta untuk membeli unit amanah saham negeri. Jumlah unit saham yang terlibat ialah RM808.6 juta untuk saham-saham negeri itu. Cadangan Yang Berhormat, kerana kita memikirkan, oleh kerana kita ramai pelabur ini, sebanyak 531,480 orang dan apa-apa tindakan yang hendak kita ambil kenalah kita memanggil sekurang-kurangnya 75% daripada 531,480 orang.

Jadi, kalau misalnya di Selangor saya rasakan kita kena buat di stadium untuk memberikan pandangan seperti Yang Berhormat katakan tadi, sama ada kita hendak mewujudkan SPV ataupun tidak kerana kita *concerned* tentang kebajikan orang-orang kecil ini tadi seramai 531,480 orang. Jadi, sekiranya 75% daripada 531,480 bersetuju maka barulah boleh kita jalankan. Masalahnya sekarang yang kita dapati daripada kerajaan-kerajaan negeri untuk mencari mereka ini kerana mereka ini berpindah randah dan kita hendakkan sekurang-kurangnya 75%. Cadangan Yang Berhormat untuk menyelesaikan masalah ini melalui SPV, ini satu cadangan yang baik dan kerajaan akan meneliti perkara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Berhubung dengan amanah saham, saya nampak isu yang dikatakan sebagai isu global, yang menyebabkan keruntuhan pasaran saham seluruh dunia termasuklah pasaran saham negeri, tetapi nampaknya negeri yang paling terjejas ialah negeri-negeri yang bursa sahamnya diuruskan oleh Barisan Nasional. Isu yang saya hendak timbulkan ini Johor ini....

Seorang Ahli: Johor, Johor.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: ..adakah benar bahawa hanya Amanah Saham Johor sahaja yang akan diselamatkan, yang dikatakan bahawa RM300 juta akan di*inject* dalam Amanah Saham Johor? Adakah kerana Johor ini Darul UMNO ataupun kerana apa? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat, memang betul bahawa semua tindak tanduk saham ini bergantung kepada isu-isu global dan juga isu-isu nasional. Jadi, kerana itu kita telah memikirkan kalau boleh semua kerajaan negeri dapat menyelesaikan masalah ini, pertama seperti yang saya katakan tadi bahawa ramai pemegang amanah seramai 531,480 orang ini sekurang-kurangnya 75% daripadanya dapat menyuarakan pandangan mereka. Yang keduanya tidak benar, yang menyatakan kerajaan akan menyuntik hanya membantu Kerajaan Negeri Johor sahaja.

Yang ketiganya kalau kita tengok Kerajaan Negeri Sarawak dia memang RM1.00, ini Barisan Nasional juga ya, terima kasih.

7. **Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa buah kolej jururawat yang telah ditubuhkan di Malaysia, khususnya di Sabah sehingga ke hari ini untuk melatih jururawat-jururawat pelatih. Apakah insentif-insentif yang diberikan oleh kerajaan untuk menarik minat lebih ramai lagi golongan muda khususnya untuk menceburi bidang kejururawatan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 22 buah kolej kejururawatan di Semenanjung, tiga buah di Sarawak dan tiga buah di Sabah untuk melatih jururawat-jururawat pelatih. Insentif yang diberikan oleh kerajaan untuk menarik lebih ramai pelajar menceburi bidang kejururawatan adalah seperti berikut:-

- (i) meningkatkan jumlah biasiswa pelatih peringkat diploma dari RM551.10 sen kepada RM621.21 sen dan peringkat sijil dari RM456.50 sen kepada RM517.15 sen dan memberikan elaun buku, pakaian seragam dan menyediakan kemudahan latihan yang selesa;
- (ii) memberi elaun kritikal sebanyak 10% daripada gaji, juga memberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus lanjutan seperti kursus *for basic* dan peningkatan kerjaya yang lebih baik.
 - (iii) siri-siri ceramah dan promosi kerjaya yang dijalankan oleh kolej-kolej Kementerian Kesihatan dengan pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mana kumpulan sasar terdiri daripada pelajar sekolah;
- (iv) mengedarkan risalah-risalah kepada orang ramai yang datang semasa Hari Bersama Pelanggan, hari terbuka kolej dan pejabat-pejabat Kesihatan di peringkat negeri dan daerah.

Datuk Lau Ngan Siew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah jururawat-jururawat yang telah dilatih dan berpengalaman untuk mengendalikan kes-kes penyakit SARS buat masa ini dan apakah latihan-latihan yang sedang diberikan kepada jururawat-jururawat di seluruh Malaysia ketika berhadapan dengan penyakit-penyakit SARS? Sekian, terima kasih.

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, untuk menangani masalah SARS, SARS ini bukan satu penyakit yang terus menerus yang ada di negara kita ini. Ia boleh dianggap satu penyakit endemik iaitu tiba-tiba muncul serupa juga macam denggi, JE dan lain-lain penyakit dan sebagainya. Jadi, kita tidak perlu membuat latihan spesifik kepada semua kakitangan untuk SARS sahaja, tetapi latihan secara umum yang merangkumi cara-cara mengendalikan penyakit itu memang terkandung dalam latihan untuk semua jururawat seperti juga untuk pegawai-pegawai perubatan. Buat masa ini untuk SARS ini memang kita ada unit-unit di semua hospital daerah dan juga hospital umum yang memang telah pun bersiap sedia seperti yang telah kita hadapi pada bulan Mac dan April itu. Mereka memang bersiap sedia sekiranya masalah ini mengulangi.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sedar bahawa keperluan jururawat di negara ini jauh dari mencukupi. Saya ingin tahu selain daripada jururawat yang sedia ada dan juga yang sedang berlatih di pusat latihan setakat ini, adakah kementerian akan menarik jururawat-jururawat yang telah bersara ataupun jururawat-jururawat luar yang bekerja secara kontrak ataupun *part-time* sebelum statistik kekurangan jururawat di seluruh Malaysia mencukupi?

Tuan S.G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar keperluan itu adalah terlalu ramai, memadai dengan jumlah pengisian yang telah dibuat. Tetapi kita telah pun ada 28 buah kolej jururawat yang sedia ada di mana kita telah pun meningkatkan pengambilan jururawat-jururawat ini, saya percaya langkah-langkah telah diambil untuk

mengatasi keperluan ini. Buat masa ini walaupun ada kekurangan tetapi kekurangan itu bukanlah satu kekurangan yang mendesak. Kita masih boleh lagi mengatasi masalah dan buat masa ini tidak ada sebarang niat untuk mengambil jururawat-jururawat dari luar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Parit Buntar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...yang telah berjaya mengekalkan Naib Presiden PAS dalam Muktamar. Tetapi saya takziah Pokok Sena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...sahabat saya bekas Ketua Pemuda PAS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini saya mengalu-alukan Muktamar PAS. Jadi, saya takziah rakan saya, sahabat saya Pokok Sena boleh kalah. Hero PAS boleh kalah, saya pun tak faham orang PAS macam mana dia memilih pemimpin. Tetapi tak mengapalah lain, kali Pokok Sena akan dilantik. Soalan saya nombor 8, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

8. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan yang akan diambil terhadap kerja-kerja pembalakan yang dijalankan di kawasan tadahan air Tasik Kenyir, Terengganu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Menteri Perusahaan Utama.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap individu dan syarikat yang memiliki tanah dan berhasrat menjalankan kerja-kerja pembalakan, terlebih dahulu mendapatkan lesen pembalakan daripada kerajaan negeri seperti mana yang diperuntukkan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Setiap pembalok perlu mematuhi syarat-syarat yang dikenakan apabila hendak memindahkan hasil hutan daripada tanah tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kawasan hutan simpan kekal di sekitar Tasik Kenyir adalah dalam lingkungan 125,000 hektar iaitu setelah mengambil kira keluasan cadangan projek Hidroelektrik Kedua, Tenaga Nasional Berhad seluas 16,800 yang telah diwartakan keluar oleh Kerajaan Negeri Terengganu daripada Hutan Simpan Tembat.

Kerajaan Negeri Terengganu telah memutuskan supaya kawasan Hutan Simpan Tembat tersebut dibalak terlebih dahulu dan lesen membalak telah dikeluarkan kepada Syarikat Ria Padu Sdn. Bhd. untuk kawasan seluas 427 hektar mulai 15 Mei 2003. Dalam hal ini, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Perhutanan akan memastikan pelesen mematuhi syarat-syarat yang perlu seperti menyediakan zon penampungan ataupun, dengan izin, *buffer zone* di sepanjang sungai dan syarat-syarat lain untuk mencegah berlakunya kesan buruk kepada alam sekitar.

Di samping itu, terdapat juga pembalakan di tanah milik persendirian di Pulau Sumas, iaitu sebuah pulau jadian yang wujud akibat takungan air hasil pembinaan Empangan Kenyir. Kerajaan Negeri Terengganu telah mengeluarkan lesen membalak bagi mengeluarkan kayu kepada Syarikat SPPT Development Sdn. Bhd. untuk kawasan seluas 484.66 hektar mulai 15 Februari 2003. Selain daripada itu, kerja-kerja pembalakan juga terdapat di Tasik Kenyir untuk mengeluarkan kayu balak yang masih terdapat di dasar tasik seperti semasa kawasan Empangan Kenyir ditenggelami air dahulu. Kerja-kerja pembalakan di bawah air ini juga perlu mematuhi syarat-syarat khusus bertujuan untuk mengawal pencemaran yang berpunca dari pembalakan tersebut.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Pusat sentiasa memantau secara rapi agar pengusaha hasilan hutan di negara ini dijalankan secara berkekalan selaras dengan Dasar Perhutanan Negara. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pihak kerajaan negeri mewujudkan suatu kerjasama yang baik dengan pihak Jabatan Hutan Negeri Terengganu dan begitu juga dengan pihak Jabatan Alam Sekitar, maka proses meluluskan pembalakan dan mengeluarkannya adalah mengikut peraturan-peraturan yang betul dan syarat-syarat yang betul sehingga pihak kementerian telah memberikan keizinan supaya Jabatan Hutan Terengganu mendapat ISO dan baru sahaja mendapat ISO. *[Tepuk]*

Apakah relevannya dengan masalah-masalah yang ditimbulkan ini maka ISO diberi kepada Jabatan Hutan Negeri Terengganu yang merupakan jarang-jarang sekali berlaku kepada negeri lain.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Soalan, soalan!

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang berikutnya soalan saya apakah relevannya ISO diberi? Adakah pihak kerajaan akan mencadangkan supaya ditarik balik ISO ini? Saya merasakan bahawa lebih baik supaya Yang Berhormat bagi Sri Gading menyoal mengapa berlakunya jual air 3 sen 1,000 gelen kepada Singapura. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tadi Yang Berhormat bertanya kenapa diberi ISO kepada proses-proses pembalakan yang berada di Terengganu. Tetapi saya pun tidak tahu macam mana hendak menjawab soalan ini sebab yang sebenarnya soalan ini diputarbelitkan. Tetapi terima kasih Yang Berhormat, saya bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama mengucapkan terima kasih atas pujian Yang Berhormat mengatakan satu kerjasama yang telah terjalin dengan begitu baik di antara kerajaan negeri dengan jabatan-jabatan di dalam negeri Terengganu. Jadi, saya terima kasih kerana ada disebut satu kerjasama yang baik, itu yang kita harap-harapkan, Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Orang Melayu pernah mengungkapkan, "*Lain hulu, lain parang; Lain dahulu lain sekarang*"

Seorang Ahli: Apa soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soalan sampai nanti, insya-Allah Yang Berhormat tunggulah. Waktu UMNO (Barisan Nasional) memerintah Terengganu, *[Ketawa]* Ho, ho, hooooo! *[Ketawa]* Yang Amat Berhormat YB Maranglah menjadi kepala menghentam

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kepala apa itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kerajaan UMNO (Barisan Nasional) Terengganu soal pengurusan hutan ketika itu. Walaupun Kerajaan Terengganu waktu itu memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Kementerian Perusahaan Utama.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi sekarang apabila Kerajaan PAS memerintah Terengganu, nampak sangat kegelojohan Kerajaan Terengganu memusnahkan hutan-hutan di negeri Terengganu.....

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Takut, bukan gelojoh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:sehingga ada usul oleh beberapa orang ADUN daripada Barisan Nasional untuk mengawal hutan simpan DUN Terengganu ditolak. Saya difahamkan besar piring pun dia kebas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kayu sebesar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, soalan!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:..... sebesar pinggan pun dia kebas [*Dewan riuh*] Tidak cukupkah? Ini soalnya hendak sampai ini. Saya hendak tanya Kementerian Perusahaan Utama, apa tindakan kepada sebuah kerajaan yang diberikan amanah tetapi mengkhianati amanah rakyat, maknanya khazanah yang terpenting negeri di.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dimusnahkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:..... dirogol [*Ketawa*] oleh Kerajaan PAS ini. Nampak sangat Kerajaan PAS mementingkan fulus, fulus, fulus, duit, duit, fulus, duit!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Money.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Soal kepentingan rakyat sudah tidak penting. Saya difahamkan ada ura-ura mengatakan bahawa kerana inilah kali penghabisan memerintah Terengganu, hasil balak Terengganu mesti dikebas sebelum kuasa akan terlepas pada pilihan raya yang ke sebelas. Jadi macam mana pihak Kementerian Perusahaan Utama menangani kerajaan yang gelojoh kepada hasil mahsul kayu balak ini untuk kepentingan diri dan kepentingan parti yang memerintah. Terima kasih [*Dewan riuh*].

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat, memang saya setuju Yang Berhormat seratus peratus. "*Mengata dulang paku serpih, mengata orang dia lagi lebih.*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Peraturan Mesyuarat.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: Peraturan Mesyuarat 36(6). Dalam jawapan tadi tidak ada pun menunjukkan perkataan gelojoh dan sebagainya, perkara-perkara yang menimbulkan soalan ini, kenapa diberi. Saya rasa soalan ini tidak patut dibenarkan oleh kerana ini perkara yang *assume*, yang dianggap sahaja [*Dewan riuh*].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah, cukuplah. Yang Berhormat, tidak perlu jawablah.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, seperti

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu jawablah.

Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua kata, tidak perlu dijawab. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan hormatnya dimaklumkan Dewan yang mulia ini, pada hari ini diraikan dengan kehadiran Ahli-ahli Senat daripada Kanada dengan diketuai oleh Tuan Yang Terutama Speakernya. Kita mengalu-alukan mereka ke Malaysia dan ke Dewan ini, marilah kita bersama-sama menyambut kehadiran mereka [*Tepuk*]. Selamat Datang.

9. Drs. Haji Abu Bakar bin Othman [Jerlun] minta Menteri Luar Negeri menyatakan Persidangan Kemuncak OIC dari 11–18 Oktober 2003 yang bakal diadakan di Kuala Lumpur:-

- (a) jumlah perbelanjaan yang digunakan bagi menyelenggarakan persidangan tersebut dan siapakah atau negara manakah yang membiayainya;
- (b) matlamat dan hasil yang boleh dicapai bagi jangka pendek mahupun jangka panjang.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerlun bersama-sama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah pada 27 Oktober 2003 kerana menyentuh isu yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kabinet telah meluluskan peruntukan sebanyak RM104,965,750 bagi penganjuran Sidang Kemuncak OIC 2003. Segala perbelanjaan untuk penganjuran Sidang Kemuncak OIC ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Sesi Kesepuluh Sidang Kemuncak OIC akan membincangkan resolusi-resolusi di dalam hal ehwal politik, ekonomi dan sosial untuk persetujuan ketua-ketua negara Islam atau OIC. Resolusi-resolusi ini adalah tunggak kepada prinsip-prinsip Pertubuhan Persidangan Islam OIC. Satu sesi percambahan minda atau *brainstorming session*, dengan izin, juga akan diadakan semasa Mesyuarat Persediaan Menteri-menteri Luar Negeri pada 13 Oktober 2003. Sesi percambahan minda ini akan membincangkan empat topik utama yang dilihat penting bagi kemajuan umat Islam.

Topik-topik tersebut adalah:

- (i) penyuburan semula OIC atau *revitalization of OIC*;
- (ii) teknologi maklumat untuk pembangunan ummah; dan
- (iii) *Gold Dinar* di dalam perdagangan antarabangsa.

Kerajaan berharap Sidang Kemuncak OIC Kesepuluh akan menghasilkan *Putrajaya Declaration of Knowledge, Morality, Unity and Dignity for the Progress of Ummah* yang akan menjadikan panduan kepada arah dan tujuan pertubuhan persidangan Islam. Deklarasi tersebut berteraskan isu-isu penting seperti berikut:

- (i) penstrukturan semula OIC atau *restructuring of OIC*;
- (ii) penyuburan semula OIC atau *revitalization of OIC*;
- (iii) pembangunan ICT untuk kemajuan ummah; dan
- (iv) penggunaan Dinar Emas dalam perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Sidang Kemuncak OIC 2003, Putrajaya Convention Centre, Putrajaya telah dipilih sebagai lokasi persidangan. Dalam masa yang sama, Putrajaya akan dikunjungi oleh ramai wakil-wakil media antarabangsa dan tempatan. Secara tidak langsung Putrajaya akan lebih dikenali di peringkat antarabangsa.

Program-program sampingan seperti seminar, ekspo, acara sukan, pelancaran Dinar Emas dan lain-lain akan diadakan sempena Sidang Kemuncak OIC turut mampu memperkenalkan nama Malaysia sebagai salah satu destinasi pelancongan. Kesan jangka panjang yang dijangkakan mampu diraih oleh pengaliran pelancong asing yang berterusan. Ini mampu juga memberikan peluang ekonomi tempatan yang lumayan kepada negara-negara terutama industri perhotelan dan sektor perkhidmatan domestik.

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan OIC 2003 ini juga dijangkakan akan menaikkan imej Putrajaya sebagai sebuah Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kemudahan termasuk kemudahan untuk mengadakan persidangan bertaraf antarabangsa. Ini dianggap sebagai pelengkap kepada status Putrajaya sebagai sebuah bandar raya pintar yang serba moden yang memiliki kemudahan-kemudahan yang bertaraf antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, penganjuran Sidang Kemuncak OIC Kesepuluh di Putrajaya ini juga merupakan sidang kemuncak yang buat pertama kalinya turut mengadakan program-program sampingan seperti Ekspo OIC, forum perniagaan dan lain-lain program yang mempunyai menaikkan nama Malaysia serta dilihat sebagai penganjur Sidang Kemuncak OIC yang mempunyai kesungguhan dalam usaha mengeratkan hubungan di kalangan negara-negara anggota OIC melalui program-program sampingan yang diadakan.

Kita juga akan merupakan negara penganjur yang pertama menjemput isteri-isteri ketua negara untuk menyertai persidangan OIC melalui program pasangan yang diaturkan. Usaha-usaha ini menunjukkan kita mampu untuk merealisasikan hasrat untuk menjadi salah sebuah negara maju di kalangan negara-negara OIC. Terima kasih.

Tuan Zawawi bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dengar berita daripada RTM yang menunjukkan bahawa Menteri Luar telah menyerahkan kunci kereta BMW untuk kegunaan ketua-ketua negara. Soalannya mengapakah masa ini kita tidak cuba mempromosikan kereta Perdana bagi bersaing dengan AFTA yang akan datang ini. Jadi, apakah rasionalnya diserahkan BMW, tidak Perdana? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini memang sebenarnya ialah BMW adalah separuh daripada *sponsor* untuk penggunaan kereta. Kereta *Perdana* kita, kereta tempatan memang digunakan sepenuhnya dalam program ini seperti kita gunakan pada sesi Persidangan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang ke-13.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya ialah, memandangkan kehadiran pemimpin, ketua-ketua negara Islam dan para pemerhati di persidangan yang pertama kali diadakan di negara kita ini yang akan menjadi satu sejarah, sejarah kepada kita semua dan juga sejarah pembangkang yang tidak pernah menerima hakikat kebaikan yang telah dilakukan oleh kerajaan. Soalan saya ialah, apakah langkah-langkah keselamatan yang akan diambil, terutama sekali memandangkan pandangan pihak Amerika sendiri terhadap kononnya negara kita ini tidak selamat, adanya keganasan dan kumpulan militan sejak akhir-akhir ini. Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat supaya rakyat tidak terkeliru dan juga pemerhati luar tidak keliru dengan keadaan keselamatan dalam negara kita ini, terutama sekali yang digembar-gemburkan oleh pihak pembangkang, terutamanya PAS. Terima kasih.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita telah menganjurkan satu persidangan yang besar juga pada bulan Februari yang lalu tahun ini, iaitu di mana melibatkan lebih dari 113 buah negara, termasuk tidak kurang 45 ketua-ketua negara, tidak termasuk ketua kerajaan juga, dan telah melibatkan pemimpin-pemimpin yang dikatakan dari kalangan yang dianggap *'high-risk'* dan sebagainya, dan kita telah menguruskan dengan jayanya, dan keselamatan adalah terkawal.

Dengan itu juga kita telah memberi gambaran kepada pemimpin-pemimpin negara dunia bahawa negara kita memang selamat, dan kita telah mengadakan langkah-langkah dan usaha-usaha yang *preventive* dan juga yang *forward*, dengan izin, dalam kita mengendalikan supaya negara kita sentiasa stabil dan sentiasa selamat dari mana-mana ancaman, dan kita mengusahakan supaya mana-mana konvensyen ataupun pelancong-pelancong yang datang ke negara kita, ataupun orang yang melabur dalam negara kita sentiasa merasa selamat, dan bahawa mereka ini sentiasa terjaga keselamatan. Ini telah dibuktikan sejak dihebohkan bahawa banyak negara di rantau ini diancam dari segi keselamatan. Begitu juga kita nampak bahawa usaha-usaha kita menyediakan kawalan keselamatan dan juga menjaga para perwakilan dalam OIC ini telah diurus dan disediakan dengan secukupnya.

[Soalan No.10 – Y.B. Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Haji Muhyidin Haji Abd. Rashid.

Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membetulkan sedikit soalan saya Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya berbunyi, apakah asas pembekuan bantuan tanaman semula kepada pekebun kecil getah yang menanam tanaman selain daripada getah dan kelapa sawit. Soalan saya nombor 11.

11. **Tuan Haji Muhyidin bin Abdul Rashid [Hulu Terengganu]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah asas pembekuan bantuan tanaman semula kepada pekebun kecil getah yang menanam tanaman selain daripada getah dan kelapa sawit.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memutuskan supaya Program Tanam Semula Getah ke Lain-lain dibiayai secara pinjaman berbanding geran pada tahun-tahun sebelumnya. Asas perubahan kaedah pembiayaan ini ialah untuk menggalakkan pekebun kecil menanam semula dengan getah bagi maksud mengekalkan kepentingan industri getah negara. Bagaimanapun, pada 13 Ogos 2003, kerajaan telah bersetuju meneruskan pembiayaan bantuan tanam semula pada kadar RM4,448 sehektar kepada kebun 2.5 hektar dan ke bawah yang ingin menyertai TSGL.

Program ini diwujudkan khas sebagai strategi pembasmian kemiskinan. Bagaimanapun disyaratkan tanaman semula tersebut hendaklah dilaksanakan secara berkelompok, tanah berada di luar zon getah dan dilaksanakan dengan model projek integrasi yang menguntungkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab diselesaikan.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2003

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Kewangan No.2 Tahun 1998, Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) Tahun 2000, Akta Petroleum Cukai Pendapatan Tahun 1967 dan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan Tahun 1990; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd Salleh]; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2004

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2004

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang undang-undang Perbekalan 2004 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih tiga puluh satu bilion sembilan ratus enam puluh juta ringgit (RM31,960,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2004, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2004 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 24 Tahun 2003 adalah

diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan." [12 September 2003]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini, dibacakan kali yang kedua sekarang, dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Marang.

11.06 pagi.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca Salawat]*

Tuan Mohd Yusoff bin Mohd Nor: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu, tadi disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa kita sekarang ini bersidang dalam Majlis. Saya rasa kita sekarang bukan persidangan dalam Majlis, dalam Jawatankuasa Majlis. Sekarang bukan Jawatankuasa Majlis, sekarang persidangan dalam Majlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita memang jalankan mengikut Peraturan Mesyuarat. Kita dalam peringkat Dasar untuk Yang Amat Berhormat kemukakan Ucapan Dasarnya terhadap subjek yang kita bincangkan.

Tuan Mohd Yusoff bin Mohd Nor: Bukan Majlis Jawatankuasa? [Disampuk] Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menarik perhatian bahawa Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bolehlah diberi gelaran 'Bajet Waktu Asar' dan 'Bajet Pilihan Raya'.

Saya menamakan ini 'Bajet Waktu Asar', kerana ia merupakan waktu asar bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memegang jawatan. Tidak lama lagi beliau akan meninggalkan jawatan sebagai Perdana Menteri, yang sepatutnya meninggalkan sejarah peribadi yang baik bagi demokrasi negara kita, sepatutnya meninggalkan satu perubahan yang membawa reformasi kepada demokrasi yang lebih subur, mengembangkan pemikiran rakyat yang membangunkan negara ini dalam segala aspek.

Saya namakan Bajet ini 'Bajet Asar' kerana pembentangan dilakukan dalam keadaan yang gelisah bagi mereka yang mahu menunaikan waktu asar. Ada mereka yang boleh menghimpunkan sembahyang, dengan sebab musafir, dan kemudahan yang diberi oleh agama Islam, tetapi di sana ada mereka yang mesti menunaikan sembahyang itu dalam waktunya.

Apabila pembentangan itu dilakukan dengan begitu rupa, menyebabkan mereka yang beragama Islam yang ingin menunaikan sembahyang pada waktu yang tepat menjadi serba-salah. Ini sangat bercanggah dengan ciri sebuah negara Islam, yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri ketika menutup pembentangan beliau, di mana Al-Quran Al-Karim menegaskan ciri yang penting bagi sebuah negara Islam, yang tidak boleh direka cipta oleh mana-mana para ulama, sama ada imam-imam besar dalam mazhab Islam ataupun Syeikh Azhar yang dijemput oleh pihak kerajaan.

Al-Quran telah meletakkan ciri peribadi kepimpinan di dalam negara Islam dalam surah Al-Hajj, Firman Allah S.W.T. [Membaca sepotong ayat suci Al-Quran] yang bermaksud: "Orang-orang yang kami berikan kepada mereka kuasa memerintah negeri, mereka itu mandiri, menegakkan sembahyang, mereka menunaikan zakat, mereka menyuruh kepada yang baik dan mereka mencegah kemungkaran. Bagi Allah sahaja akibat segala urusan."

Islam meletakkan dalam aspek negara Islam, mestilah kepimpinan yang mengadakan hubungan dengan Allah S.W.T. secara peribadi. Menyedari bahawa tanggungjawab kepimpinan mempunyai perhitungan dosa dan pahala, bukan perhitungan

dosa dan pahala ini dalam hal-hal yang berkait dengan individu secara khusus, termasuklah dalam perkara yang berkait dengan urusan negara dan pentadbirannya.

Walaupun perkara sembahyang ini perkara peribadi, tetapi Islam memberi penerangan di dalam Al-Quran, peribadi yang memimpin negara amat penting dikaitkan dengan mendirikan sembahyang. Islam melaksanakan ajaran kebebasan beragama. Kebebasan beragama hendaklah diberi kepada semua penganut agama yang menjadi rakyat di dalam negara, sama ada Islam ataupun bukan Islam. Amat malang kita memberi kebebasan beragama kepada orang-orang yang bukan Islam tetapi orang-orang Islam sendiri berada dalam keadaan serba salah, walaupun dalam detik yang sedikit. Saya harap pihak agama dalam kerajaan terutamanya dalam UMNO, tidak membisu seribu bahasa dalam menghurai dan menjelaskan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, kita menerima peruntukan yang begitu banyak dan kemudahan-kemudahan yang diberi.....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya rasa terharu dengan ingatan yang diberi oleh Ketua Pembangkang mengenai perkara yang sangat besar. Bagi orang-orang Islam, hal ini merupakan perkara yang terlalu besar. Yang kita jalankan ini urusan manusia, ia ada urusan dengan Allah S.W.T.

Pada hari itu sangat malang, sangat malang, sebab orang nombor satu, ketua eksekutif dalam negara, menunjukkan satu contoh yang amat menjelikkan. Saya dapat terlalu banyak SMS, semasa ucapan dibuat. "*Bila lagi hendak solat?*" "*Bila lagi hendak solat?*" "*Bila lagi hendak solat?*"

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Marang?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ya, ya, ya! Ini penjelasan ini, ini penjelasan, ini penjelasan! Perkara ini sangat penting, sangat penting! Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dalam keadaan apa pun, kepentingan Allah mesti didahulukan daripada kepentingan manusia.

Apa lagi yang kita hendak bincangkan ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai pembangunan khusus untuk memberikan peruntukan tahun 2004.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalan yang ingin dikemukakan?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Soalan saya ialah - soalan saya ialah - apa keadaan pun kita mesti mendapat pertolongan daripada Allah S.W.T. [*Membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] "*Dan, mintalah pertolongan daripada Allah S.W.T.*" Sebab itu kekuatan yang kita ada - Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kaitkan sedikit, saya hendak habiskan soalan ini - kita sekarang ini sedang ditimpa oleh masalah demi masalah, masalah demi masalah, masalah demi masalah! Hampir seluruh pengkaji mengatakan, masalah ini berkaitan dengan kerohanian. Hampir seluruh pengkaji mengatakan, masalah di sekolah, gengster misalnya, adalah masalah tidak memberatkan hal sembahyang, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sebab itu saya hendak minta, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya hendak minta kalau dapat komen sedikit daripada soalan saya ini. Apakah model yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan ketua-ketua dalam kerajaan ini? Adakah ini model yang hendak ditunjukkan untuk kita membina negara terutamanya anak-anak kita yang sedang dilanda oleh pelbagai masalah kerana kita mengajar mereka sembahyang, itu boleh ditinggalkan, sembahyang itu tidak penting, sembahyang itu boleh diperlekehkan. Sila.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan permohonan penjelasan daripada Yang Berhormat bagi Parit Buntar, suka

saya menyatakan bahawa pelaksanaan Islam bagi orang Islam itu dibahagikan oleh para ulama kita kepada dua cara, dua pendekatan.

Yang pertama, pendekatan secara hidayah, secara benar-benar ingin mendapat petunjuk daripada Allah. Yang kedua, pendekatan secara jibayah, hanya menekan dalam aspek-aspek kebendaan yang dipisahkan daripada aspek-aspek spirituil. Yang betul ialah melaksanakan Islam secara hidayah dan penekanan dalam aspek-aspek kebendaan. Kita perlu menyedari bahawa Islam tidak memisahkan sembahyang dengan urusan dunia dan urusan dunia dengan sembahyang.

Oleh kerana itulah Allah berfirman, *[Membaca sepotong ayat suci Al-Quran]* “*Sesungguhnya sembahyang itu menjadi wajib kepada orang Islam, menunaikannya dalam waktu yang ditetapkan*”. Dalam kesibukan kita sama ada di masa aman, termasuk di masa darurat, tidak boleh meninggalkan sembahyang.

Dalam masa sembahyang disebut *[Membaca sepotong ayat suci Al-Quran]*, “*Sesungguhnya sembahyang aku, ibadat aku, hidup aku dan mati aku kerana Allah*” Dalam sembahyang disebut *[Membaca sepotong ayat suci Al-Quran]* “*Berilah rezeki kepadaku*”. Dalam sembahyang pun sebut rezeki. Apa yang dilakukan seolah-olah kita memisahkan di antara sembahyang dan urusan duniawi. Ini sangat bercanggah dengan sifat dan ciri sebuah negara Islam yang sebenarnya, yang patut dinobatkan, yang telah diletakkan oleh acuannya di dalam Al-Quran dan sunah Nabi Muhammad s.a.w.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menarik perhatian

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Marang. Tadi, Yang Berhormat bagi Marang ada sebut berkaitan dengan harapan supaya pihak pemimpin nombor satu kerajaan ini menyedari hakikat apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Marang berkenaan dengan waktu Asar kita, sewaktu pembentangan belanjawan hari Jumaat yang lepas.

Adakah Yang Berhormat yakin teguran daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang ini akan didengari oleh Ketua Kerajaan yang telah membuat perkara yang disebutkan tadi? Ataupun adakah Yang Berhormat yakin mereka-mereka yang belajar agama, yang berada di bawah dagu pemimpin nombor satu kerajaan hari ini, sanggup menegur kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Marang tadi, beritahu kepada orang nombor satu, iaitu Perdana Menteri ini atau perbuatan-perbuatan yang telah dilakukan pada hari, petang Jumaat yang lalu? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai sikap yang buruk terhadap Perdana Menteri. Apa yang saya rasa terkilan ialah mereka yang mengetahui agama, yang ada di keliling Perdana Menteri, jangan membisu seribu bahasa. *[Tepuk]* Saya tidak mahu mengulangi lagi perkataan yang kesat. Jangan membisu seribu bahasa.

Sepatutnya berilah teguran-teguran yang membina, teguran-teguran yang membetulkan keadaan. Ini adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk wujud dalam sebuah negara yang diberi berkat, untuk seluruh rakyat, sama ada yang Islam ataupun yang bukan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sedikit sahaja saya ingat sebelum pergi kepada tajuk itu. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ketua Pembangkang. Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan, saya hendakkan komen daripada Ketua Pembangkang. Kalau misalnya hari Jumaat menjadi Hari Bajet dan masa tidak mengizinkan untuk Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan yang lain-lainnya untuk berpantun dan bersajak, maka saya rasa kita kena ubah tarikhnya, kena ubah harinya. Jangan hari Jumaat, hari Jumaat

memang singkat. Kita boleh mula pukul 4.00 petang dan kita boleh mengakhirkkan, bukan melanggar waktu Maghrib dan meninggalkan waktu Asar.

Jadi, saya hendak mencadangkan kalau boleh, tidak tahulah peraturan macam mana pun, kalau kita dapat ubah supaya tidak pada hari Jumaat supaya kita boleh bermula kepada masa yang biasa ditetapkan, pukul 2.30 petang dan kita akhirkkan sampai bila-bila, bolehlah Menteri Kewangan bersajak sampai malam. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju. Itu terpulang kepada budi bicara dan kebijaksanaan. Yang penting ialah kita menghormati amalan beragama, bukan sahaja kepada orang Islam termasuk kepada orang-orang yang bukan Islam. Inilah salah satu daripada kemanisan demokrasi yang perlu kita wujudkan dan perlu dihidupkan di dalam Parlimen ini sendiri. Dalam Parlimen ini sendiri, kita mewujudkan satu demokrasi yang tulen di antaranya ialah kebebasan beragama.

Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Marang. Sebagaimana yang kita tahu dalam sejarah Islam di waktu Sayidina Omar bin Al-Khattab mengalami kecederaan parah ditikam oleh Abu Lulu'ah. Setelah sedar daripada tikaman yang membawa kepada matinya selepas daripada itu, beliau tidak bertanya adakah pembunuhnya ditangkap ataupun sudah dikenakan hukuman tetapi apa yang ditanya oleh beliau iaitu "*Apakah kamu telah menunaikan sembahyang Subuh berjemaah?*" Di sini menunjukkan bagaimana besarnya sembahyang.

Dalam al-Quran sendiri menyebut *[Membaca sepotong ayat suci al-Quran]* yang bermaksud "*Jagakanlah sembahyang-sembahyang kamu dan sembahyang yang berada di tengah...*". Ulama-ulama mengatakan sembahyang Asar. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Marang?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menganggap diri kita sibuk sangat dengan urusan negara, Allah akan menyoal kita mana besar urusan kamu dengan Nabi Sulaiman a.s. yang memerintah dunia, bukan sahaja makhluk manusia tetapi termasuklah yang bukan manusia. Namun Baginda dapat menunaikan perintah-perintah agama dengan betul dan tepat.

Sebenarnya kita tidak ada hujah dan tidak ada alasan bila berdepan dengan Allah S.W.T yang telah menunjukkan kepada kita contoh-contoh yang banyak supaya dijadikan teladan dalam semua urusan, termasuklah dalam urusan kepimpinan negara.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Mungkin apa yang dibuat oleh Perdana Menteri mengambil contoh daripada perenang Malaysia, Malik Mydin yang berjaya merentasi Selat Inggeris, ekoran daripada satu pandangan atau fatwa yang dapat saya lihat dan dengar di dalam RTM dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia oleh Pengarah YADIM, Datuk Haji Mohd. Nakhaei bin Haji Ahmad. Apabila ditanya oleh seorang pemanggil tentang macam mana Malik bersembahyang dalam keadaan begitu rupa, dia kata itu perkara remeh, perkara kecil sebab Malik ini hendak membuat satu perkara yang besar untuk mengharumkan nama negara.

Begitu juga dengan Perdana Menteri yang seharusnya kita bersangka baik bahawa mungkin Perdana Menteri sebelum daripada beliau meninggalkan kedudukan jawatan beliau sebagai Perdana Menteri, jadi beliau hendak membawa satu bajet untuk mengharumkan nama negara ini sehingga terpaksa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengabaikan sembahyang. Jadi, saya hendak minta pandangan Ketua Pembangkang

tentang pandangan ulama UMNO mengatakan bahawa tidak apa, asalkan untuk mengharumkan nama negara, kita tinggalkan sembahyang pun tidak apa.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada satu ungkapan yang dinyatakan oleh Imam Ghazali, seorang tokoh ilmu Islam yang terkenal bahawa para ulama adalah laksana garam yang melazatkan makanan. Sekiranya garam itu baik, maka baiklah makanan itu. Sekiranya garam itu rosak, maka makanan itu juga menjadi lebih rosak dan tidak selesa untuk dimakan. Ini merupakan satu peringatan untuk menyedarkan kita semua, bukan sahaja pihak kerajaan, termasuklah kami di pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Besut bangun.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Bila hendak *start* ucapan ini?

Tuan Hassan bin Mohamed: Terima kasih. Pernah berlaku satu peristiwa semasa perhimpunan agung satu parti dalam negara kita ini yang menjalankan mesyuarat pada hari Jumaat pada tahun 1987 dan diminta pengundian sama ada hendak sembahyang atau tidak hendak sembahyang. Bolehkah kita menggunakan demokrasi dalam bab sembahyang? Minta pandangan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak perlu komen dalam perkara yang terlalu mudah. Ini terpulanglah kepada masing-masing dan saya hendak masuk tajuk yang lain.

Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, sila, sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya tidak mempertikaikan apa yang Yang Berhormat cakap, betullah. Tetapi pada hari itu, saya juga tengok yang kalau-kalau ada puak sana keluar sembahyang. Saya hendak tanya mengapa yang sebelah pembangkang tidak mahu keluar bila sampai waktu sembahyang. Kita di sini, kita keluar juga....

Seorang Ahli: Jamak!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...sedangkan waktu kita mengundi pasal beberapa agenda, sanggup keluar beramai-ramai dari Dewan. Jadi, tidak keluar itu kerana takutkah dengan Perdana Menteri atau apa itu?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak tanya ikhlas. Mengapa pihak di sana – kita tahu waktu sembahyang ada, kita boleh keluar masuk Dewan, tidak ada mengatakan dalam Bajet, tidak boleh keluar sembahyang, seperti biasa tetapi mengapa tidak ada yang keluar sembahyang, lima minit sahaja?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat bagi Tanjong Karang menyenaraikan kepada saya, siapa dia yang tidak keluar sembahyang supaya saya dapat pastikan adakah di kalangan mereka yang mendapat kemudahan untuk jamak sembahyang ataupun yang tidak dapat kemudahan dan saya jaga pengikut-pengikut saya dalam Parlimen ini. Saya betul-betul jaga dan kalau mereka betul-betul tidak sembahyang, mereka tidak layak jadi calon pada pilihan raya akan datang. *[Sorak] [Tepuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, sila.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tanya sedikit sahaja. Apakah dosa orang Islam yang mengkafirkan orang Islam [*Disampuk*] sehinggakan berlakunya pembunuhan di Memali? Itu satu. Apakah dosa orang Islam mengkafirkan orang Islam sehingga berlaku pembunuhan di Memali, sedangkan jumlah orang Islam di negara kita hari ini semakin kecil? In baru satu.

Keduanya, apakah dosa Tok Guru Nik Aziz mendakwa Tuhan mencarut? Minta sedikit pandangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat cuba hendak lari kepada tajuk yang lain.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya boleh jawab. [*Tepuk*] Saya boleh jawab dan yang kedua itu, saya sudah jawab dalam sidang yang lalu. Dalam masalah mengkafirkan ini, saya hendak membetulkan. Kita perlu menyedari bahawa ada orang yang melakukan perkara yang boleh menyebabkan dia jadi murtad, dia orang Islam. Ini boleh menjadi kafir.

Yang kedua, orang yang kita tidak boleh tuduh dia jadi kafir kerana dia tidak melakukan perkara yang menyebabkan murtad. Ini adalah satu tajuk yang umum yang perlu kepada satu perbincangan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita sama-sama mengambil tanggungjawab....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanjong Karang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tidak mahu berbahas mengenai isu ini tetapi saya hendak minta ikhlas. Kalau saya tidak silap, Yang Berhormat bagi Parit Buntar pun tidak keluar. Dia tunggu dengan khusyuk.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Nantilah, saya tanya kepada Yang Berhormat bagi Marang. Saya tidak tahu sebab saya keluar pukul 7.00 malam, saya keluar awal. Ini kena ikhlas Yang Berhormat. Saya tidak tahulah kalau orang duduk di TTDI pun boleh jamak juga. Dia pun sama dengan sayalah, duduk dalam kawasan sini. Kalau dia keluar, saya minta maaf. Tetapi kalau dia tidak keluar, ikhlas kena cakap, bila dia sembahyang Asar. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bangun*]

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: [*Bangun*]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dia keluar dengan kami berdua.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: Betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Dia keluar dengan kami berdua.
[*Ketawa*]

[**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)**
mempengerusikan Mesyuarat]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak apa, jangan takut. Tidak apalah, tidak apa! Cukup, cukup! Senang sahaja, Tuan Yang di-Pertua, bagi seorang yang musafir, Yang Berhormat bagi Parit Buntar di Parit Buntar, kalau selagi dia tidak balik ke kampung dia, dia dari Parit Buntar datang ke sini, dia boleh jamak sembahyang. Perdana Menteri pun boleh jadi. Dia datang dari tempat lain, singgah pertengahan dan terus datang ke sini. Perdana Menteri juga boleh jamak sembahyang,

mungkin begitu. Ini mungkin dan tidaklah sampai saya hendak usul periksa sampai begitu. Saya bukan seorang hakim. Saya hanyalah memberi nasihat sahaja. Habislah ini.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, apa soalnya Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang Berhormat, saya hendak *clear*kan sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Setiap kali...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masanya tidak sesuai, Yang Berhormat. Ini masa penjelasan ini, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Betul, betul, penjelasan, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak merujuk kepada Yang Berhormat bagi Tanjung Karang tadi. Saya dapati setiap kali Yang Berhormat bagi Tanjung Karang berucap, fokusnya kepada Parit Buntar sahaja. Sudah menjadi satu psikologi di Tanjung Karang..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, soalnya tadi?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...psikologi terhimpit, psikologi di hujung tanduk. Inilah psikologinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, saya dengar persoalan tadi Yang Berhormat keluar, tidak keluar sembahyang. Kalau kata keluar sembahyang, keluarlah. Kata tidak, tidaklah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Masa itu saya keluar ada tiga orang mengikut saya menjadi makmum, saya jadi imam di sana. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, cukup, ya, terima kasih. Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Untuk hendak dirakamkan, saya fikir dalam hidup ini sejak saya akil baligh belum pernah tinggal sembahyang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Alhamdulillah, terima kasih Yang Berhormat. Sambung Yang Berhormat bagi Marang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari apa yang penting ialah kejayaan merealisasikan Belanjawan. Bukan sahaja bergantung kepada peruntukan kewangan. Kita menyedari bahawa Belanjawan ini belanjawan pilihan raya walaupun wangnya sama dalam bajet-bajet yang lain. Di antaranya sebagai contoh ialah membatalkan cukai jalan kepada motosikal yang berkuasa rendah. Ini untuk memberi galakan kepada pemuda-pemuda bagi mendengar ceramah-ceramah pembangkang [*Tepuk*] tetapi dengan syarat polis jangan banyak sangat *road blocks* ke ceramah pembangkang, dan saya yakin bahawa saluran 5, 6 dan 7 dalam pilihan raya ini saluran yang paling banyak kami menang dalam pilihan raya. Ini saluran yang diberi kemudahan untuk menggunakan motosikal bagi mendengar ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh kami daripada pihak pembangkang.

Apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam merealisasikan Belanjawan ini ialah berkait dengan kejayaan kita dalam pembangunan diri manusia. Banyak mana sekalipun kita menyediakan peruntukan kalau dalam pembangunan diri manusia tidak berjaya maka bajet akan mengalami penyakit yang lama. Mengalami penyelewengan,

mengalami beberapa perkara yang masih cacat sehingga kita tidak boleh menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam segala aspek politik, ekonomi dan lain-lain.

Alhamdulillah, sejak kita mencapai kemerdekaan kita berjaya melahirkan cerdik-cerdik pandai dalam segala bidang ilmu pengetahuan, melahirkan pegawai-pegawai tadbir yang baik, pihak pentadbiran yang sungguh baik yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tetapi kita perlu menyedari bahawa asas kepimpinan negara masih lagi berasaskan kepada politik wang. Ini berlaku dalam kita memilih pemimpin yang mengendalikan urusan politik negara. Inilah yang melahirkan perkara-perkara yang negatif, campur tangan dalam urusan pentadbiran di mana pihak pentadbiran tidak boleh mengendalikan urusan mereka secara profesional sebagaimana mereka mempunyai ilmu dalam hidup berhemah itu, banyak campur tangan politik dalam projek bagi merealisasikan penyakit nepotisme, kronisme, rasuah dan seumpamanya yang memaksa pegawai-pegawai kerajaan.

Kita sedar banyak kes PPRT, macam-macam kes yang berlaku penyelewengan. Yang diseret ke mahkamah ialah pegawai-pegawai kerajaan kerana mereka yang meluluskan perkara-perkara ini secara bertulis dan bersurat. Kita sedar bahawa di sana ada pihak-pihak yang tersirat di belakang yang memaksa pegawai-pegawai kerajaan. Kita sedar ada di kalangan mereka yang lemah bila dipaksa, mereka tidak tahan, maka mereka terpaksa menulis keputusan-keputusan. Mereka yang menulis inilah yang akan menjadi mangsa tindakan undang-undang. Inilah yang menjadi masalah dan inilah juga yang kami alami ketika kami mengambil alih pemerintahan di Terengganu. Kita menyedari kita ada *Hisbah* untuk membuat penyiasatan tetapi bila siasatan dibuat, kita menyedari pegawai-pegawai yang menjadi mangsa, orang-orang politik terlepas kerana mereka adalah yang tersirat, bukan yang tersurat. Ini menjadi satu perkara yang besar, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun kita memberi peruntukan yang begitu besar dalam program pendidikan...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Pokok Sena, ya!

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Ketua Pembangkang. Tadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada menyebut tentang soal rasuah di mana kerajaan cuba *scapegoat* pegawai-pegawai kerajaan atas kegagalan ataupun atas kewujudan permasalahan rasuah dalam negara kita ini kononnya penjawat-penjawat awam, yang khususnya dalam sektor perkhidmatan awam inilah yang menyebabkan berlakunya gejala rasuah yang berleluasa sedangkan apa yang telah disebutkan tadi bahawa berlaku campur tangan politik yang menyulitkan dan menyukarkan pegawai-pegawai dan kakitangan awam untuk melaksanakan prosedur pelaksanaan tugas kerja yang telah dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Contohnya dalam isu makmal komputer umpamanya, kerajaan sering melaungkan kesalahan yang dilakukan oleh kontraktor bumiputera umpamanya. Contohnya, Perdana Menteri sendiri maki kontraktor bumiputera di seluruh negara kita. Salahnya ialah salah kontraktor bumiputera atas keruntuhan dan kerosakan makmal komputer yang berlaku di seluruh negara seolah-olahnya tidak ada langsung kontraktor bumiputera yang berjaya, sama seperti mana seolah-olah tidak ada pun pegawai dan kakitangan awam ini yang telus, yang bersih dalam melaksanakan tugas mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, soalannya, sedangkan dalam pembinaan makmal komputer itu kesalahan yang pertama itu bukan bermula di peringkat kontraktor bumiputera. Kesalahan itu bermula daripada perjalanan pengurusan pengendalian pemberian kontrak yang dikendalikan oleh Menteri Kewangan yang bukan bertaraf daripada

Sekolah Agama Rakyat, bukan berkelulusan Sekolah Agama Rakyat tetapi mempunyai kelulusan yang tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat bahawa sepatutnya bagi saya bahawa setuju atau tidak setuju kalau benar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dalam isu hendak membasmi rasuah ini, sebelum beliau mengundurkan diri dalam tempoh lebih kurang sebulan lagi, setuju atau tidak setuju bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seharusnya menunjukkan contoh dengan memberikan *green light* kepada Jabatan Peguam Negara untuk memulakan prosiding pendakwaan terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang sudah disahkan oleh BPR, oleh pendakwa, oleh Jabatan Peguam Negara satu ketika dahulu mempunyai kes, lima pertuduhan dalam melakukan rasuah dalam tugas beliau sebagai menteri? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pokok Sena tetapi dengan pindaan [*Ketawa*] Pindaan perkataan bumiputera itu dipinda kepada bumi UMNO putera, dipinda. Bukan semua bumiputera tidak bagus. Ada yang bagus. Apa yang berlaku ialah kontraktor ini diluluskan dan diberi dengan elemen-elemen politik, ini yang berlaku dan mereka yang menjadi kontraktor-kontraktor jadian macam harimau jadian, bukan harimau sungguh. Ini bukan kontraktor sungguh.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...yang saya sebut dalam ucapan saya, nanti sekejap, biar saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, nanti dia habis dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ..apabila diberi kepada kontraktor macam ini dia jual kepada yang pertama, yang kedua dan yang ketiga. Inilah yang berlakunya kelemahan-kelemahan yang perlu dibaiki dan diselesaikan, Tuan Yang di-Pertua. Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Wangsa Maju.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Marang di atas ucapan yang saya fikir tidak begitu tepat. Soalan saya pendek sahaja. Adakah Yang Berhormat bagi Marang ada bukti-bukti tertentu tentang kes-kes rasuah yang telah berlaku di negeri Terengganu yang telah dimaklumkan tadi dan telah membuat laporan polis? Atau apakah Yang Berhormat bagi Marang fikir polis hanya syaitan bisu dalam kes-kes ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dia bagi tajuk untuk saya berucap lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terpujanglah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam bahagian yang pertama berkait dengan apa yang berlaku di Terengganu. Kita menubuhkan Hisbah. Hisbah ini macam BPR ialah untuk melakukan penyiataan daripada penyelewengan-penyelewengan yang berlaku. Walaupun saya bukan ahli undang-undang tetapi saya mempunyai penasihat undang-undang termasuklah penasihat undang-undang yang dihantar oleh Peguam Negara

yang bertugas di Terengganu. Saya mendapat nasihat daripada beliau dan juga daripada ahli undang-undang yang ramai di kalangan kami di mana Hisbah ini, undang-undangnya telah digazet pada tahun 2002, sedangkan kes-kes yang berlaku ialah sebelum tahun 1999 kami mengambil alih pemerintahan. Adalah menjadi masalah bagi undang-undang yang digazetkan pada tahun 2002 untuk menghukum dan mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan sebelum daripada undang-undang ini digazetkan. Ini satu.

Yang kedua, perlu disedari bahawa pihak Hisbah boleh bertindak, tetapi mestilah dengan kerjasama daripada pihak BPR yang dikuasai oleh Kerajaan Pusat. Sekiranya pihak BPR yang dikuasai oleh Kerajaan Pusat, maka kita bersedia untuk bekerjasama dan memberi maklumat yang sepenuhnya bagi menyelesaikan masalah negara. Kita perlu menyedari, Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah yang kedua, syaitan bisu. Syaitan bisu ini, bisu lawannya bercakap. Bercakap lawannya bisu. Polis dia tidak bercakap. Yang bercakap ialah ulama-ulama dan Al-Quran sendiri memberi penekanan kepada para ulama supaya mereka bercakap dan para ulama membuat kesimpulan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]: Yang bermaksud: *Diam dalam perkara yang hak melihat kemungkaran adalah syaitan bisu.*

Ini adalah huraian daripada apa yang disebut oleh Al-Quran Nul Karim [*Membaca beberapa potong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: *“Sesungguhnya mereka yang menyembunyikan apa yang telah diturunkan oleh Allah di dalam Kitab, daripada kenyataan dan keterangan, mereka tidak menyatakannya kepada orang ramai mereka itulah orang yang dikutuk, yang dilaknat oleh Allah, yang dilaknat oleh semua, yang memberi laknat di kalangan para malaikat, orang-orang yang soleh, di kalangan haiwan yang melata di bumi, yang terbang di udara, yang hidup di dalam lautan, sungai dan lain-lain kecuali orang itu bertaubat, menerangkan dan melakukan islah pembaikan, barulah Tuhan menerima taubat mereka.”*

Tuan Mohamad bin Sabu: [*Bangun*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Di mana daripada ayat inilah ulama-ulama kita mengatakan bahawa para ulama yang jihad di dalam melihat perkara yang berlaku di hadapan dia sama ada menyuruh pada yang baik dan mencegah kemungkaran, dia tidak menunaikan tanggungjawab ini, maka dia adalah syaitan bisu. Maka inilah makna yang tetap dan perlu dihuraikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi siapa?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ada ramai peminat saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, penyokong belaka.

Tuan Mohamad bin Sabu: Dato' Seri Ketua Pembangkang, saya ingin bertanya apakah Dato' Seri tidak sedar dalam masyarakat majmuk, dalam Malaysia yang *multi-racial*, perasaan kaum-kaum lain yang hendak dijaga, maka ulama setengahnya kena diam mengizinkan seperti judi diperbanyakkan kerana ini masyarakat majmuk. Tapi Marang ini barangkali kurang faham soal masyarakat majmuk ini.

Jadi, judi ini kita kena izinkan, kita kena beri sebab ada orang yang hendak main judi dan agama ini tidak ada paksaan. Jadi Marang barangkali tidak berapa faham masalah orang hendak lulus judi bagi banyak ini. Minta penjelasan sedikit.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya menentang sekeras-kerasnya, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuala Kedah menuduh saya tidak faham dalam perkara ini.

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Di dalam merealisasikan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ini pembangkang sama pembangkang.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya telah memanggil orang yang bukan Islam di Terengganu sebaik sahaja kami mengambil alih pemerintahan. Alhamdulillah, hadir pertubuhan-pertubuhan bukan Islam, wakil peniaga yang bukan Islam. Kami tanya mereka terlebih dahulu adakah judi ini diharamkan oleh agama kamu, agama Kristian, agama Hindu, agama Buddha? Mereka jawab ya, agama kami melarang. Adakah arak dilarang oleh agama kamu? Ada penganut agama yang mengatakan agama mereka tidak melarang.

Bila berlaku perkara ini, maka kami mengambil tindakan mengikut bidang kuasa yang ada pada negeri dalam perkara judi iaitu kuasa negeri di bawah Majlis Perbandaran dan Tempatan ialah premis perjudian. Ada pun lesen perjudian itu sendiri, ini di bawah Kerajaan Pusat, di bawah Kementerian Kewangan, kami tidak ada kuasa. Lalu kami membuat keputusan supaya dibatalkan lesen kepada premis perjudian kepada semua agama kerana semua agama melarang dalam perkara ini. Ada pun dalam perkara arak kita memberi kebenaran kepada orang yang bukan Islam untuk menjual arak sesama bukan Islam dan kita tidak benar kepada orang Islam.

Inilah penyelesaian yang kita buat. Alhamdulillah, sahabat-sahabat kita yang bukan Islam di Terengganu menerima hakikat ini dan kita telah mengendalikan suatu prinsip keadilan yang dirasai oleh mereka, benar-benar dirasai melalui bidang kuasa kerajaan negeri. Sebagai contoh ialah dalam masalah tanah. Kita menyedari bahawa banyak masalah setinggalan, rakyat yang terpaksa tinggal di tanah kerajaan untuk mendirikan rumah. Rakyat yang terpaksa bercucuk tanam di tanah kerajaan.

Lalu kita membuat penyelesaian mana-mana orang yang betul-betul tidak ada tanah, dia mendirikan rumah, tidak ada rumah lain bukan untuk buat rumah sewa banyak-banyak, kita luluskan beri milik kepada mereka. Begitulah tanah pertanian. Dengan sikap yang terbuka masyarakat majmuk kita tidak tanya mereka, kamu bangsa apa, agama apa, parti apa. Kita beri pada semua.

Sebagai contoh satu kampung di daerah Kuala Terengganu yang bernama Kampung Bukit Berangan, di mana penduduknya terdiri daripada kaum Tionghoa yang dipindahkan di zaman darurat lebih kurang 30-40 tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua. Mereka tidak diberi milik walaupun sudah beranak, bercucu dan ada yang bercicit. Kita menyelesaikan masalah dan saya bagi geran. Turun sendiri dan yang hadir itu ada yang bongkok dua, bongkok satu, bongkok tiga dan ada yang sudah meninggal dunia anaknya, cucu dia yang datang.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini yang berlaku sangat malang. Di Kemaman, Terengganu, Kampung Paya Paman namanya, di mana penduduknya adalah orang UMNO. Paya Paman ini cukup kuat UMNO dan mereka telah meneroka tanah di situ sejak tahun 1926, belum perang Tuan Yang di-Pertua, zaman British, tidak diberi milik dari satu masa ke satu masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sebaik sahaja kami mengambil alih pemerintahan, kami beri milik. Inilah dasar keadilan yang boleh diterima oleh semua pihak yang mewujudkan perpaduan sebagaimana yang diminta penjelasan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat Marang. Saya hendak balik kepada isu tanah tadi yang Yang Berhormat Marang maklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Daripada isu tanah itu, soalan saya adakah Kerajaan Negeri Terengganu boleh luluskan pemberian tanah kepada sesiapa sahaja termasuk Ahli Parlimen atau Pengerusi Badan-badan Kerajaan atau Ahli-ahli Parlimen yang lain. Sebab di dalam *Hansard* yang saya baca ini dalam bulan Mei, sesi pertama Parlimen yang ada di sini.

Di sini dalam *Hansard* Yang Amat Berhormat berkata kita boleh beri apa sahaja pun termasuk tanah kepada syarikat tetapi bukan kepada peribadi. Adakah ini bermakna kita boleh menjadi ahli pengarah syarikat, pemilik syarikat dan Yang Amat Berhormat bagi Marang boleh meluluskan pemberian tanah kepada syarikat-syarikat mana pun?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kita mengendalikan negeri bukan sahaja menyediakan tempat tinggal bagi rakyat termasuklah kegiatan-kegiatan dan projek ekonomi yang perlu dihidupkan di seluruh negeri. Ini langkah yang kita ambil di mana ada tanah yang berkait dengan tempat tinggal, ada yang berkait dengan kegiatan ekonomi. Yang berkait dengan kegiatan ekonomi, yang jauh daripada kawasan penempatan, kita meluluskan dengan mengkaji, menyelidik dan menyiasat terlebih dahulu. Hanya diberi kepada mereka yang berhak termasuklah yang berkait dengan tempat tinggal. Sebagai contoh, berkait dengan pertanian di mana kita menggunakan kemudahan IT, bukan bermakna bila kami memerintah negeri semua IT, komputer dilempar semua. Kami guna segala kemudahan IT dan kami telah berjaya meluluskan dalam masa setahun sebanyak 50,000 permohonan.

Ini kejayaan yang kami capai, Tuan Yang di-Pertua, di mana di antaranya ialah mana-mana pemohon yang sudah ada milik, ini dalam masalah individu sebagai contoh, yang dia sudah ada milik tanah, kita dapati dia ada milik bila dia buat permohonan melalui komputer, permohonannya ditolak. Di mana..

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti saya habis. Di mana pihak pejabat tolak, bila sampai kepada saya, kepada Exco kita siasat lagi. Tanah yang dimiliki itu berapa ekar, kadang-kadang komputer ini dia tidak reti tanah ada berapa ekar. Ini berhajat kepada penyiasatan kita. Memang dia ada tanah sungguh, tapi suku ekar. Sedangkan anak dia sepuluh orang. Dia ada keluarga, yang ini kita buat pertimbangan, kita luluskan permohonan. Ada yang kita dapati dia sudah lama teroka tanah ini, buka tanah ini, tanah haram dan dia buat permohonan, dia sudah ada milik tanah dan kita dapati isteri dia tidak ada, maka kita luluskan, kita namakan isteri dia kerana kita mempunyai pandangan kalau berlaku masalah rumah tangga - mudah-mudahan tidak berlaku - isteri dia ada tanah.

Kemudian kita telah banyak menyelesaikan masalah tempat tinggal, kita sudah selesaikan sepenuhnya, kita membuat peraturan di peringkat awal, hanya mereka yang berumah tangga, yang berkeluarga sahaja dibenarkan untuk membuat permohonan.

Setelah kita fikir ini sudah selesai,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, topik yang lain, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: maka kita buat satu lagi kelonggaran, mereka di kalangan yang tidak berumah tangga, kalau wanita 25 tahun ke bawah, kalau yang lelaki 27 tahun ke atas, kita luluskan beri milik walaupun dia yang tidak berkeluarga. Ini adalah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini adalah penyelesaian yang kita buat, yang sudah menjadi contoh kepada negeri-negeri lain dan banyak pegawai-pegawai tanah daripada negeri lain datang ke Terengganu untuk membuat kajian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya! Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Dato' Ketua Pembangkang, saya hendak minta penjelasan dan juga pandangan lebih lanjut.

Saya baca satu rencana di Venezuela, satu daripada usaha terbaru yang dibuat dalam lima tahun kebelakangan ini, kita tahu di Venezuela banyak orang miskin kerana setinggan yang tidak memiliki tanah, tidak ada rumah dan mengikut kajian mereka, satu daripada cara memperbaiki kedudukan kewangan rakyat yang miskin, yang tidak mempunyai tanah ini ialah memberikan hak milik tanah kerana bila dia orang miskin, dia tidak ada *capital*, tidak ada modal untuk keluar daripada kemiskinan. *Capital* memerlukan kepada aset, tetapi mereka tidak ada aset kerana tanah itu adalah tanah haram yang ditumpang sebagai setinggan. Apabila aset telah diberikan secara sah, mereka boleh tukarkan menjadi *capital* ataupun modal, maka dalam masa beberapa lama kemudian daripada itu, mereka boleh meningkat daripada miskin kepada kedudukan sosial yang lain. Adakah ini satu daripada tujuan Kerajaan Terengganu memberikan hak milik tanah yang gagal diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional?

Penjelasan saya yang kedua ialah, saya baca dalam laporan akhbar di Pahang, lain pula. Dia tidak beri kepada orang miskin, dia beri kepada macam Syarikat Gemilang Makmur (SGM), diberi kepada badan perhubungan UMNO 10,000 ekar, bukan seekar, setengah ekar. Macam mana Yang Amat Berhormat Dato' Seri ini beri seekar, dua ekar? Di Pahang sampai 10,000 ekar kepada badan perhubungan UMNO. Berapa kali dapat dah? Adakah Yang Amat Berhormat hendak tiru apa yang dibuat oleh Kerajaan Pahang itu?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kita tidak mengambil contoh-contoh yang tidak baik. Contoh yang baik kita ambil. Kerajaan Pusat menggalakkan penggunaan IT, yang ini kita pakai, kita laksana dan kita majukan.

Dalam masalah pembahagian tanah, kita menyedari bahawa ramai di kalangan petani dan nelayan yang miskin. Kita perlu membuat perancangan untuk membebaskan mereka daripada kemiskinan.

Ini tidak ada dalam Bajet, tahu hendak beri duit sahaja. Tidak merancang bagaimana hendak membebaskan daripada kemiskinan. Ini mestilah dirancang, setahun berapa ribu orang bebas daripada kemiskinan, ini mesti dirancang sepatutnya. Tahun ini kita rancang 10,000, tahun hadapan 10,000 lagi. Yang ini yang miskin tidak berubah, tambah yang miskin baru pula, makin bertambah, ini yang berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya beri kepada Yang Berhormat dari Sarawak yang saya hormati.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Petra Jaya, ya.

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Ini saya hendak tumpang bertanya, boleh katakan hendak mengingatkanlah bahawa Kerajaan Barisan Nasionallah yang merupakan kerajaan yang betul-betul berusaha menghapuskan kemiskinan seberapa yang boleh dengan pemberian tanah. Umpamanya tanah FELDA berapa juta ekar, sudah [*Tepuk*] berapa banyak orang yang dahulu tidak mempunyai tanah, tidak mempunyai harta menjadi kaya raya pada masa ini. Adakah Yang Berhormat sedar dalam masalah ini?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya menyedari bahawa FELDA telah mengendalikan program tanah tetapi di sana masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbetulkan.

Di antaranya ialah peneroka-peneroka FELDA yang tidak diberi milik tanah. Walaupun mereka sudah meneroka dalam masa yang lama, di mana tanah ini dijadikan ugutan untuk pilihan raya. Bila pilihan raya, diugut kalau tidak beri sokongan kepada Barisan Nasional, akan dipecat, akan diambil tindakan. Sebaik sahaja kami mengambil alih

pemerintahan di Terengganu, kami menyelesaikan termasuklah masalah tanah-tanah FELDA ini.

Kami beri milik, di antaranya ialah sebagai contoh yang berlaku di Kemaman, saya pernah sebut dalam Dewan yang lalu, Yang Berhormat tidak ada, saya sebut di sini, di mana mereka telah meneroka di situ selama 30 tahun. Jumlah penerokanya ialah 500 orang, lalu kita menyelesaikan masalah dan kita menyediakan geran kepada mereka. Kita jemput mereka datang. Mereka datang tetapi diugut dengan pelbagai cara, dengan pelbagai diayah yang dilakukan oleh pemimpin UMNO di bahagian tersebut. Ada yang mengatakan jangan pergi, ini geran palsu, ada yang nama isteri, kalau isteri pergi hendak cerai isteri.

Ini betul-betul berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Macam-macam ugutan. Tuan Yang di-Pertua, yang datang hanya 200 orang. 200 orang sahaja yang datang, yang lain tidak datang. Lalu kami beri kepada 200 orang yang datang ini. Bila 200 orang yang datang ini bawa balik geran ini, ada yang tidak datang ini hendak cuba tengok, ini geran palsu atau geran sungguh. Bawa pergi ke bank, tanya bank bolehkah cagarkan tanah ini untuk pinjaman. Bank kata, "Boleh".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti saya habiskan, saya cerita dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Tidak habis kisahnya lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Fasal dia berdiri, tidak duduk. Itu fasal saya bertanya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya. Saya tidak beri jalan sehingga saya habis menyelesaikan penjelasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila duduk.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Lalu barulah mereka menganjurkan tunjuk perasaan, demonstrasi di depan pejabat di daerah Kemaman, buat demonstrasi. TV pergi rakam dan buat kenyataan. Ada pemimpin UMNO pun ada sama, dan dia buat kenyataan. Dia bukan pemilik tanah tetapi dia menjadi kepala dan buat kenyataan melalui TV, kami telah meneroka tanah ini selama 30 tahun, mengapa kerajaan negeri tidak bagi. Bila pemberita tanya saya, senang sahaja. 30 tolak dua. Kami baru memerintah dua tahun, masa dia memerintah 30 tahun, mengapa tak bagi? Kemudian kita buat majlis kali yang kedua, alhamdulillah mereka hadir dan sepenuhnya diberi geran.

Apa yang mendukacitakan saya, dekat kawasan FELDA ini ada kampung Orang Asli yang juga buka tanah. Kami menyediakan geran-geran untuk Orang Asli. Kami pergi dan semua Orang Asli hadir. Nampaknya mentaliti Orang Asli lebih baiklah. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Mereka datang ambil geran. Ini sebagai contoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tiga yang berdiri, Yang Berhormat. Hendak beri kepada siapa, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri kepada siapa?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Beri kepada Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dengar cara Yang Berhormat cakap tadi nampak boleh selesai semualah. Bila Kerajaan Negeri Terengganu diambil alih oleh PAS, semuanya baik belaka, jadi macam selama ini Kerajaan Barisan Nasional buat ini sia-sia belaka.

Jadi, macam tadi, kita kata FELDA, kita ada program, kita ada perancangan sejak dari kita merdeka dahulu lagi, dan ini telah berjaya. Memang saya akui ada beberapa kelemahan yang kita sentiasa baiki.

Cuma saya hendak minta satu sahaja soalan dengan Yang Berhormat mengenai dengan tanah juga. Apabila kita mengemukakan *proposal* untuk mendirikan sekolah, Kerajaan Negeri Terengganu mengenakan tanah tadi dengan *market price*. Jadi, ini yang menghairankan kita, sedangkan negeri Selangor, tanah yang begitu mahal pun, dia beri dengan harga *token* sahaja.

Jadi, Kerajaan Negeri Terengganu ini dia cakap bukan main hebat, dia pergi kempen ke serata kampung hebat, tetapi bila kita hendak buat sekolah, dia jual harga tanah yang amat mahal, *market price*. Ini yang membingungkan saya. Tentang hal ini saya bingunglah, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tidak baca semua struktur pentadbiran dalam negara kita. Kita perlu menyedari bahawa ada Jabatan Penilaian yang menilaikan harga tanah, di mana kerajaan negeri tidak meletakkan harga sendiri dalam perkara ini, kerajaan negeri serah kepada pihak penilaian di bawah kementerian Kerajaan Pusat. Ini bukan di bawah kerajaan negeri.

Merekalah yang meletakkan harga, dan kita terima apa yang diputuskan oleh mereka. Apa yang menjadi masalah, lepas dua tahun baru ungit ini harga mahal. Ini terlalu lembaplah berfikir dalam hal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, tiga orang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam segala masalah, tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan. Ada yang tidak boleh diselesaikan, ini ialah kerana halangan-halangan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Apabila di sana nampak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, enam orang yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Apabila di sana nampak beberapa kejayaan yang dicapai

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sehingga saya habis, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya hendak jawab panjang kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baik.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dahulu Yang Berhormat, dia hendak jawab.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab yang pertama. Bahagian ini saya hendak jawab lagi, Tuan Yang di-Pertua, di mana kita menyelesaikan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk dahulu.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:masalah tetapi lembap, lembapnya sebagai contoh masalah kemiskinan. Apabila Terengganu mendapat hasil royalti petroleum sebanyak 5%, berlaku negeri Terengganu ialah negeri yang kedua kaya di Malaysia, tetapi kadar kemiskinannya yang kedua di Malaysia.

Bila kami mengambil alih pemerintahan, kami dapati kerajaan negeri menanggung hutang sebanyak RM700 juta dan kita cuba menyelesaikan masalah kemiskinan mengikut program-program yang saya sebutkan tadi. Kita mesti dibebaskan daripada kemiskinan, mesti ada berapa jumlah setahun kita hendak bebaskan dari kemiskinan, jangan tidak ada perancangan tahun ini berapa ribu kita hendak bebaskan kemiskinan, tahun hadapan berapa ribu. Ini dibiarkan begitu sahaja, tambah yang miskin baru. Sebabnya apa? Boleh beli undi semasa pilihan raya. Ini tidak bertanggungjawab!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat. Kinabatangan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti habis. Kita mahu selesaikan masalah kemiskinan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi lagi. Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Lalu kita cuba menyelesaikan masalah kemiskinan, Alhamdulillah daripada nombor dua sekarang sudah nombor tiga. Dari segi senarai kemiskinan di seluruh negara. Yang menjadi masalah ialah royalti dirampas di mana royalti ini adalah 75% daripada kewangan negeri. Bermakna kami bergerak dengan 25%, dengan 25% ini kami boleh memerintah negeri. Itupun disekat macam-macam, tidak boleh kendalikan urusan, balak pun tidak boleh ambil. Dalam masalah balak ini saya terpaksa bersyarahlah, saya diberi ilmu oleh Pengarah Hutan dan oleh beberapa pegawai hutan....

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Mereka menyatakan bahawa kawasan balak ini ada kawasan yang sudah kerja, kawasan milik, kawasan hutan simpan, kawasan hutan simpan ini dia ada dua jenis. Hutan simpan yang kita tidak boleh kacau, ini tempat hidupan liar, tempat macam-macam.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ada kawasan hutan simpan yang boleh kita ambil hutan dia, kalau kita tidak ambil pokok tua dia mampus! Macam ikan di laut kalau kita tidak kail, dia besar-besar tua dan dia mampus! Mesti, kita tebang pokok itu dan untuk dihidupkan semula....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada tiga berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini proses yang kita laksanakan, ini adalah kewangan dan kita telah berjaya, di zaman Barisan Nasional dahulu kawasan balak punya banyak. Kami ada statistik

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga Yang Berhormat berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Di mana kawasan balaknya banyak ditebang tetapi duitnya sedikit. Semasa kami memerintah, tebangnya sedikit duitnya banyak pada kerajaan...*[Dewan menjadi riuh dengan sorakan sokongan dari pihak pembangkang]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Inilah kami dapat mengatasi masalah kewangan ini, Tuan Yang di-Pertua. Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Ya, ya. Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Marang Ketua Pembangkang, saya tertarik tadi masalah kemiskinan. Saya nampak kadang-kala kemiskinan ini sengaja dibiarkan misalnya di Kuala Kedah, kawasan orang miskinlah yang Barisan Nasional menang besar. Kawasan yang agak dipinggir bandar, kawasan yang agak senang pembangkang menang, jadi yang miskin tepi laut di kelompok miskin itulah UMNO kuat dan mereka dapat diumpan menjelang pilihan raya untuk menyokong parti pemerintah. Jadi apakah Yang Berhormat Marang bersetuju kadang-kadang kelompok miskin ini sengaja dibiarkan untuk mempertahankan UMNO? Kalau orang semua sudah senang, boleh fikir sendiri mereka tidak akan sokong lagi mana-mana parti yang umpan wang tapi dia akan sokong mengikut ideologi dan manifesto sebuah parti politik itu. Minta sedikit penjelasan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kuala Kedah, memang mereka bergantung dengan undi-undi orang miskin. Oleh kerana itulah media massa terutamanya RTM, TV3, siaran akhbar secara mudah, ini boleh dibaca oleh orang-orang miskin yang tidak berpendidikan tinggi. Dakyah-dakyah - oleh kerana itulah terlalu rendah kelasnya dalam nilai media massa dari segi profesional dalam media massa. Mereka memang sukalah orang miskin banyak supaya boleh beli undi, sekarang ini dalam belanjawan bajet baru ini, Orang Asli pula. Dia buat peruntukan untuk Orang Asli...

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Diberi beberapa insentif untuk Orang Asli kerana mereka tahu undi Orang Asli mesti tidak rosak punya. Saya tidak tahulah bagaimana Orang Asli yang buta huruf ini undi, dia punya undi dia tidak rosak. Macam mana dia boleh jadi macam itu?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri, Yang Berhormat. Bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini terpulang kepada SPR, ini bukan urusan saya..

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 4 orang berdiri. Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya beri kepada pihak pembangkang belah sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kinabatangan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya jadi kerajaan nampaknya pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya jadi kerajaan nampaknya kerana banyak soalan. Sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau beranggapan begitu Yang Berhormat, begitulah Yang Berhormat.

[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa dan tepukan]

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sebetulnya hairan sedikit dan terkejutlah. Sebab *standard* Ketua Pembangkang macam mana anak murid dia juga, tidak ada ke mana, dia ikut rentak anak murid sahaja. Jadi, kalau inilah Ketua Pembangkang yang kita ada, saya tengok Dewan ini tidak akan dapat berfungsi dengan baik.

Soalan saya ialah saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Yang Berhormat bercakap tadi bahawa di Terengganu sahaja seolah-olah ada jawatankuasa penilaian tanah. Di seluruh negeri ini ada jawatankuasa penilaian tanah tetapi atas dasar kerjasama di mana Kerajaan Persekutuan membina sekolah, maka tanah itu diberi sebagai token sahaja bukan dikira dia punya *value*. Tetapi nilainya di Terengganu tidak, dia ikut *market price*. Jadi di mana *transparency* kerajaan Terengganu berhubung dengan pembinaan sekolah-sekolah ini.

Yang kedua, apakah Yang Berhormat selaku Menteri Besar Terengganu percaya bahawa penghalangan untuk menerokai kawasan balak di Terengganu untuk memberi kesenangan orang miskin atau memberi kekayaan kepada pemimpin PAS yang sudah kaya? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab soalan Yang Berhormat mengikut standard soalan Yang Berhormat.

[Dewan riuh dengan ketawa dari pembangkang]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam perkara yang pertama kita mempunyai kebijaksanaan. Memanglah Jabatan Penilaian ini ada di seluruh negeri, sudah tentulah kita perlu mencari sumber kewangan dengan betul bagi alternatif, bagi membantu dalam kita mengalami masalah kewangan dengan rompak royalti petroleum yang masih lagi menjadi perbincangan yang hangat.

Oleh kerana itu, adalah menjadi hak kerajaan negeri dan tidak menjadi halangan, tidak ada apa-apa teguran daripada Jabatan Audit Negara, tidak ada. Tidak ada apa-apa teguran daripada pihak pentadbiran, ini adalah hak kita dan kita buat hak kita adalah kebijaksanaan kita sendiri. Ini tidak bercanggah dengan proses pentadbiran, ini yang kami buat dan apa yang menariknya, Tuan Yang di-Pertua, yang menariknya peringkat awal mereka ambil tanah-tanah kerajaan. Bila ambil tanah kerajaan dia kena bayar kepada kerajaan, sekarang dia ambil tanah rakyat pula supaya kerajaan tidak dapat duit. Ini adalah satu taktik yang kotor, menyusahkan rakyat yang sudah berkebum, yang sudah berumah, yang sudah ada tanah.

Tidak apalah kami boleh selesai kami boleh beri tanah baru kepada rakyat tujuannya supaya kerajaan negeri tidak dapat duit langsung. Maka dia ambilnya tanah rakyat, Alhamdulillah rakyat Terengganu dapat duit daripada Kementerian Pendidikan yang mengambil tanah-tanah ini dan kami luluskan. Ini adalah satu sumber ekonomi kepada rakyat tetapi tidak menjadi masalah dan kita merasakan bahawa apa yang kita lakukan itu adalah mengikut proses yang betul dalam masalah

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:pembalakan, saya berterima kasih kepada Kementerian Perusahaan Utama kerana memilih negeri Terengganu menjadi tuan rumah kepada Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Malaysia dan saya diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan perasmian dalam seminar perhutanan Malaysia yang diadakan di sana.

[Tepukan dari pembangkang]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini kepercayaan diberi kepada saya oleh Yang Berhormat bagi Beruas. Yang Berhormat bagi Beruas beri kepercayaan kepada saya untuk menyampaikan ucap utama dalam persidangan perhutanan, diucapkan terima kasih.....

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 4 orang berdiri. Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bentong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bentong?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sila, sila...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak boleh tunggu kalau dia berdiri, Yang Berhormat, saya terpaksa tanya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi mana, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang mana pilihan saya? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia ada empat..

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Di antara empat itu?

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hah! Ada 6 langsung, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya pilih Yang Berhormat Bentong, Bentong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bentong, Bentong, ya! Sila Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya ingin bertanyakan tentang masalah tanah, tadi Ketua Pembangkang cakap bukan main hebat dapat selesai tanah dalam masa yang singkat dua, tiga tahun dapat selesai tetapi janji dalam pilihan raya, pada orang Cina di Kuala Terengganu sampai sekarang tidak selesai. Tanah untuk sekolah Cina, tanah untuk tokong-tokong Cina, tanah untuk pertanian dan pengurusan khinzir. Janji semasa pilihan

raya hendak bagi tetapi ke mana pergi kesemuanya sekarang? Kita hendak tahu juga di sini?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Itu tanah Rusa! *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah kita menyelesaikan semua masalah yang patut diselesaikan. Yang memerlukan masa mestilah kita tunggu masanya, jadi kita tahulah.....

[Sorakan ketawa dari pihak Barisan Nasional]

Ada yang boleh diselesaikan dengan segera dan ada yang tidak boleh diselesaikan dengan segera, ini perkara biasa, Tuan Yang di-Pertua. Yang beri nafkah kepada anak-anak dan isteri, boleh seluk poket sekarang ini boleh beri tetapi seseorang yang berkahwin, sebagai contoh umpamanya, dia berjanji dengan mertuanya. Perkahwinan ini boleh melahirkan cucu, berkahwin dua, tiga hari sudah hendak minta cucu, mana boleh?

[Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa dan tepukan]

Mestilah memakan masanya, Tuan Yang di-Pertua, melalui proses-prosesnya. Alhamdulillah kita telah dapat menyelesaikan masalah tanah sebagai contoh, sebagai contoh saya hendak beri pengajaran dan pengiktibaran....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: kepada Yang Berhormat negeri lain di mana dalam masalah tanah ini termasuk tanah orang yang bukan Islam. Masalah rumah ibadah dan bukan orang Islam sudah selesai...

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sudah selesailah!

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sudah selesai, sudah selesai, masalah kubur orang bukan Islam di Wakaf Tapir, tanah perkuburan orang bukan Islam, mereka minta di zaman Barisan Nasional.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tidak dapat!

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: 20 tahun tidak boleh selesai.

[Dewan riuh dengan sorakan dari pihak pembangkang]

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa ini?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bila kami mengambil alih pemerintahan, kami lulus. Masalah tanah untuk rumah menguruskan jenazah orang bukan Islam di Kemaman, 20 tahun tidak selesai. *[Tepukan]* Bila kami mengambil alih, kami menyelesaikan masalah. Di sana, Tuan Yang di-Pertua, dia ada masalah birokrasi. Dia bukan sahaja masalah politik, masalah politik satu, masalah birokrasi satu. Masalah birokrasi pentadbiran, satu-satu permohonan tanah memerlukan melalui 27 meja pegawai, 27 meja pegawai.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam satu meja 10 hari Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dia akan jadi 270..... sehingga saya habis menjelaskan satu-satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak beri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bila sudah habis, saya akan beri kepada tiap-taip orang, insya-Allah, saya boleh bagi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat, saya hendak kata apa lagi.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya hendak jelaskan, nanti bagi habis dahulu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi. Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Hah ini dia takut yang hadir ini dengar penjelasan saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia belum bagi lagi. Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Mereka mahu kacau, ini satu taktik yang tidak betul. *[Ketawa]* Biar saya habiskan dan jelaskan saya jawab satu, satu. Saya diberi ruang oleh Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah. Di mana mesti melalui 27 meja. Kalau satu meja pegawai 10 hari, 270 hari. Di kawasan Hulu Terengganu, kami menerima permohonan 9,000. 9,000 permohonan kami jumlahkan, kalau 27 meja ini, ia akan jadi memakan masa 70 tahun, baru boleh selesai masalah kami. Ini masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Jadi masalah birokrasi pentadbiran. Lalu, saya mengadakan perbincangan. Kita boleh bincang dengan pegawai-pegawai tadbir. Saya hadir.....

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lipis berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:daripada daerah, daripada pejabat SUK, saya bincang dengan mereka. Saya bincang secara terbuka dan telus. Saya tidak tanya mereka hendak parti apa dan kita benar pegawai-pegawai di Terengganu di luar daripada pejabat, mereka boleh kerja dengan parti apa mereka hendak sokong. Itu hak mereka. Tetapi, bila duduk dalam pejabat, mereka hendaklah bekerja secara profesionalisme, diberi pejabat. Ini peraturan, saya sudah terang dahulu. Alhamdulillah, bila kita ajak mereka berbincang, mereka bincang bagaimana hendak menyelesaikan masalah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ramai berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:dan kami selesaikan masalah melalui swasta, melalui jentera-jentera masyarakat. Dalam masa setahun.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak bagi, nanti saya habis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, dia tidak bagi, nanti habis. Sila duduk.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Menyampuk]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dalam masa setahun, kita boleh selesai 50,000 dan sekarang ini, Alhamdulillah, ramai yang datang termasuk pelancong.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sangat menyedihkan, Yang Berhormat Perdana Menteri menggambarkan seolah-olah tidak ada pelancongan di Kelantan dan Terengganu, padahal penerbangan di Terengganu terpaksa ditambah daripada jadual yang asal di Terengganu, di Kelantan. Begitu juga kita hendak beri tiket-tiket kebajikan selalu habis.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Penjelasannya terlalu panjang sangat, Yang Berhormat. Cukup.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:dan hotel-hotel juga penuh. Jabatan-jabatan kerajaan, kementerian juga pilih berseminar di Kelantan dan Terengganu, ini berlaku. Mereka lihat sendiri perubahan-perubahan yang berlaku, apa yang menjadi masalah ialah kita tidak diberi peluang untuk menjelaskan melalui media massa. Alangkah baiknya kalau perbahasan yang saya ucapkan ini juga disiarkan secara langsung sebagaimana Yang Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada berdiri Yang Berhormat, dua orang, tiga orang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Barulah, rakyat boleh menilai, ini adalah kelemahan demokrasi dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ya, ramai yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya beri kepada Yang Berhormat bagi Bachok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bachok.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: Terima kasih, ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Marang selaku Ketua Pembangkang. Pertama sekali, kita sedar semua yang diulas dan semua yang diterangkan oleh pihak Yang Berhormat Ketua Pembangkang kita itu menggambarkan keupayaan, kebolehan dalam menyelesaikan semua masalah yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional sekian lama. Dalam hal ini, kita melihat penyelesaian tanah adalah isu besar untuk rakyat dan dalam perkara yang sama, ianya tidak disebarkan luas maklumat ini dan rakyat tidak mengetahui.

Dalam hal yang sama juga, pemimpin Barisan Nasional semacam tutup telinga supaya tidak mendengar dan tidak mengikutserta tidak memahami, malah tidak mengakui keupayaan. Bukti daripada kenyataan ini, saya rujuk kepada ucapan Perdana Menteri sendiri, ataupun selaku Menteri Kewangan. Saya cuba baca sedikit sebagai satu iktibar betapa bebalnya pemimpin Barisan Nasional menerima realiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah panjang Yang Berhormat, ya. Pendek sahaja.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: Dalam muka surat 98, Bajet 2004 yang diedarkan, ucapan Menteri Kewangan, para kedua, *"pendapat bahawa negara Islam mestilah miskin, tertinggal zaman, mempunyai pentadbiran yang hanya tahu meminta-minta dan lemah seperti yang terdapat di negeri-negeri yang diperintah oleh bukan ahli dalam bidang pentadbiran, sesungguhnya menghina Islam. Tidak mungkin negeri-negeri ini dijadikan contoh negara Islam, yang mampu mengembalikan kegemilangan tamadun Islam zaman Islam."* Ini satu pandangan yang begitu menyeleweng dalam menterjemahkan keupayaan negeri Kelantan dan juga Terengganu yang diperintah secara Islam. Minta pandangan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang selaku Menteri Besar Kerajaan Negeri Terengganu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan itu adalah salah tafsir yang diberi oleh ahli-ahli agama dan penasihat agama Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Institut Kefahaman Islam tidak faham yang sebenarnya. Nama dia sahaja Institut Kefahaman Islam tetapi tidak boleh memberi satu kefahaman yang jelas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan negara Islam. Saya bukan ahli tanah tetapi, saya boleh menyelesaikan masalah tanah. Saya bukan ahli ekonomi secara mendalam, *detail* tetapi tahulah dasar-dasar, prinsip-prinsipnya. Saya tidak boleh menyelesaikan masalah ekonomi secara individu. Saya bukan ahli pendidikan tetapi kita perlu menggunakan kepakaran-kepakaran.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang penting, pemimpin politik jangan degil, jangan keras kepala hendak guna kuasa politik dia sahaja. Dia mesti dengar nasihat-nasihat yang betul daripada pakar-pakar, daripada ahli, daripada semua pihak. Inilah rahsia kejayaan negara Islam yang telah membina satu tamadun sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w. Oleh kerana itu, tidak ada istilah *'hadhari'* dalam Islam, *'hadhari'* dalam kitab-kitab yang ditulis oleh ulama dahulu dan sekarang. Islam *'hadhari'* ini hanya direka dan dicipta oleh ulama-ulama UMNO. Bila disebut *'hadhari'*, *'hadhari'* ini maknanya tamadun. Bila ada Islam *'hadhari'*, ada Islam Badwi lawan dia.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bila ada Islam liberal, ada Islam ortodoks. Dalam Islam, tidak ada macam itu. Islam adalah sempurna dari awal hingga akhir. Apa yang perlu diberi penekanan, sebagaimana saya hendak sebut daripada awal tadi ialah pembangunan manusia. Pembangunan manusia inilah yang perlu diberi penekanan. Kita perlu menyedari mengapa Allah S.W.T pilih tapak negara Islam yang

pertama bermula daripada Mekah. Yang disebut oleh Tuhan dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Yang bermaksud: Lembah yang kering-kontang. Mengapa Tuhan tidak memilih Nabi Muhammad dari Jepun, Tuhan tidak pilih Nabi Muhammad dari Amerika, tidak pilih Nabi Muhammad dari New York, Tuhan tidak pilih Nabi Muhammad dari Jerman, dari Korea, tetapi dipilih dari bumi Mekah yang kering-kontang?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada lagi yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Puncanya ialah kerana hendak memulakan dengan pembangunan manusia. Bukan aspek kebendaan, tidak penting, kita perlu menyedari. Kemudian, barulah manusia ini dibina dengan iman, ilmu dan akhlak. Ayat-ayat yang pertama yang diturunkan ialah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], yang bermaksud: *Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan.* Di mana Islam menganjurkan supaya umatnya membaca. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*], yang bermaksud: *Mengajar manusia dengan kalam.*

Ini, ayat-ayat yang pertama yang diturunkan supaya orang Islam tahu membaca, tahu menulis dalam semua bahasa. Tetapi, hendaklah dibina di atas nama Tuhan. Ilmu dibina di atas akidah dan dibina di atas akhlak. Selepas itu, Nabi kita Muhammad s.a.w menyatakan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: *Kebijaksanaan adalah barang tercicir, kepunyaan orang-orang yang beriman, di mana sahaja dia berjumpa, dia mesti pungut.* Apabila orang Islam berjaya menegakkan keadilan - Keadilan dahulu! - Menegakkan keimanan, menegakkan keadilan. Dalam sebuah negara masyarakat majmuk, negara Islam ini bukan mesti 100% orang Islam. Dalam negara masyarakat majmuk di Madinah.....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: [*Bangun*]

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [*Bangun*]

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.....

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya? Majoriti orang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi keputusan dahulu ini.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Majoritinyasaya tidak mahu bagi Tuan Yang di-Pertua sehingga saya habis selesai, saya menjelaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haa, dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduk. Sila duduk, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bagaimana masyarakat majmuk orang-orang Yahudi, Bani Qainuqa, Yahudi Bani Nazir, Yahudi Bani Hurairah, orang Kristian Najron, orang Musyrikin 'Quzaah', dibenarkan orang-orang munafik yang pura-pura pun tinggal di Madinah. Direalisasikan keadilan Islam pada semua.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Dia ceramah agama pula dah.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri, yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bila keadilan dilaksanakan dan Islam membuka hubungan diplomatik dengan kerajaan dan rakyat di seluruh pelosok dunia, ada hubungan diplomatik diadakan dengan kerajaan dan rakyat di mana kerajaannya terbuka, kerajaannya baik, tidak mahu berperang iaitu Kerajaan Habsyah, Kerajaan China....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat. Yang Berhormat, Yang Berhormat jawab ini penjelasan atau soalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Biar saya terang, saya terang habis dahulu. Ini saya hendak ulas apa yang Baginda baca. Mengadakan hubungan diplomatik walaupun dalam negara yang bermusuhan dengan orang Islam. Islam mengadakan hubungan dagang dengan negara yang berperang dengan orang Islam, dengan rakyatnya tidak, dengan peniagaanya tidak. Menyebabkan rakyat daripada negara asing ini datang ke negara Islam dan mereka melihat keadilan Islam. Mereka melihat keadilan ini. Setelah mereka melihat keadilan Islam ini menyebabkan mereka teringin kepada keadilan. Dalam keadaan mereka tidak dipaksa menganut, ini termasuk dalam ini juga. Saya hendak jelaskan apa dia masalah negara Islam, konsep negara Islam, bagaimana *hadhari* dan tamadun, kita mesti faham dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: [Bangun]

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Menyebabkan rakyat Parsi berminat, rakyat Rome berminat, mereka berminat menyebabkan mereka merasa bimbang. Walaupun mereka mengumpulkan bala tentera, semua kerajaan ini jatuh satu demi satu. Dan rakyat negara yang bukan Islam ini menerima orang Islam menjadi pemerintah dalam suasana mereka tidak dipaksa menganut Islam. Dalam masa yang sama, mereka melaksanakan *Al-Hikmah Dallatulumukmin* – Kebijaksanaan adalah barang tercicir kepunyaan orang beriman, maka orang Islam mengambil ilmu sains dan teknologi sesuai pada di zaman itu. Ilmu perubatan, ilmu falak – astronomi, ilmu kira mengira dan orang Islam telah memodenkan ilmu. Dengan itu lahirnya ilmu geometri, matematik, ini diteroka oleh orang Islam. Ilmu geografi dan pelbagai ilmu lagi dan semua ilmu ini dibina di atas akidah, maka lahirlah *hadharah* Islamiah. Ini *hadhari* bukan zaman sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri. Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini tamadun, lahirlah tamadun Islam dan tamadun Islam telah melahirkan berbagai-bagai ciptaan baru yang ditutur, yang tidak ditulis dalam sejarah, yang disembunyikan pada zaman Khalifah Harun Al-Rashid sebagai contoh dan Permaisuri Baginda, Zubaidah. Ini peranan wanita dalam negara Islam. Permaisuri Harun Al-Rashid mengepalai projek bekalan air bersih di Mekah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat,

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tamadun Barat pada masa itu tidak kenal lagi bekalan air bersih ini tetapi orang Islam pada zaman Harun Al-Rashid sudah membina saluran air bersih daripada Lembah Hunen yang dikumpul daripada mata air dan air hujan, disalurkan. Ini berlaku 1000 tahun yang lalu yang mana tamadun Barat belum ada lagi, dibekalkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dibekalkan kepada jemaah haji dan penduduk Mekah. Tetapi bila kita baca dalam sejarah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jawab dahulu pertanyaan saya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan? Ada lima orang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya tidak mahu bagi jalan.

[Dibantah oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat, *[Disampuk]*. Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti habis saya berucap.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Nanti habis saya berucap, baru saya bagi jalan. Ini hendak kacau sahaja, Tuan Yang di-Pertua!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Hendak kacau! Saya hendak terangkan habis-habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat,....

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sehingga

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Marang....

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apakah Yang Berhormat ucapkan ini sebagai dasar ataupun menjawab?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya, perbahasan dasar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menjawab soalan yang dikemukakan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Perbahasan dasar dan soalan yang dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekarang dia tidak menjawab soalan, dia hanya berucap dasar. Mmm, sila.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak ada seorang pun yang menjadi idaman saya untuk jawab. Saya tidak ada minat *[Disampuk]*, kerana saya tidak habis lagi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak habis lagi. Tuan Yang di-Pertua, apa yang menjadi masalah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi. Duduk, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Kerk Kim Hock: Hentikan merekalah, apa ni?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi Yang Berhormat, sila duduk. Yang Berhormat-Yang Berhormat bagi Tanjong Karang, Sungai Petani, Wangsa Maju, Tebrau, Kinabatangan, Tampin, sila duduk. Sila duduk, dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Ya, teruskan.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Apa yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, tamadun Islam yang disebut dengan *hadhari* ini yang sudah berlaku ribuan tahun lalu telah dilenyapkan, termasuk dalam buku-buku teks yang diajar di sekolah sejak zaman penjajahan dahulu. Sangat malang ketika saya di sekolah rendah tahun 1950an zaman penjajahan sehingga zaman kita mencapai kemerdekaan, bila tulis sejarah Harun Al-Rashid digambarkan Harun Al-Rashid ialah seorang tokoh 1,001 malam, yang sangat bodoh, yang ditipu oleh Abu Nawas. Tidak adapun Abu Nawas ini dalam sejarah orang Arab, Abu Nawas seperti yang ditulis di dalam buku-buku yang diajar di sekolah-sekolah. Ini yang menjadi masalah - difilemkan juga, hendak memperbodohkan.

Di zaman Harun Al-Rashid zaman Kerajaan Abassiyah, beliau telah menghadiahkan jam yang dicipta oleh orang Islam kepada Raja Solomon, seorang Raja di Barat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Solomon menerima jam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada yang berdiri.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bila jam ini dibuka....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Bila jam ini dibuka, tiba-tiba mereka takut hendak mendekati jam tersebut kerana takut sihir orang Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Inilah tamadun Islam.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sungai Petani, hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Wanita, wanita.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ya. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah tamadun Islam yang telah kita buktikan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Suatu kemajuan yang tidak pernah diimpikan dalam sejarah manusia. Kita perlu menyedari Islam telah menunjukkan satu keadilan yang unggul, yang mewujudkan keamanan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang mewujudkan keamanan, yang mewujudkan keharmonian. Sehingga hari ini, kita melihat masih ada lagi rumah-rumah ibadat Majusi di tengah-tengah masyarakat Islam di Iran yang telah dibina ribuan tahun. Masih ada lagi gereja-gereja Kristian di Egypt, di Syria dan lain-lain lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan, Arau, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Masih ada lagi rumah-rumah....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat,
...

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang:rumah-rumah ibadat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Marang!

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: ...Hindu di Indonesia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan? Dia berdiri.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tidak bagi, tidak bagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Arau.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Masih ada lagi rumah ibadat Hindu di Indonesia walaupun di sana ada Kerajaan Islam, Kerajaan Islam tidak roboh rumah-rumah ibadat ini. Ini kebebasan agama yang dianjurkan oleh Islam. Bila kami cuba hendak merealisasikan perkara ini, hanya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, hanya di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, dilakukan berbagai-bagai sekatan, berbagai-bagai cara untuk menyusahkan kerajaan negeri melalui media, melalui politik, melalui pentadbiran dan melalui berbagai-bagai cara yang dilakukan! Ini sangat malang bagi demokrasi negara kita.

Oleh sebab itu biarlah kita mewujudkan satu demokrasi yang telus, sebagaimana demokrasi yang wujud di negara-negara lain dalam dunia yang mengamalkan demokrasi. Rakyat boleh menghukum kerajaan bila-bila masa sahaja. Kalau kerajaan buat salah, rakyat boleh hukum. Bahkan mahkamah boleh hukum pemimpin kerajaan. Pemimpin kerajaan boleh dipanggil di mahkamah yang berlaku di Britain sekarang. Perdana Menteri Tony Blair dipanggil untuk memberi keterangan dalam mahkamah. Mana perkara ini wujud dalam negara kita? Ini sangat malang dan kita melihat rakyat membenarkan parti memerintah.

Bila parti itu sudah lama memerintah, dia letih. Berlakulah penyelewengan, berlakulah beberapa kelemahan, maka rakyat tolak dalam pilihan raya. Naik parti baru memerintah. Bila parti baru memerintah, dia memerintah berapa penggal – tiga penggal, empat penggal, ada kelemahan. Rakyat pilih parti lain, parti dahulukah, parti mana memerintah. Inilah dia demokrasi. Tetapi demokrasi dalam negara kita ini macam demokrasi satu parti sahaja.

Bila dia nampak pengaruh-pengaruh pembangkang hendak berkembang, maka dia buat berbagai-bagai taktik. Seperti di antaranya ialah mengubah persempadanan kawasan pilihan raya. Negeri-negeri yang patut ditambah kawasan seperti Kelantan, Terengganu termasuk kawasan Baling yang perlu dipecah, dibahagi dua kerana

kawasannya terlalu luas, penduduknya ramai, tidak dilakukan tetapi dipilih negeri-negeri yang dianggap mereka boleh menang.

Ini adalah satu pencabulan terhadap demokrasi dan dipinda undang-undang bagi menjamin kemenangan satu parti, kemudian dibuat peraturan-peraturan bagi mengongkong media massa. Media massa dikongkong, wartawan-wartawan kita melaporkan semua berita yang mereka dapat, mereka hantar ke pejabat-pejabat mereka. Yang menjadi masalah, bila sampai di sana kewartawanan telah dicabul, kewartawanan telah dinodai. Dipilih-pilih berita yang tertentu, berita-berita yang tidak munasabah, berita yang panjang dipendekkan, yang pendek dihuraikan secara tidak betul. Maka rakyat jadi bercelaru. Media massa telah dikongkong dengan sebegitu rupa.

Dahulu mereka hanyalah mengongkong akhbar-akhbar Melayu sahaja, selepas itu akhbar-akhbar Cina menyiarkan berita-berita yang banyak. Kemudian akhbar Cina pun dikongkong juga. Saya tidak tahu baca akhbar Cina tetapi orang Cina beritahu kepada saya. Akhbar-akhbar dimonopoli oleh MCA, oleh parti yang memerintah – Parti Gerakan. Ini adalah pencabulan terhadap kebebasan akhbar, pencabulan terhadap demokrasi.

Kita melihat pilihan raya di Amerika sebagai contoh, sudah diberitahu tahun berapa hendak pilihan raya. Dalam negara kita pilihan raya menjadi teka-teki, dibuat secara mengejut, bahkan di Amerika parti-parti yang hendak bertanding ini boleh memilih calonnya daripada awal, parti demokrat, parti *republican*, demokrat sedang memilih calon presidennya, *republican* sedang memilih calon presidennya. Kemudian calon-calon ini dibenarkan keluar dalam TV, boleh bercakap sepenuh masa, boleh berdebat, sama-sama calon ini, calon satu parti berdebat. Di tempat kita kalau satu parti berdebat, saya rasa kalau dalam Barisan Nasional boleh lempar kerusi, ini boleh berlaku.

Ini demokrasi yang subur, di mana mereka berdebat sama-sama calon ini, pihak pendengar boleh menyoal, ini dalam satu parti, kemudian parti yang berbeza, bila ditentukan calon, calon yang bertanding ini ditonjolkan kepada masyarakat umum, berucap, boleh disoal, boleh ditanya. Ini demokrasi yang berlaku, kemudian bila hendak lantik Peguam Negara, hendak lantik Hakim Negara, hendak lantik orang-orang yang berkenaan, yang penting dalam institusi negara, orang ini disoal oleh ahli-ahli jawatankuasa daripada Kongres, disoal didedahkan segala penyelewengan yang berlaku zaman muda pun, didedahkan kembali. Kerana hendak menjaga moral kita semua tahu orang-orang barat ini bukannya tinggi sangat moralnya, kita tahu moralnya, tetapi dalam masalah kepimpinan mereka cukup tekankan dalam masalah moral ini.

Orang yang hendak dilantik jadi pemimpin, hendak dilantik memegang sesuatu urusan, dibuat muhasabah, disoal, didedahkan segala penyelewengan, diletakkan di hadapan disoal oleh Ahli-ahli Parlimen. Inilah ketelusan yang wujud, inilah makna demokrasi yang sihat. Kita mahu supaya Perdana Menteri kita dapat mewujudkan satu demokrasi yang sihat meninggalkan jasa yang baik sebelum beliau mengundurkan diri, ini yang kita mahu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua orang berdiri Yang Berhormat hendak beri jalan? Hendak beri siapa?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Parit Buntar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Parit Buntar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Ketua Pembangkang, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini saya hendak menyentuh sedikit sahaja tentang media tadi. Sejak Parlimen ini bersidang Ketua Pembangkang sampai sekarang setiap hari waktu kita bersidang ada satu program slot dalam Selamat Pagi Malaysia RTM1 menyiarkan mengenai prosiding Dewan ini yang semuanya disertai oleh UMNO dan juga daripada kerajaan, membincangkan apa yang berlaku di dalam Dewan, mengutuk apa yang dibuat, apa yang disuarakan oleh pembangkang. Kadang-kadang dua orang yang saya tengoklah. Saya hendak beritahu dan saya hendak cadangkan kalau misalnya Ketua

Pembangkang setuju, pertama sekali kita hendak kalau boleh slot yang pagi itu tidak apalah tiga orang UMNO satu orang kita, dalam program itu.

Kalau tidak kita minta Kementerian Penerangan membatalkan program itu, sebab kita pun membayar cukai, TV itu TV kita, stesen itu stesen kita, stesen itu juga stesen pembangkang.

Yang kedua, yang saya hendak sebutkan sedikit tentang hal media tadi, fasal Ketua Pembangkang menyebut soal media tadi, tentang media tentang menggelapkan berita-berita ini. Kita ada membuat percubaan, ini tidak ada masalah, prosiding dalam Parlimen ini tidak ada satunya kerahsiaan, rakyat di desa, di kota boleh dapat menikmati perkataan demi perkataan. Apa yang dilakukan untuk memberitahu kepada rakyat ialah disebarkan VCD. VCD pembangkang ini macam goreng pisang panas, saya hendak beritahu..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat, bukan ucapan ataupun penjelasan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ... ucapan ini sedikit sahaja. Ucapan almarhum bekas Ketua Pembangkang, ucapan yang dibuat hampir empat jam merupakan penyebaran VCD yang terbesar, terluas, terbanyak dalam negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya Yang Berhormat, bukan ucapan.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak beritahu tetapi bila dikatakan Akta Cetak dan sebagainya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendak membatalkan hal cetak rompak dan sebagainya, rupa-rupanya disebaliknya..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Buntar, soalan Yang Berhormat, ini hendak minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ...ialah mereka hendak pergi kepada VCD yang kita keluarkan itu. Apa ulasan daripada Ketua Pembangkang.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar dalam masalah media, sepatutnya diberi peluang dan ruang kepada rakyat, inilah kita cara menyuburkan demokrasi berparlimen dan menyuburkan minda rakyat yang sihat, mereka tidak dikongkong. Kerajaan jangan ingat dengan mereka mengongkong ini mereka boleh berkuasa lama, mereka boleh buat undang-undang macam-macam kongkong itu, kongkong ini. Bila lama-lama terkongkong, jadi meletup, kita tidak mahu meletup, tidak mahu biarlah perubahan kerajaan melalui proses demokrasi yang betul.

Ini pihak mereka sahaja yang keluar, saya pun ada keluar juga dalam TV tetapi mulut sahaja bergerak, suara tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Ini sangat malang, bergerak dua tiga patah keluar, selepas itu ulasan, ulasan, ulasan. Bagaimana rakyat hendak tahu, ini menjadi masalah. Kemudian dalam masalah kita sama-sama memberi cukai. Ini lagi malang, masa hendak memungut cukai Jabatan Hasil Dalam Negeri, dia tidak menulis di dalam borang, apakah parti saudara, dia tidak tulis di dalam borang apakah agama saudara? Dia tidak tulis, masa hendak memungut cukai semua kena membayar cukai tidak kira kerajaan, tidak kira pembangkang, tidak kira agama apa. Tetapi bila membuat projek-projek yang besar, projek kerajaan ditulis. Ini satu lagi projek Barisan Nasional.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Tuan Wan Nik bin Wan Yusof: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri, Yang Berhormat..

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang:.. Di arah projek Barisan Nasional, seolah-olah duit poket mereka, wang mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat ?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang: Ini duit rakyat semua, baju yang kita pakai.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Marang, hendak beri jalan atau tidak beri jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang:... kain yang kita pakai, nanti sekejap saya hendak beri.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia belum beri Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang:.. baju yang kita pakai, kain yang kita pakai ada cukai. Makanan yang kita makan semua ada cukai, Kastam ambil cukai. Kita memberi sumbangan kepada negara semua tidak kira parti apa, mengapa bila sampai bahagian projek, diiklankan "*Ini adalah projek Barisan Nasional*", diumumkan takut rakyat tidak tahu..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat ?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang:..... tetapi ramai rakyat yang tahu, rakyat yang faham, ini projek kerajaan. Siapa jadi kerajaan dia mesti membuat pembangunan. Macam ibu bapa kepada anak, dia mesti memberi nafkah kepada anak-anaknya, tidak kira ibu bapa itu siapa dia, orang Melayu, orang Cina, orang India, semua beri nafkah, termasuk ibu bapa Orang Asli memberi nafkah kepada anaknya. Adakah wajar sebagai ibu bapa menulis besar-besar depan rumah, '*Saya adalah ibu dan bapa yang bertanggungjawab, tiap-tiap hari saya beri duit kepada anak saya*'. Ini satu kebodohan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormat? Tiga orang bangun.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang: Ini satu kebodohan, semua orang tahu. Ini satu kebodohan, hendak membodohkan rakyat! Jangan rakyat diperbodohkan begitu rupa. Biarlah rakyat cerdas, rakyat meningkat, mindanya berkembang dengan baik, jangan takut. Kami di Kelantan, Terengganu kami tidak takut, Kerajaan Terengganu tahun 1959 ditumbangkan oleh Perikatan di masa itu melalui pelbagai sekatan, dua tahun setengah kami jatuh. Kami boleh tunggu sehingga hampir 40 tahun, baru boleh mengambil alih. Di Kelantan kami memerintah, tahun 1978 kami jatuh. Melalui proses pilihan raya tahun 1990 kami mengambil alih negeri Kelantan. Inilah demokrasi. Kita mahu supaya semangat demokrasi ini wujud juga di negeri-negeri lain di seluruh negara. Ini mesti dilakukan, Tuan Yang di-Pertua. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Siapa, Yang Berhormat? Setiukah?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang: Setiu belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu ya. Sila Setiu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang. Saya begitu tertarik berhubung dengan soal ketelusan pimpinan kerajaan yang dipimpin oleh Barisan Alternatif yang diketuai PAS khususnya Terengganu dan Kelantan. Saya melihat bahawa sepanjang tempoh pemerintahan kerajaan dipimpin oleh Yang Berhormat Dato' Seri sanggup untuk turun kepada rakyat untuk berdialog dan seumpamanya. Tetapi kita terkejut dengan wira negara kita dengan pelbagai gelaran tokoh ataupun wira dunia ketiga pemimpin contoh negara Islam. Baru-baru ini apabila *Business Week* hendak mengadakan *interview* dengan

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri Malaysia, beliau tidak bersedia. Adakah kerana takut ataupun kerana bimbang soalan-soalan yang boleh menyebabkan *cronyism* ataupun rasuah yang dilakukan oleh kerajaan pimpinan beliau didedahkan?

Yang keduanya, saya ingin menyebut berhubung dengan soal keadilan yang diperjuangkan oleh Islam termasuklah bukan sahaja kepada manusia, kepada alam sekitar dan kepada makhluk haiwan dan seumpamanya. Di Terengganu baru-baru ini ketika melancarkan Gelombang Biru di Dungun, burung merpati yang berwarna putih di cat biru juga, dilepaskan burung merpati yang dicat biru ini, burung-burung lain habis lari. Jadi, kalaulah maknanya Gelombang Biru seumpama ini kalau maknanya binatang, makhluk macam burung-burung dan binatang pun lari, saya fikir orang Terengganu pun akan lari juga. Terima kasih daripada Gelombang Biru.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Berhubung dengan isu *Business Week* mengemukakan hendak berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya difahamkan bahawa soalan-soalan sudah diberi daripada awal. Kalau budak sekolahlah bila soalan diberi daripada awal mudah hendak masuk periksa. Semangat hendak masuk periksa lebihlah, soalan sudah tahu daripada awal. Ini soalan sudah tahu daripada awal boleh tiru pula, boleh macam-macam, takut juga hendak menjawab soalan. Saya tak tahu barangkali ada udang di sebalik peristiwa yang berlaku.

Kemudian soalan yang kedua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, burung merpati dicat biru, ini terpulang kepada pihak pencinta alam untuk membuat ulasan dalam perkara ini. Ini satu perkara yang sangat luar biasa, yang sangat menarik. Kami orang Terengganu, orang di tepi laut di Pantai Timur, kalau gelombang itu biru ombaknya tidak kuat,...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] Ya, dua orang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kalau air laut biru airnya jernih. Kalau gelombang itu hijau baru gelombangnya kuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Gelombang itu hijau kerana lumut-lumut di batu naik, gelombang jadi hijau, kuat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Memang berlawan, dua Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Oleh kerana itu, kami tidak bimbang gelombang biru ini akan ditolak oleh gelombang hijau. *[Sambil mengarah kepada Yang Berhormat bagi Tebrau]* Sila pihak 'pembangkang'.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Tebrau. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Allah, susah hendak dapat soal.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah dapat soallah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yalah hendak penjelasan. Saya nampak percakapan Yang Berhormat daripada awal mula berucap sampailah ketika ini, macam Yang Berhormat ini tidak ada salah langsung. Kerajaan PAS langsung tidak ada salah, tidak ada buat kesilapan, tidak ada berlaku penyelewengan. Yang Berhormat kena terima hakikat Yang Berhormat juga manusia biasa dijadikan Allah, tentu ada kesilapan. Tetapi janganlah terlampau banyak menegur kepada satu pihak, Yang Berhormat pun tahu juga kesilapan di pihak Yang Berhormat pun ada.

Tadi peringkat yang mula, Yang Berhormat konon kalau calon daripada pembangkang kalau tidak sembahyang, saya tidak jadikan calon. Adakah Yang Berhormat

pergi menjaga dia tiap-tiap waktu? Kalau ada berlaku di kalangan ahli PAS yang tidak sembahyang saya tidak tahulah itu antara dia dengan Allah, tetapi Yang Berhormat tidak boleh riak. Jangan seolah semua kita tahu, kita tahukah Pokok Senakah, sayakah atau siapa sembahyang, semua tak tahu. Kalau dia tidak sembahyang maknanya dia kena letak jawatan. Tetapi Yang Berhormat sudah cakap takbur, memperjuangkan benda Yang Berhormat tidak dapat lihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang kedua, surat khabar *Business Week*, ini lagi susah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan yang semasa, Yang Berhormat..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *Business Week*, tadi Ketua Pembangkang kata kenapa PM takut. Bukan PM takut, sejarah sudah berlaku, PM cakap A, dia jawab B. Oleh kerana Yang Berhormat dari pembangkang, Yang Berhormat sokong cakap B untuk menghentam kerajaan, padahal benda itu tidak betul. Sebab itulah, Yang Berhormat..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan bising, Yang Berhormat, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sebab itu, Yang Berhormat, bila terkena pada diri Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mengaku salah. Kedua saya mintalah kalau Yang Berhormat hendak bercakap biarlah dengan penuh hikmah, janganlah terlampau... kadang-kadang saya terkeliru, yang mana satu alim, yang mana satu tidak alim. Kadang-kadang ada perkataan Yang Amat Berhormat menyakiti hati orang. Orang alim tidak macam itu, lembut, baik budi pekerti, bahasa yang penuh hikmah. Ini tidak, bila isu politik – nanti dahulu.

Satu lagi saya hendak tanya Yang Berhormat, sahabat Yang Berhormat daripada DAP, tadi Yang Berhormat cakap, dia tidak setuju dengan negara Islam, tetapi Yang Berhormat, Timbalan Presiden DAP. "*Wah, saya menentang keras.*" Yang Berhormat nanti dahulu. Tengok kita setuju, cakap di depan orang kampung Yang Berhormat cakap lain, bila cakap di tempat yang lain memang ada.

Satu lagi hendak hukum, Yang Berhormat hukum kita dengan bermacam-macam hukum. Ahli-ahli PAS yang berceramah mengata fitnah itu apa hukumnya. Yang Berhormat tidak boleh lari daripada hakikat ini, dia memfitnah terang-terang. Saya ada dalam mesyuarat itu. Kalau orang alim dia tidak kata demikian. Apa Yang Berhormat nasihat kepada mereka ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Terima kasih kerana Yang Berhormat beri peluang kepada saya berehat sekejap. *[Ketawa]* Insya-Allah, saya akan jawab beberapa soalan yang ditimbulkan. Saya memberi sikap yang terbuka dan kami mempunyai sikap yang terbuka. Dalam masalah peribadi kita disuruh menghukum apa yang zahir. Apa yang tersirat, yang kita tidak tahu dalam ilmu Allah Taala, kita orang Islam akan percaya Tuhan akan hukum. Kita tengok apa yang zahir, kita hukum. Kita ambil saksi-saksi yang zahir.

Bahkan dalam masalah saksi ini pun Islam memastikan saksi yang adil, saksi yang sah, saksi yang baik, saksi yang tidak bohong, kerana hendak membuktikan kesalahan orang. Ini tilam pun jadi saksi, Yang Berhormat. *[Ketawa]* Sangat malang, tilam boleh jadi saksi, orang fasik boleh jadi saksi, berbagai-bagai orang boleh jadi saksi, berlakunya kezaliman. Ini kelemahan berlaku. Kita mempunyai sikap yang terbuka yang diajar oleh Islam.

Sebagaimana yang disebut oleh Sayidina Abu Bakar As-Sidik r.a. sebaik sahaja baginda dipilih menjadi ketua negara Islam selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. Baginda menegaskan [*Membaca hadis dalam bahasa Arab*] bermaksud: “Wahai tuan-tuan, saya telah dipilih menjadi ketua kamu. Saya bukanlah orang yang terbaik di kalangan kamu. Sekiranya saya betul baik, tolonglah saya. Sekiranya saya terpesong bengkok, perbetulkan saya. Benar adalah amanah, bohong adalah khianat. Orang yang kuat di kalangan kamu adalah lemah di sisiku sehingga aku merampas hak yang diambil oleh orang-orang yang lemah untuk dikembalikan kepadanya. Dan orang yang lemah di sisi kamu adalah kuat di sisi ku sehingga aku membelanya.” Inilah prinsip yang diajar oleh Islam.

Apa yang menarik perhatian saya ialah benar adalah amanah, bohong adalah khianat. Benar adalah amanah!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar dia jawab, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Dengan pemimpin kita mesti bercakap benar. Kalau kita bohong kita khianat. Yang paling malang bagi negara kita ini ialah mengampu pemimpin. Mengampu adalah pembohongan, merosakkan pemimpin. Inilah budaya yang ada dalam UMNO yang suka mengampu, yang suka memimpin. Semasa orang itu nombor satu, dipuja dipuji. Bila ura-ura hendak jadi nombor satu pun sudah naik semangat, sudah naik bulu masing-masing. Bila tidak jadi nombor satu, dia terajang ditindas habis-habisan. Prinsip keadilan dan keadilan tidak dihitung dengan betul lagi. Ini yang menjadi masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia berdiri lagi, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Inilah budaya yang wujud yang kita perlu perbetulkan, Tuan Yang di-Pertua. Ya, sila saya bagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju yang saya katakan tadi, tetapi kena juga terima hakikat. Saya contohkan, Yang Berhormat kata yang betul kena betulkan, yang benar kena benarkan. Saya terima, saya pun tidak lari daripada hakikat itu semua. Tetapi Yang Berhormat sedar juga akhbar *Harakah*. Kalau Yang Berhormat tengok surat khabar *Harakah*, ada banyak yang tidak betul, tetapi Yang Berhormat tidak pernah tegur. Ada satu hari hendak dibawa, disaman di mahkamah, dia pun minta maaf. Sudah dua, tiga kali.

Jadi, Yang Berhormat maaf cakap, itu yang saya katakan tadi Yang Berhormat hanya menyentuh kepada kesalahan kepada pihak kerajaan sahaja. Tetapi yang sebenarnya Yang Berhormat buat salah Yang Berhormat tidak nasihat masalah ini kerana itu politik. Ini macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, bila surat khabar *Harakah* minta maaf itu maknanya dia mengaku salah. Inilah satu sikap yang betul, yang wujud dalam kami. Adakah hal ini wujud dalam Barisan Nasional? Tidak ada. Apa yang ada tidak pernah minta maaf, hendak menegakkan benang yang basah. Ini yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya tanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan ya? Baik, Kuala Kedah.

Tuan Mohamad bin Sabu: Sama ada Marang bersetuju atau tidak di negara Barat mereka adalah perangai-perangai yang buruk, tetapi satu perkara rakyat negara Barat, terutama England tidak boleh terima pemimpin pembohong. Perdana Menteri Tony Blair hendak serang Iraq kerana dituduh Iraq ada senjata *weapons of mass destruction* (WMD). Selepas serang tujuh bulan didapati senjata bahaya itu tidak ada. Maka rakyat Britain tidak boleh terima Perdana Menteri mereka yang bohong dan dia dimasukkan *inquiry* Parlimen dan sebagainya. Bagaimana di Malaysia? Perdana Menteri

kita kata Anwar Ibrahim lebam mata kerana dia pukul diri dia sendiri. Bila disiasat oleh Suruhanjaya didapati dcederakan oleh Ketua Polis Negara.

Adakah Perdana Menteri minta maaf di atas tuduhan awalnya itu kepada rakyat Malaysia dan kepada keluarga Anwar? Jadi sikap ini rakyat Malaysia belum sampai ke tahap pemimpin mesti minta maaf kalau Perdana Menteri kata dia minta maaf kerana dia anggap Anwar pukul dia sendiri. Bila dia dapati orang yang pukul, dia telah buat silap tetapi dia tidak minta maaf sampai ke hari ini. Inilah sikap pemimpin kita, politik kita perlu diperbetulkan di Malaysia ini. Setuju atau tidak Yang Berhormat bagi Marang?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini memalukan orang Islam kerana Perdana Menteri menceritakan Malaysia sebuah negara Islam. Inilah gambaran sebuah negara Islam yang tidak ada ketelusan, yang tidak menjunjung demokrasi dalam erti kata yang sebenar. Kita malu kepada Britain, sebuah negara yang bukan Islam majoriti rakyatnya, dan itulah yang wujud dalam pemerintah Islam.

Yang sebenarnya kita mesti telus, kita mesti terbuka, bukan sahaja dipersoalkan di Parlimen, dibawa ke mahkamah, media massa, BBC masih mahu dibebaskan untuk menegur dan mengkritik. Jadi, ini yang perlu kita wujudkan. Kita sepatutnya menjadi contoh, menjadi teladan kepada orang lain. Apa yang berlaku pada hari ini, kita hanyalah bercakap sahaja berdegar-degar, kita membuat kenyataan, kita tulis macam-macam tetapi kita tidak praktik di alam kenyataan. Kita telah melaksanakan dengan betul. Ini memalukan orang-orang Islam.

Islam tidak seperti itu. Belum sampai masa kita hendak melaksanakan sungguh-sungguh, maka dihalang, dikutuk, rakyat tidak diberitahu.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Bachok.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih. Semua yang digambarkan oleh pihak terutama sekali Yang Berhormat bagi Marang yang menjelaskan standard demokrasi dalam negara kita ini dan disokong sedikit oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah tadi.

Saya dapat sedut sedikit daripada ucapan Menteri Kewangan semasa membentangkan bajet baru-baru ini menyebutkan bahawa "*Might is right*". Maknanya pihak yang kuat itu semestinya duduk pada kedudukan yang benar. Dalam keadaan mana sekali pun bila dia mempunyai suatu kuasa, apa sekali tindakannya ataupun atas nama demokrasi dianggapnya sebenar.

Dalam keadaan ini, saya menarik kepada dua kajian yang telah dibuat ahli-ahli akademi atau *politicians* daripada luar melihat demokrasi dan menilai demokrasi negara kita. Satunya, Harold Crouch yang meletakkan taraf demokrasi Malaysia hari ini adalah bertaraf di antara demokrasi dengan *authoritarian*, demokrasi pun tidak, *authoritarian* pun tidak. *Not a democracy nor authoritarian*, itu satu pandangan. Itu Harold Crouch punya pandangan.

Yang keduanya dikemukakan oleh James V. Jesudason yang meletakkan bahawa demokrasi di Malaysia ini ialah *statist democracy* iaitu penguasa yang ada hari ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional akan menggunakan semua kekuatan yang ada atas nama *state*, atas nama kuasa negara, akan menggunakan kekuatan *state* untuk mempertahankan demokrasi dan kuasa mereka memerintah.

Jadi, nilai demokrasi yang ada sebegini sebagaimana yang digambarkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi, benar-benar meletakkan taraf demokrasi kita sebenarnya tidak bertamadun dalam pandangan Barat malah dalam pandangan Islam sekali pun. Dalam hal inilah satu nilai yang kita lihat, penggunaan ISA itu sendiri adalah satu kesilapan besar dalam menggunakan kekuatan untuk mempertahankan demokrasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, kita perlu menyedari bahawa demokrasi Barat mempunyai kelemahan-kelemahan. Islam daripada Allah S.W.T. yang maha suci daripada segala sifat kekurangan tetap mempunyai kesempurnaan. Dalam masa yang sama, Islam membenarkan kita mengambil apa sahaja yang bijak walaupun daripada yang bukan Islam termasuk demokrasi.

Kita boleh ambil demokrasi dan kita terus ikut cara demokrasi. Mana-mana kelemahan dan kecacatan yang ada dalam demokrasi perlu diperbetulkan. Bahkan demokrasi sendiri pun ada dia punya penggal sejarah seperti demokrasi purba, demokrasi moden sebagaimana yang ditulis oleh ahli-ahli sejarah politik dan mengalami perubahan, tetapi Islam mempunyai istiqamah, kesempurnaan yang unggul.

Dalam hal ini Islam mempunyai sikap yang terbuka dan menerima semua yang baik. Inilah rahsia kesempurnaan yang ada dalam Islam. Kita menarik demokrasi tetapi dalam mengukur sesuatu berdasarkan kepada yang hak dan benar, bukan yang kuat. Mana yang hak walaupun minoriti, pihak yang berkenaan hendaklah menerima yang hak. Walaupun yang batil itu majoriti, hendaklah ditolak.

Demokrasi sanggup menolak yang hak kalau minoriti, menerima yang batil kalau majoriti. Ini kelemahan yang ada dalam demokrasi yang perlu kita kena sedar. Ada perkara yang boleh kita bincang. Inilah makna mesyuarat yang ada dalam Islam yang perlu kita faham yang mana dalam perjalanan baik kita amal di mana orang Islam sendiri pun digalakkan dan diwajibkan supaya mengikut yang hak.

Bila orang Islam berkelahi, berselisih faham sebagai contoh, PAS dengan UMNO selalu bertengkar dalam banyak hal, dalam hal politik dan macam-macam. Tuhan menyebut dalam Al-Quran [*membaca sepotong ayat suci Al-Quran*] yang bermaksud, "*Jika sekiranya kamu bertelingkah dalam sesuatu perkara maka kembalilah kepada Allah dan Rasul jika sekiranya kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat*". Itulah penyelesaian yang sebenar-benarnya.

Kita acap kali mengajak pihak UMNO supaya bermuzakarah, berbincang, berunding secara ilmu tetapi mereka tidak terima dan mereka tidak bersedia. Kita bersedia sama ada terbuka ataupun tertutup. Sebaik-baiknya jangan berdebat, tetapi mereka hendak berdebat juga. Kita hadir debat. Ini adalah kelemahan yang perlu kita betulkan.

Sebagai satu contoh, penonjolan terhadap nama Islam dalam beberapa aktiviti ekonomi, kita mengalu-alukannya. Bank Islam berkembang dalam negara kita ini sebagaimana yang disebut oleh Perdana Menteri. Kita mendapat maklumat, beberapa operasi dengan cara Islam yang diamalkan di Malaysia ini ditolak oleh Bank Islam Antarabangsa kerana mereka ini memberi penekanan dalam Muamalah Murabahah untuk mendapat untung sahaja, dan kadang-kadang keuntungan itu lebih teruk daripada *interest*. Ini menjadi masalahnya dan boleh merosakkan imej Islam itu sendiri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga [Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Arau berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sebut dalam muamalah Islam. Ini sangat malang dan kita kena sedar, Tuan Yang di-Pertua. Muamalah dalam Al-Qardul Hassan untuk membantu, ini tidak menggalakkan. Kita boleh untung tetapi berpada-pada. Apa yang berlaku ialah muamalah yang begitu rupa sehingga Bank Islam di peringkat antarabangsa pun merasa gerun dengan apa yang ada di negara kita ini. Ini satu perkara yang sangat malang.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Arau berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Yang Berhormat bagi Arau.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Marang. Saya mendengar tadi begitu bersemangat Yang Berhormat bercakap. Jauh bezanya dengan pada masa lalu apabila ada Amanat Hadi Awang yang menyebutkan bahawa bekerjasama dengan yang bukan Islam, orang-orang yang bekerjasama dengan orang-orang Islam, darah mereka boleh ataupun adalah halal bagi kita.

Alhamdulillah, kita mencari satu perpaduan di negara kita sebagaimana disebut Islam Hadhari yang dibawa oleh Barisan Nasional yang disebutkan tadi, itulah yang dibawa oleh kita hari ini untuk masa depan negara kita. Tetapi malangnya, saya berharap kepada pemimpin-pemimpin parti pembangkang, pengikut yang ada di kampung-kampung ini, yang ada di luar-luar bandar, kenduri kendera tidak hendak bersama, tidak mahu datang berkawan bersama-sama. Anjuran program-program kerajaan untuk pembangunan masyarakat juga mereka tidak mahu bersama-sama dengan kita. Malahan sembahyang, mereka sembahyang di surau-surau yang dibina. Kenapa perkara ini masih berterusan dalam negara kita? Saya mengharapkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kalau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masing-masing lapuk-lapuk belaka kadang-kadang itu.

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: kita dapat mengadakan, mewujudkan demokrasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Alhamdulillah, jika ini dapat kita laksanakan di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Yang Berhormat, alangkah baiknya kalau saya diberi peluang dalam TV – RTM atau TV3 - untuk saya jawab soalan-soalan yang banyak dikelirukan, ucapan saya yang acap kali saya sebut, ucapan saya satu jam lebih dijadikan amanat. Yang bagi nama 'amanat' itu pun UMNO juga. Saya tidak letak nama 'amanat'. Ini yang jadi masalah.

Yang Berhormat kena sedar, sebagai contoh kita mengadakan sambutan Merdeka di Terengganu. Semua parti politik kita jemput, UMNO tidak hadir. Mereka mengadakan majlis sendiri bagi pihak UMNO.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Kita hendak sambut Merdeka, sama-sama kita hendak bersatu. Semua parti termasuk DAP datang. Kita berselisih faham dengan DAP. DAP tolak negara Islam. Itu hak dalam negara demokrasi. Kita beri pendapat kita, kita mahu negara Islam. Ini dalam negara demokrasi, rakyat boleh pilih dalam masa pilihan raya. DAP yang begitu keras berbalah dengan kita, tidak sampai tara lempar kerusi! Macam MCA, mereka hadir dalam majlis Merdeka yang diadakan di Terengganu, mereka datang sama angkat bendera DAP, kami tidak halang. Kami tidak halang bendera DAP dikibarkan.

Mengapa UMNO takut sangat hendak angkat bendera UMNO dalam majlis Merdeka kalau sudah gelombang biru itu kuat sangat? *[Tepuk]* Mengapa tidak berani datang? Ini kerah budak muda-muda, pelajar-pelajar Tingkatan Enam dipaksa mesti hadir bagi menjayakan Majlis Gelombang Biru. Sekolah-sekolah digunakan. Budak-budak sekolah menjadi mangsa. Guru-guru dipaksa, pegawai-pegawai kerajaan dipaksa untuk membesarkan Gelombang Biru itu.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [Bangun]

Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada dua orang yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Ini yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Sepatutnya sedarlah sedikit. Sepatutnya membuat muhasabah kepada diri sendiri dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Marilah kita mencari cara yang betul dalam menyelesaikan masalah. Saya bukan hendak tunjuk kejaguan dalam Parlimen ini. Yang penting kita hendak mencari kebenaran. Kebenaran dengan cara tepat. Kebenaran dengan cara yang betul. Kebenaran adalah menjadi teras untuk menyelamatkan kita, bukan kedegilan dan penyelewengan.

Apa yang berlaku dalam Barisan Nasional hari ini ialah menunjukkan kedegilan dan penyelewengan. Marilah ubah sikap dan memberi suatu sikap yang terbuka. Kita, sepanjang masa sama ada kita jadi kerajaan ataupun kita jadi pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi, Yang Berhormat?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Saya hendak habiskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Masa sudah cukup. Dengan itu saya hendak beri peluang kepada rakan-rakan lain. Saya tidak mahu ambil masa sehingga macam suntuk waktu Asar. Saya hendak beri kepada rakan-rakan lain menyampaikan ucapan walaupun saya boleh berucap sehari, dua hari pun boleh berucap, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi saya rasa dengan perkara yang ditimbulkan itu sudah cukup dan sekadar itulah. Terima kasih. Wabilahi-taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita akan sambung petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Sila Yang Berhormat bagi Sungai Benut.

2.33 ptg.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]: Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan, di atas pembentangan Bajet 2004 pada hari Jumaat yang lalu Bajet yang bertemakan '*Meraih Kejayaan, Membina Masa Depan*'. Ini cukup istimewa kerana kandungannya yang membawa khabar gembira kepada semua golongan masyarakat dan ia diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat negara ini sebagai Bajet perpisahannya.

Kita semua sudah maklum bahawa beliau akan bersara dan Perdana Menteri sudah pun menghadiahkan kepada kita Bajet ini sempena dengan persaraannya. Saya katakan ia adalah hadiah kerana Bajet yang dibentangkan selama lebih kurang tiga jam itu mencakupi semua aspek, menyentuh segenap lapisan masyarakat dan memberi manfaat kepada semua pihak, sama ada rakyat yang setia kepada kerajaan mahupun kepada puak yang membangkang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet ini sudah meletakkan asas yang kukuh menerusi pendekatan holistik dengan strategi untuk memacu pertumbuhan swasta ke arah bajet yang berimbang, menjadikan Malaysia negara dagang sebenar dan memantapkan agenda sosial. Maka ia sudah ada di hadapan kita untuk dilaksanakan oleh barisan kepimpinan yang bakal mengambil alih pentadbiran negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, tidak siapa pun boleh menafikan, malah masyarakat antarabangsa akhirnya mengakui bahawa Malaysia di bawah teraju kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah meletakkan negara kita di persada dunia. Seluruh dunia mengenali kita, bukan kenal Malaysia kerana cacat-celanya atau hal-hal yang negatif tetapi mengenali Malaysia kerana kemakmurannya, keamanannya dan kestabilannya serta kemajuannya dan banyak lagi catatan-catatan sejarah.

Jadi, pada kesempatan ini di sidang terakhir sebelum beliau berundur sebagai Perdana Menteri, saya dan rakan-rakan ahli Dewan ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih yang tidak terhingga [*Tepuk*] kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, selama 46 tahun kita diterajui oleh empat Perdana Menteri dengan hampir separuh daripada tempoh itu di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada pada hari ini.

Sesungguhnya semua Perdana Menteri kita mempunyai keistimewaan dan warisan yang tidak ternilai kepada kita serta rakyat seluruhnya. Allahyarham Tunku Abdul Rahman membawa negara mencapai kemerdekaan; Allahyarham Tun Abdul Razak memulakan era pembangunan, Allahyarham Tun Hussein Onn memperteguhkan sistem pentadbiran, dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada pada hari ini adalah penggerak kemajuan yang penuh dengan wawasan. Sebenarnya, boleh patah kalam kalau kita mahu memperincikan satu demi satu, baris demi baris mengenai semua sumbangan beliau. Dunia mengiktirafnya, masyarakat Islam antarabangsa memperakuiinya, apakah kita pula yang mahu menidakkannya?

Tuan Yang di-Pertua, lihatlah sehingga ke saat-saat akhir menjelang persaraannya, beliau tidak betah berdiam diri, tetap ke sana sini dengan penuh tenaga menyelesaikan tugas dan tanggungjawab. Itulah seorang negarawan sejati yang tiada tolok bandingnya, dan kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana telah mengurniakan seorang insan ini kepada kita untuk memimpin dan memperhambakan diri kepada rakyat dan negara, agama dan bangsanya selama 22 tahun. Beliau mengetepikan keseronokan hidup

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Jemput.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Saya difahamkan Ketua Pembangkang puntal ucapan dia dekat setengah jam, kondem Bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berkaitan soal sembahyang Asar. Siapa pun akan bersalah kalau tidak sembahyang, siapa pun, siapa pun. Saya tengok

pembangking puntal isu ini setengah jam, dia lambung, sana jawab, sini lambung, sana jawab. Ditaruknya Perdana Menteri kita cukup-cukup.

Cuma saya hendak bertanya, betulkah Ketua Pembangkang ini ikhlas? Betulkah pemimpin-pemimpin PAS yang ada, termasuklah Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, termasuklah siapa lagi dari PAS. Ini Yang Berhormat bagi Kemaman ini dia Parti Keadilan, Yang Berhormat bagi Kota Melaka tidak masuk campurlah cerita ini, ikhlaskah dia? Kalau betul ikhlas, apa salahnya Ketua Pembangkang nampak agaknya ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri panjang lagi, tulislah surat kecil kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberhentikan Dewan selama 15 minit untuk sembahyang Asar. Ini tidak dibuat.

Apa salahnya Islam sesama Islam, mungkin agaknya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri lupa kerana, yalah, saya bukan hendak membenarkan dia, soal tidak sembahyang siapa pun salah. Itu semua orang bersetuju, okay? Tetapi tidak bolehkah hendak peringatkan? Oh, soal tidak sembahyang ini, orang PAS pun ramai yang tidak sembahyang, bukan orang UMNO sahaja. Soal tidak sembahyang ini, siapa pun - orang PASKah, orang UMNOkah, orang Keadilankah, orang *'kepala bantengkah'*, siapa pun kalau tidak sembahyang, salah tetap salah, itu tiada siapa yang hendak membela, tetapi soal keikhlasan ini. Bangunlah, beritahu, *"Minta maaf, nampaknya ucapan panjang lagi, kita waktu Asar belum sembahyang"*.

Lainlah macam saya, saya jamak, saya jamak taqdim, jamak takhir ini boleh, fasal kita musafir lebih dari dua marhalah, kita tahu. Macam Yang Berhormat bagi Setiu, [*Yang baru memasuki Dewan*] mungkin agaknya dia pun jamak juga, tetapi jimak, jamak tidak tahulah, wallahu alam. [*Ketawa*] Ini soal boleh. Yang Berhormat bagi Sungai Benut mungkin boleh jamak tetapi soal ini tadi, itu satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat kata, Ketua Pembangkang telah membangkitkan perkara ini setengah jam, Yang Berhormat berapa minit perlu kemukakan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bukan, saya hendak minta sahabat saya Yang Berhormat bagi Sungai Benut supaya hingga pembangkang sudah tidak ada modal lain sebab bajet ini, bajet yang cantik. Jadi, hendak salahkan sudah tidak ada, tidak ada *point* hendak salahkan Perdana Menteri, jadi, mana tempat yang, luang-luang yang boleh disalahkan, itu disalahkan. Sehingga tidak beri *chance* langsung, dipuntal sana, saya tengok. Oh! Lambung kiri, lambung kanan, dia pun jawab. Lambung kira ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, setakat ini tidak ada soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, cuba sedikit, macam mana Sungai Benut. [*Ketawa*]

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Sri Gading. Saya pun hendak membawa ke arah itu kerana memang kita manusia orang kata tidak ada bumi yang tidak ditimpa hujan. Manusia mana yang tidak pernah melakukan kesalahan, itu bukan manusia kalau tidak membuat salah.

Tetapi, hakikatnya kalau seseorang itu betul-betul ikhlas, yang mana Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi menyatakan bahawa beliau hendak menjadi seorang pemimpin yang jujur, seorang pemimpin yang ikhlas, penuh dengan keterbukaan. Mengapakah soal ini ditimbulkan, dibangkitkan? Macam kata Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi, lambung sana, lambung sini, macam seolah-olah ini satu kesalahan yang cukup besar, yang mana ini boleh runtuh Dewan ini.

Pada saya, saya beranggapan, perkara inilah yang akan bawa, akan dijaja ke semua kampung, yang mana inilah perkara-perkara yang boleh memecahbelahkan lagi masyarakat kita. Jadi, saya harap kalau seseorang itu betul-betul ikhlas, betul-betul jujur, waktu itu ada, waktu itu bangun semasa persidangan dan rasa saya Tuan Yang di-Pertua akan memberi masa untuk menangguhkan Dewan untuk bersolat. Seperti mana yang dikatakan, kita ada kesalahan, tetapi mengapakah selepas sudah selesai, baru timbul?

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian, bangun.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Nantilah, saya habis dahulu. Sudah balik, duduk, fikir sama-sama. Ha! Ini *point* dia. Ini yang patut kita hentam ramai-ramai, kata dia. Itu sebab lambung sana, lambung sini. Ini hakikatnya. Jadi, saya haraplah dalam suasana kita hendak mencapai satu negara yang bersatu-padu, janganlah perkara-perkara ini kita bangkitkan dan yang mana kita bawa balik cerita di kampung-kampung yang merosakkan perpaduan dan perpecahan di kalangan kita, terutamanya umat Islam. Jemput, Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Sri Gading ada pada hari itu, fasal apa dia tidak hantar nota? Pak Lah, Yang Berhormat bagi Kuala Batas pun ada. Kalau saya, saya jawab macam ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu jawab.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya minta penjelasan. Boleh atau tidak jawab macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, saya minta penjelasan perkara lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai masa untuk beri jawapan.

Tuan Husam bin Haji Musa: Apa fasal pula, Tuan Yang di-Pertua, hari ini? *[Ketawa]* Saya minta penjelasan macam ini. Saya rasa Perdana Menteri kita sembahyang, dia sudah sembahyang Zuhur dengan Asar, pada hari Jumaat itu.

Kita hendak hantar nota, tetapi kita tidak tahu dia hendak berhenti berapa jam. Kalau kita hantar pukul 6.00, tengok-tengok 6.05 minit itu berhenti, malu kita. *[Disampuk]* Jadi, yang kena hantar nota ialah Kepala Batas, fasal saya ingat dia tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir tidak perlu.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya pun tidak hendak panjangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Keluarkan soalan dan tuju kepada Yang Berhormat bagi Sungai Benut.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, saya tidak suka Yang Berhormat sungai Benut kata, kita hendak jaja isu ini. Macam mana kita hendak jaja kalau dia sembahyang? Tetapi, kalau dia tidak sembahyang, seluruh dunia tengok, seluruh negara tengok, tidak payah jaja pun orang sudah tahu. Tadi saya jumpa Sri Gading di luar dengan Pendang, ya, jangan lupa, ya. Dia mengaku terus terang, dia kata malu, malu! Kami lari tidak boleh hendak bertahan malu, tidak tahu hendak jawab. Jadi, datang dalam ini pula, lain pula.

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Petra Jaya. Ya!

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, ada tidak kemungkinan, saya rasa kita semua di sini bertanggungjawab, kerana sepatutnya mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu tidak tahu masa sudah hendak sampai?

Tuan Husam bin Haji Musa: *Three hours man!*

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tetapi, tidak seorang pun daripada kita menghantar surat kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri. Yang baik sekali, saya rasa ialah kalau Tuan Yang di-Pertua itu sendiri bertanya, “*Eh! Berapa muka lagi, Yang Amat Berhormat?*” Kalau begitu kita tangguhlah dahulu Dewan sekian lama. Jadi, kita semua di sini salahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan salahkan Tuan Yang di-Pertualah. Cukuplah, Yang Berhormat! *[Ketawa]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya telah nyatakan tadi, bumi mana yang tidak ditimpa hujan? Manusia memang banyak buat salah. Dalam soal ini kita hendak menguji ataupun hendak melihat dari segi keikhlasan. Kalau kita sudah buat salah, kita terimalah hakikat. Kita seperti mana kata Yang Berhormat bagi Petra Jaya tadi, kita terima hakikat bahawa kita sama-sama, semua yang ada dalam Dewan ini, sudah buat salah.

Jadi, kita membetulkan dan kita harap benda ini kita jangan panjang-panjangkan. Inilah harapan saya. Bukan kata kita – kalau kita hendak cari dalih, banyak dalih.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduk. Ada Sri Gading bangun.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Fasal saya, macam kata Kubang Kerian tadi. Dia kata mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah sembahyang Zuhur, sudah sembahyang Asar. Saya tidak tahu, fasal saya tidak tanya dia. Jadi, saya tidak tahu. Ini pun buat andaian jua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebenarnya pada biasanya, kita pun ada mesyuarat pada pukul 7. Cukuplah Yang Berhormat. Kita juga ada mesyuarat sehingga pukul 8, sehingga pukul 7 kita ada mesyuarat juga. Jadi, setakat ini Yang Berhormat Sungai Benut boleh sambung ucapan.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Yang Berhormat Sri Gading hendak bangun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang sembahyang juga? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Silalah, soalan yang terakhirlah.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Saya beri kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, terima kasih, alhamdulillah. Baiknya. *[Ketawa]* Ini bukan hendak kritik orang lain, kita hendak membetulkan. Tidak ada siapa akan membenarkan siapa tidak sembahyang. Kalau tidak sembahyang memang salah. Dalam peperangan pun hendak kena sembahyang, orang hendak mati pun kena sembahyang. Soal sembahyang ini, semua orang bersetuju tidak boleh tinggal, tidak ada siapa yang hendak mempertahankan, siapa yang tidak sembahyang, itu semua orang faham. Okay.

Yang kita pertikaikan ialah bagaimana PAS menggunakan isu ini sebagai satu hujah yang hendak dicornerkan, UMNO Barisan Nasional ini, tentang itu sahaja. Sehingga hendak suruh rakyat lupa tentang kebaikan Bajet yang dibentangkan. Ini yang saya hendak timbulkan. Maknanya pembangkang ini cuba hendak menafikan kebaikan Bajet yang mesra rakyat, yang baik kepada rakyat, yang bertimbang rasa kepada rakyat, supaya rakyat lari daripada hakikat ini, pergi kepada benda-benda yang negatif, supaya rakyat tidak rasa

kebaikan Bajet ini. Ini yang saya rasa niat jahat Ketua Pembangkang yang digotong-royongkan oleh anak buah dia, dilambung sana, *dismash* sini, dilambung – dekat satu jam cerita itu sahaja. Inikah yang dikatakan perjuangan Islam hingga hendak – yalah, benda-benda macam ini niat orang PAS, semua orang fahamlah. Apa komen Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Yalah, Tuan Yang di-Pertua, beginilah keadaannya, kerana saya timbulkan ini dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading timbulkan, pada suatu ketika dahulu ada juga cerita yang kata, Perdana Menteri tidak pernah sembahyang Subuh. Ini cerita dibawa dalam ceramah. *[Disampuk]* Itu sudah selesailah. Tetapi, saya harap, itu saya kata, kita dalam Dewan ini kita dengan penuh keikhlasan, kita rasa bahawa kita ini manusia biasa, yang mana sering membuat salah. Kita harap perkara ini janganlah kita panjang-panjangkan.

Kadang-kadang kita takut benda ini jadi keliru. Ha! Itulah sahaja. Jadi, saya sambunglah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, selama 22 tahun Yang Amat Berhormat mengetepikan keseronokan hidup, mengorbankan masa untuk keluarganya ibarat lilin membakar diri.

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih. Jadi, Jumaat yang lalu, beliau berdiri di Dewan yang mulia ini selama 3 jam untuk menyempurnakan tugasnya

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: ... yang sarat dengan perjuangan, pertimbangan dan perjuangan untuk masa depan bangsanya.

Beberapa Ahli: *[Tepuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Baru sahaja mula. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dalam ucapan Ketua Pembangkang, tidak ada sedikit pun rasa terima kasih. Tiga jam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan bajet untuk rakyat negara ini, sepatah pun ucapan terima kasih tidak ada. Sebelum saya keluar tadi, saya duduk dengan beberapa orang Ahli Dewan Undangan Negeri daripada UMNO yang menang di negeri Terengganu. Dia pun mendengar ucapan Ketua Pembangkang.

Dia kata, "*Datuk...*". Dia beritahu saya, "*Bohong sahaja ini*". Jadi, maknanya ucapan Ketua Pembangkang di Dewan ini ialah membohongi Dewan dengan hujah yang tidak betul. Memanglah dia fasih bercakap tetapi hujah-hujahnya disemak oleh beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri Terengganu dari kalangan Barisan Nasional, mereka kata bohong semua. Dia bagi saya fakta-fakta. Dalam ucapan saya nanti saya akan tunjuk macam mana fakta pembohongan Ketua Pembangkang. Saya dengar dia bercakap selama satu, dua jam, bohong semua.

Jadi, inilah kadangkala kita tengok orang yang memperjuangkan Islam konon....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, nampaknya Yang Berhormat sudah ambil tempat Yang Berhormat bagi Sungai Benut. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya hendak sedikit komen mengapa tidak ada rasa terima kasih atau terhutang budi. Walaupun kita berlainan parti, tetapi yang baik tetap baik. Macam saya bercakap di mana-mana. Kadang-kadang kita puji beberapa orang Ahli Parlimen PAS fasih bercakap macam Yang Berhormat bagi Kubang Kerian,

bagus bercakap, saya pujilah. Soal dia betul atau tidak betul, itu soal lainlah tetapi dia fasih bercakap. Macam Yang Berhormat bagi Jeli, bagus bercakap. Saya puji tetapi itu soal dialah. Tetapi saya ada juga rasa penghormatan. Macam Yang Berhormat bagi Kota Melaka bagus, pujilah sedikit.

Ini tidak ada, Yang Berhormat bagi Parit Buntar bagus bercakap, macam Yang Berhormat bagi Setiu, macam Yang Berhormat bagi Kemaman, bagus bercakap. Sama ada dia bohong atau tidak bohong, itu orang ramailah nilai tetapi fasih dia bercakap.

Tetapi PAS ini tidak ada sedikit pun rasa terima kasih. Takkanlah Dato Seri Dr. Mahathir memerintah selama 22 tahun dalam negara ini, takkan beliau tidak berjasa kepada setiap rakyat dalam negara ini termasuk parti pembangkang. Tidak bolehkah di saat-saat akhir beliau hendak bersara, ucapkanlah terima kasih kepada seorang pemimpin yang membawa negara ini ke mercu kejayaan di dunia. *[Tepuk]* Tidak bolehkah ada hati perutlah sedikit, lailahaillallah. Yang tidak ada hati perut ini ialah iblis. *[Disampuk]* Saya tidak tuduh siapa iblis, cuma saya kata yang tidak ada hati perut ini ialah iblis, termasuklah iblis bisung...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...iblis bisu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa harapan Yang Berhormat hendak....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya punya harapan kepada Yang Berhormat bagi Sungai Benut....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ... harapkan jawapan daripada Yang Berhormat bagi Sungai Benut?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ... tolonglah beri pengiktirafan terima kasih kepada pucuk pimpinan kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading. Inilah yang kita harapkan. Kita harapkan supaya kita dapat menikmati hidup di dalam sebuah negara yang begini makmur. Pokoknya ialah hasil daripada pentadbiran yang baik dan kita akui inilah jasa-jasa tetapi saya tidak tahulah macam mana dengan pembangkang. Memanglah kita kata pembangkang itu sepanjang masa kerjanya membangkang dan di negara kita ini, alhamdulillah, Ketua Pembangkang pun kita bayar elaun pula untuk membangkang. Ha, itu kerja dia.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada elaun, ya?

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Ada elaun untuk Ketua Pembangkang. Jadi, sepatutnya kita harap bila dia membangkang, dia berterima kasihlah sebab ada elaun.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Di dalam bajet ini, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Cukuplah, biarlah saya teruskan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak beri laluan tidak?

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Saya belum masuk pun lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia belum masukkan lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Selepas ini, selepas ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, sila duduk.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Duduk dululah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita sebut sahaja golongan mana, kelompok masyarakat mana, tidak kira di bandar ataupun di desa, semuanya akan menjadi bakal atau mendapat manfaat daripada bajet ini. Liputan bajet kali ini cukup menyeluruh dengan merangkumi peladang dan peneroka, petani dan nelayan, penjaja dan peniaga kecil, pegawai kerajaan dan kakitangan swasta, kelas menengah dan atasan, murid-murid sekolah dan penuntut-penuntut pengajian tinggi serta golongan orang kurang upaya, warga tua, golongan orang Asli, semuanya akan mendapat nikmat daripada bajet yang dibentangkan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, beban golongan di luar bandar dan berpendapatan rendah telah diringkaskan iaitu yang saya tahu melalui penghapusan cukai jalan bagi motosikal yang berkuasa rendah, di samping kemudahan dipertingkatkan dan ruang semakin luas dibuka bagi membolehkan mereka ini bersaing.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Hendak masuk juga? Jemputlah, kawan saya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Benut. Dalam bajet baru-baru ini, kita tengok antara aspek yang mungkin tidak diberi penekanan yang besar – Yang Berhormat bagi Sungai Benut berkata secara menyeluruh, tetapi saya dapati bahawa pengangguran di Malaysia sekarang ini, khususnya di kalangan mahasiswa sudah mencecah atau mungkin lebih daripada 80 ribu orang yang menandakan kegagalan Barisan Nasional, khususnya Perdana Menteri dan Menteri Kewangan untuk memastikan bahawa rakyat di Malaysia ini, khususnya golongan cerdik pandai mendapat tempat dalam pembangunan negara. Kenapa dalam bajet kali ini tidak diberikan satu penekanan khusus bagaimana caranya kita dapat menjana tenaga-tenaga intelektual kita yang ada, yang lebih 80 ribu orang sekarang ini sedang menganggur?

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Inilah dia Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kita terima hakikat. Yang pertama kita hendak menyediakan rakyat. Maknanya kita sudah boleh lahirkan 80 ribu orang siswa dan belanja untuk melahirkan 80 ribu siswazah ini bukannya satu belanja yang kecil. Ini satu hakikat kejayaan kita. Tetapi maklum sahaja, baru-baru ini kita gawat, kita sedang merancang, selepas ini saya hendak huraikan program-program yang patut kerajaan buat. Ini sepatutnya cara menegur dan mengajak kerajaan bagaimana hendak selesaikan masalah. Bukan terus kata, "Ha, ini sudah tidak betul". Hakikatnya, kita kena terima kenyataan, inilah masalah-masalah yang sentiasa ada dari masa ke semasa yang perlu kita sebagai Ahli-ahli Dewan fikirkan bersama untuk hendak membangunkan negara kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Yang Berhormat bagi Sri Gading minta laluan, ha?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Ha, jemputlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Tadi Ketua Pembangkang tidak bagi peluang pun orang hendak bercakap, hendak tanya.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Eh, tidak betul itu!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yalah, tidak bagi. Bagi sedikit, berlakon sahaja lebih. Insentif kepada IKS, kalau apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Setiu itu tidak betul. Cuba kita semak bajet ini kepada IKS. Ini semua, mahasiswa kita akan dapat manfaat daripada situ. Maknanya, soal mahasiswa kita ini diberikan penekanan.

Cuma satu, saya difahamkan Ketua Pembangkang ini, dia sindir bajet ini. Astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim, saya pun tidak faham. Apabila bajet ini menekankan kepada orang kurang upaya, orang miskin, ibu tunggal, masalah orang Asli diperli oleh dia ini, nelayan diperli oleh Ketua Pembangkang, dia kata, "Yalah orang buta huruf, orang tidak tahu kerana hendak mengabui mata orang-orang ini supaya mengundi Barisan Nasional.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Masya-Allah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Astaghfirullahalazim, lailahaillallah. Kita buat bajet untuk menolong orang yang patut kita tolong. Bagi PAS, tidak boleh. Maknanya PAS, dia tidak mahu menolong orang miskin, orang-orang seperti nelayan dan petani, dia tidak hendak tolong, orang Asli dia tidak hendak tolong. Saya hendak menyeru, "*Wahai nelayan, wahai petani, wahai orang-orang Asli, pilihan raya yang ke-11, tolak PAS pasal dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mereka tolak untuk menolong...*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Beri penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Minta Yang Berhormat bagi Sungai Benut tolong sedikit buat penjelasan supaya pihak pembangkang ini jangan keterlaluan sangatlah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...hendak main politik dalam bajet ini sehingga hendak mengetepikan orang-orang yang patut diberikan pertolongan. Saya minta sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Sungai Benut sudah berucap setengah jam, 15 minit digunakan oleh Yang Berhormat [*Ketawa*]. Cukuplah.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Inilah [*Ketawa*]..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya harap masa saya bercakap pun Tuan Yang di-Pertua, jangan kasi *limit*. Tolong, Tuan Yang di-Pertua. Saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini hendak tengok keadaan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: ...tidak usah banyak, Tuan Yang di-Pertua, dapat dua jam jadilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya saya fikir kalau ada Peraturan Mesyuarat membenarkan Speaker buat *ruling* siapa yang mencelah banyak kali, rasanya tidak payah diberi peluang berucap.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk kepada perkara-perkara yang mana perancangan kita yang harus kita buat. Saya sedih tadi bila dengar Ketua Pembangkang bercakap dua jam, memang tidak sebut pun soal Bajet, [*Disampuk*] [*Ketawa*] seperti mana kawan-kawan saya kata, ini semua ceramah politik yang hendak dibawa balik ke kampung-kampung.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi bahawa golongan kurang upaya, ibu tunggal dan wanita semua sekali turut diberi perhatian, peluang-peluang mereka untuk memasuki pasaran pekerjaan dan langkah berdikari dipertingkatkan manakala hal-hal sosial yang lain turut diberi tumpuan termasuk soal pembangunan keluarga bagi membendung gejala sosial. Jadi, tumpuan kepada soal kesejahteraan hidup diterjemahkan melalui peluang memiliki rumah, penjagaan kesihatan, peningkatan kualiti alam sekitar dan infrastruktur untuk beriadah.

Jadi, dalam menyediakan semua kemudahan ini, teras kepada keupayaan kerajaan membuat demikian didukung oleh usaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi. Sektor kewangan, perkhidmatan, perindustrian dan ICT ditingkatkan daya saingnya untuk menjamin pertumbuhan ini. Transformasi daripada pergantungan terhadap Pelaburan Terus Asing (FDI) kepada Pelaburan Terus Domestik (DDI) adalah strategi yang menepati keadaan semasa yang memerlukan kesan berganda bagi meningkatkan aktiviti ekonomi dalaman.

Dalam hubungan ini adalah tepat langkah Kerajaan Persekutuan yang mana merancang Johor Baru, bandar raya strategik di Selatan tanah air sebagai Kargo *Hub* Serantau dan *Financing Hub*. Tindakan yang berani ini dijangka akan dapat menyokong usaha ke arah matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara dagang sepenuhnya. Ini kerana Johor Baru yang kini lengkap dengan pelabuhan moden, gabungan pengangkutan udara, lebuhraya dan kereta api berada dalam kedudukan yang paling strategik untuk mengaut limpahan aktiviti perdagangan serantau sebelah sini. Terima kasihlah kerana kebetulan saya pun datang dari Johor. Sebenarnya ...

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kinabatangan bangun.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Oh, dijemput.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat. Ini saya ingat Yang Berhormat kerana fokus fakta ini lebih jelas kepada Yang Berhormat bagi Kemaman, sebab saya percaya ucapan Yang Berhormat bagi Kemaman akan datang ini dalam 20 minit dia langsung tidak akan bagi *highlight* kepada fakta ini. Dia akan cakap apa perancangan semua menggagalkan dan meruntuhkan lagi. Fokus sedikit fakta, beritahu dia yang kerajaan sudah buat ini! Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Inilah fakta-fakta yang kita buat. Kita kena susun, rancang baik-baik sebab sepanjang saya duduk dalam Dewan, Yang Berhormat bagi Kemaman masa itu cakap, semuanya tidak pernah yang betul, inilah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dan sesungguhnya sudah terlalu lama Johor menjadi pelengkap dan menyediakan aktiviti sokongan kepada negara jiran yang sebegitu lama menikmati kekayaan perdagangan Selat Melaka yang menjadi hubungan utama perdagangan antara Timur dan Barat. Kita memang amat menghormati negara jiran dan kita sentiasa berpegang kepada konsep dan semangat "*Prosper thy neighbour*", tetapi nampaknya kita sahaja yang terlalu banyak beralah memakmurkan jiran. Apakah salahnya dan sudah tiba masanya kita mengeksploit untuk kedudukan yang strategik ini.

Bagaimanapun, bagi menjamin cita-cita dan hasrat kita ini untuk kesampaian, kita perlu memastikan bahawa usaha meningkatkan pertumbuhan ini tidak diganggu gugat oleh masalah dalaman. Aktiviti ekonomi akan mudah terbantut tanpa kestabilan dan sekali gus menyukarkan kita untuk memastikan wujud keadilan sosial di negara ini. Saya membangkitkan perkara ini kerana soal-soal dalaman yang berkait dengan hal perpaduan yang kadang kala remeh boleh menjejaskan tumpuan kerajaan bagi meningkatkan daya saing negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, strategi Bajet. Sebelum saya mengupas soal perpaduan ini, elok saya menyentuh mengenai strategi Belanjawan kali ini dalam memastikan pertumbuhan yang lebih tinggi. Kita perlu menyiapkan diri dari segi daya saing, ketahanan dan peningkatan produktiviti. Ketiga-tiga aspek ini banyak bergantung kepada kemahiran sumber manusia dan intelektualnya, jati diri, penguasaan teknologi dan maklumat di mana di dalam suasana sekarang, *vehicle* utama ialah penguasaan bidang ICT. Kita berasa bangga kerana tahap produktiviti kita semakin meningkat. Daripada kedudukan nombor sepuluh tiga tahun yang lalu, kita telah melonjak ke tangga keenam dan kini kita ke tangga keempat dalam senarai daya saing negara yang mempunyai penduduk lebih daripada 20 juta. Ia satu pencapaian yang menunjukkan bahawa kita memang mempunyai kecekapan, dan jika kita ada daya usaha, insya-Allah kita mampu bersaing dan

melakukannya, tetapi kita mesti bersedia untuk belajar dan mengubah *mind set* kita, kreatif dan berani bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini sektor swasta perlu memainkan peranannya lebih-lebih lagi apabila kita mahu menjadi negara dagang yang sepenuhnya dengan berasaskan kegiatan ekonomi domestik. Sektor awam tidak akan termampu menyempurnakan hasrat ini melainkan sektor swasta menjadi lebih efisien dan berdaya maju menggerakkan kegiatan ekonomi. Pendekatan ini amat penting bukan sahaja memastikan proses pemulihan ekonomi kita akibat daripada krisis kewangan 1997 pulih dengan lebih cepat, bahkan menjamin kita untuk tidak ketinggalan jauh ke belakang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bangun*]

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Allah, macam nanti Tuan Yang di-Pertua tidak beri berucap [*Ketawa*] ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi, bagi, bagi! Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya lembut ini saya harap Tuan Yang di-Pertua jangan kira saya, Tuan Yang di-Pertua, sama-sama Johor, dia pun Johor [*Ketawa*] Jadi jangan tolak masa saya waktu saya hendak bercakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan, Yang Berhormat, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya jangka 22 hari bulan. Sudah setengah jam lebih Yang Berhormat sudah bercakap, cukup bagus. Yang Berhormat bagi Sungai Benut ialah orang kedua selepas Ketua Pembangkang membuat ucapan. Kali ini kita amat kecewa, kecewa, kecewa kerana saya mengikuti ucapan Allahyarham Ketua Pembangkang yang lepas. [*Yang Berhormat bagi Tumpat baru melangkah masuk ke Dewan*] Ha, ini Yang Berhormat bagi Tumpat baru masuk, dia boleh membetulkan ucapan saya. Dia akan membenarkan kerana Yang Berhormat bagi Tumpat ini orang yang lurus. Cuma sayang dia duduk sebelah sana. Sepatutnya dia duduk sebelah sini. Tetapi tidak apalah..

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sudah rezeki di situ!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, rezeki di situ. Allahyarham Ketua Pembangkang yang lalu, saya *salute* dia. Ya, betul kita berbahas, kita menentang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, saya menuju cakap ini kepada Datuk, maknanya bukan saya tidak menyoal dia kerana peraturan kena tengok muka *handsome* Tuan Yang di-Pertua ini [*Ketawa*]. Kalau saya tidak pandang sana, Tuan Yang di-Pertua tegur saya kenapa tidak pandang Datuk? Jadi saya pandang Datuk ini sebenarnya ialah kerana menuju kepada ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham cerita itu tadi. Yang Berhormat tidak ada soalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okay, okay Datuk, saya hendak minta penjelasan. Allahyarham, boleh sebut nama? Allahyarham sahabat kita bagi Pendang, mudah-mudahan Allah cururkan rahmat ke atasnya. Dia kalau membahaskan ucapan Bajet dia beri pandangan, bukan mengkritik membuta tuli. Ada juga pandangan input-input yang boleh memberikan pandangan kepada kerajaan, macam Yang Berhormat bagi Sungai Benut juga. Tetapi yang sekarang lailahailallah, astaghfirullahalazim, ana ingat dia baru lepas Muktamar, baru diisytiharkan menjadi Presiden yang sah bagi PAS, dia membuat satu ucapan memberikan input yang baik kepada kerajaan untuk faedah rakyat. Rupanya "maafi", Arab kata "maafi"! Tidak ada, tidak ada! Ilek, ilek! ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hancur lebur! Dia putar cerita yang satu itulah dia putar-putar untuk membuat pembohongan. Jadi rugilah kita di Dewan ini yang

dapat Ketua Pembangkang dan saya tidak tahu masa hadapan PAS, saya tidak tahu. Mungkin agaknya Ketua Pembangkang yang lepas dapat kejayaan besar bagi PAS di dalam pilihan raya yang kesepuluh. Kali ini agaknya pasal dia dibawa oleh Ketua Pembangkang baru ini, agaknya PAS akan kecundang dan akan kemarau dalam Pilihan raya yang kesebelas. Jadi orang PAS, minta maaf, apa hendak buat, nasib inta sudah macam itu, inta punya nasib khalas! [*Tepuk*]. Minta pandangan sedikit, Yang Berhormat bagi Sungai Benut.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, memang saya pun kita dengar, betul dia berucap tadi dua jam tetapi tidak ada apa. Saya rasa mungkin sebab dia sibuk dengan masalah muktamar dia jadi dia tidak buat persiapan. Jadi inilah yang kita harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi terus kerana teks ucapan saya pun agak panjang lagi. Untuk teknologi maklumat dan komunikasi. Saya ucap terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading, inilah cara kita bentang Bajet ini.

Jadi untuk menjamin lebih ramai rakyat di negara ini terutama generasi muda berada di barisan hadapan untuk mendukung cita-cita ini, kita mesti berusaha merapatkan jurang digital. Saya berharap langkah menggabungkan penyediaan perkhidmatan *internet* yang mana caj laluannya dikurangkan diskaun pakej sehingga 50% seperti diumumkan di dalam Bajet 2004, akan menyuntik kepada penglibatan lebih ramai dan lebih cergas pengguna-pengguna dan rakyat termasuk di sektor perusahan dan korporat dengan penggunaan ICT.

Ini kerana rekod terkini seperti mana yang dijawab oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia baru-baru ini bahawa hanya 2.7 juta pelanggan *internet* di seluruh negara. Keseluruhan penduduk kita ada 25 juta, bermakna ini terlalu kecil. Dan yang lebih menyedihkan lagi daripada 2.7 juta ini, cuma 10% daripada 2.7 juta adalah pengguna daripada kawasan luar bandar. Jadi, jika kita biarkan perkara ini berlarutan, maknanya jurang digital akan berterusan, meluas, bukan sebaliknya yang seperti mana yang kita harapkan. Kita tidak ada banyak pilihan sekarang, ICT adalah satu daripada perkakas utama ke arah mencapai pertumbuhan lebih tinggi.

Semua bidang dan urusan penyaluran maklumat dan peluang dibuat melalui kemudahan ICT. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, macam mana kita ingin memastikan setiap rakyat di negara ini bukan sahaja kenal dengan alatan ICT seperti komputer tapi tahu menggunakannya dan dapat menggunakannya bagi mendapatkan maklumat serta peluang bagaimana kita dapat memastikan bahawa seorang peniaga miskin di Hulu Kelantan seperti contoh akan dapat menikmati ataupun tidak tercicir daripada memperolehi peluang daripada kemudahan ICT ini, samalah begitu Kelantan..

Tuan Yang di-Pertua, benar pada suatu ketika kelak kita boleh memastikan bahawa setiap rumah atau setiap keluarga tidak dikira di bandar ataupun di desa memiliki sekurang-kurangnya sebuah komputer tapi bagaimanakah kita boleh memastikan komputer itu membawa manfaat kepada kehidupan keluarga berkenaan dan tidak sekadar berfungsi sebagai mesin taip ataupun untuk mesin taip untuk menulis surat ataupun untuk permainan video sahaja. Soal celik IT ini bukan sekadar soal kenal komputer tapi menggunakannya untuk meningkatkan mutu pekerjaan atau meluaskan pemasaran barangan serta pemiagaannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita berbangga kini sekolah-sekolah sudah mula dibekalkan dengan *notebook*. Sekolah kita ada makmal komputer walaupun ada sedikit masalah baru-baru ini. Kita ada sekolah bestari dan anak-anak kita berpeluang belajar komputer.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Bharu.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Kalau hendak soal fasal makmal komputer sudah banyak kali sudah, menteri sudah jawab semua. Jadi, sebelum Yang Berhormat bangun saya sudah tahu apa Yang Berhormat hendak tanya. [*Ketawa*] Jadi saya boleh cakap walaupun ada sedikit masalah biarlah saya sambung dahulu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Kawan, kawan.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Okay.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Sungai Benut, terima kasih. Mengenai ICT, yang disebut oleh Sungai Benut tadi jurang digital. Contoh yang diberi ialah Hulu Kelantan. Orang miskin di Hulu Kelantan tidak ada komputer, begitu?

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Bukan, saya

Tuan Ramli bin Ibrahim: Yang disebut tadi. Contoh yang diberi oleh Sungai Benut. Saya hendak *respond* kepada soalan itu sahaja iaitu masalah ICT ini kerajaan sudah akui bahawa jurang digital antara bandar dan luar bandar ini terlalu jauh. Bahkan di antara Pantai Timur, Pantai Barat antara Malaysia Timur dan Malaysia Barat jurang digital terlalu jauh.

Sebagai penyokong kerajaan yang setialah saya hendak tanya sedikit. Apakah Sungai Benut ada mempunyai cadangan yang munasabah untuk mengatasi jurang digital ini untuk mencapai negara maju pada 2020 akan datang dengan perkembangan sekarang ini? Saya rasa minta pandangan Sungai Benut apakah boleh diatasi dengan kadar yang segera lebih-lebih lagi seperti mana kita maklum bahawa makmal-makmal komputer yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan di Kelantan dan di Terengganu rasanya sudah runtuh semua. Apakah ini boleh diatasi oleh Sungai Benut sebagai penyokong setia kepada Kerajaan Barisan Nasional? Minta penjelasan.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih daripada Kota Bharu. Saya kata tadi soal penggunaan ICT. Yang saya hendak sebutkan tadi adalah kita minta satu ketika nanti supaya jurang digital ini minta pada pihak kerajaan dapat menyelesaikan masalah dan saya kata di dalam soal komputer kita bukan sekadar ada komputer. Kita mahu supaya tahu menggunakannya termasuk yang dekat Hulu Kelantan pun esok tahu apa gunanya perkembangan ICT untuk manfaat bagi dirinya. Itu yang saya maksudkan. Dan soal makmal komputer yang seperti mana Yang Berhormat timbulkan, menteri sudah jawab dan kita harap perkara ini sudah pun dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, tapi yang penting bukanlah kelas komputer, sebaliknya kemahiran pelajar menggunakan komputer di dalam setiap mata pelajaran. Ini soal aplikasi. Satu hari kita akan menuju di arah di mana setiap mata pelajaran di ajar dan cara belajarnya menggunakan kemudahan ICT. Sudah sampai masanya sistem pembelajaran di sekolah-sekolah di negara kita ini mengambil konsep *e-learning* ke arah persiapan penggunaan ICT sepenuhnya untuk masa hadapan.

Bagi pendidikan tinggi pula, sekalipun penggunaan ICT semakin meluas tetapi masih dalam bentuk tertutup ataupun terhad kepada universiti ataupun institusi pengajian tinggi itu sendiri. Negara kita ada tujuh belas Institusi Pengajian Tinggi Awam dan tiap-tiap IPTA ini memerlukan belanja yang besar di dalam usaha untuk hendak membangunkan kemudahan ICT masing-masing. Maka setiap tahun kerajaan mengeluarkan belanja yang besar bagi memenuhi keperluan ini. Jika tidak IPTA kita akan ketinggalan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya IPTA ini akan dapat memikirkan cara terbaik untuk memastikan pelaburan yang dibuat itu dapat disatukan dengan cara usaha sama. Semua IPTA perlu menuju ke arah matlamat guna sama iaitu berkongsi kepakaran dan berkongsi maklumat. Sekarang ini saya tidak tahulah kalau hanya dengan menekan satu butang sahaja pegawai di Kementerian Pendidikan terus boleh mendapat analisa data perbandingan mengenai pelajar di semua IPTA. Kalau itu pun belum ada, maka usaha-usaha perlu dibuat ke arah untuk hendak mencapai dan menghadapi masalah itu.

Itu di IPTA, Tuan Yang di-Pertua, di sektor awam pula kita juga jangan ketinggalan. Hingga sekarang kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif di dalam penggunaan komputer di dalam operasi kerajaan. Banyak kejayaan telah mampu meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan seperti Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain lagi jabatan.

Di samping itu banyak juga yang berhadapan dengan pelbagai kelewatan dan gagal dalam tahap yang tertentu. Banyak usaha penggunaan ICT adalah daripada peringkat percubaan sahaja. Sebenarnya inilah kenyataan dalam dunia sebenar ICT. Kita perlu ingat bahawa projek yang sebegini, perhatian kita perlu diberikan kepada pengalaman yang diperolehi. Inilah yang memberi kita inspirasi untuk melangkah ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana pelaburan projek dalam ICT melibatkan perbelanjaan yang besar dan berterusan adalah praktikal sekiranya kerajaan melihat atau mengkaji semula kaedah berhubung dengan perlaksanaan semasa. Perlu ada perkongsian bijak dan jika perlu kerajaan hendaklah mereka semula sistem seni bina iaitu *architectural system* sama ada perisian, perkakasan dan pengurusannya.

Sebagai contoh apa yang kita lihat struktur fizikal pembangunan Putrajaya. Adalah diibaratkan satu kampus yang besar yang mana bangunan-bangunannya diduduki oleh kementerian tertentu. Oleh itu infrastruktur ICT perlu dibangunkan dalam bentuk kampus *wide environmental* atau *metropolitan network*. Oleh itu perlu ada satu pusat operasi yang *centralised* yang berupa pusat data nasional ataupun *national data centre*. *National data centre* ini boleh berfungsi antaranya untuk:-

- (i) membangunkan tenaga pakar dan teknikal;
- (ii) menjalankan operasi;
- (iii) membangunkan prosedur kerja dan polisi;
- (iv) memastikan sistem yang selamat;
- (v) menguruskan keperluan data, maklumat pengetahuan dan hikmah negara; dan
- (vi) menjaga kepentingan keselamatan data iaitu sebagai *disaster discovery centre*

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pusat ini aset negara akan lebih terjamin, di guna dengan lebih efektif dan berkesan, kos pelaksanaan dan pengendalian akan lebih terkawal dan kualiti perkhidmatan lebih terjamin serta konsisten. Usaha ini akan merupakan satu strategi untuk meletakkan negara berhadapan dengan cabaran globalisasi. Diharapkan kerajaan menjadikan ini sebagai satu peluang ataupun satu strategi ke arah era digital. Jadi, amatlah malang kalau kita hanya dapat menghimpunkan semua kementerian di satu kawasan pentadbiran yang terancang dan teratur tetapi kita tidak boleh mewujudkan satu kaedah guna sama yang boleh menjadikan perkhidmatan kita lebih cekap dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan awal-awal tadi mengenai usaha untuk merapatkan jurang digital, matlamat kita bukanlah semata-mata memastikan masyarakat termasuk di luar bandar mengenal komputer ataupun celik IT. Apa yang lebih penting ialah kemampuan dan keupayaan masyarakat menggunakan kemudahan ICT bagi mengubah dan meningkatkan taraf hidup. Kita mahu penggunaan komputer dan ICT menjadi budaya harian dalam hidup kita bagi memastikan dan juga meluaskan kegiatan ekonomi seperti mana kita menggunakan kemudahan pengangkutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut dan Kinabatangan bangun.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Yang mana satu?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar: Larut, Larut.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tadi Dato' Bung sudah tanya, ini bagi Larut tanya pula. [Ketawa]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar: Ya, terima kasih Yang Berhormat daripada Sungai Benut. Saya cuma hendak tanya sama ada Yang Berhormat boleh bagi gambaran, *time frame* - dengan izin - bila agaknya jurang digital ini boleh diselesaikan? Dari segi apa yang telah Yang Berhormat gambarkan tadi mungkin Yang Berhormat boleh beri sedikit penjelasan tentang jurang tersebut, terima kasih.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat daripada Larut, tadi saya sudah cakap kita baru ada lebih kurang 10% di luar bandar daripada 25 juta penduduk kita baru ada 2.7, jadi saya harap supaya usaha-usaha lebih digalakkan. Dan memang baru-baru ini kita tengok daripada bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun mengurangkan kos. Ini satu daripada kaedah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk hendak memperluaskan lagi. Jadi *target* itu saya pun tidak tahu bila *target* dan kita harap kerana saya mengupas ini adalah kemudahan ICT yang patut ada untuk merebut peluang-peluang yang ada pada hari ini.

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: [Bangun]

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya pergi pada ucapan..... Pengerusi saya kena hormat. [Ketawa]

Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Sungai Benut. Pertama saya amat tertarik dengan saranan yang dibangkitkan oleh Sungai Benut mengenai jurang digital. Saya rasa Yang Berhormat Sungai Benut sebut tentang *e-government*. Yang pertama saya rasa bahawa dengan matlamat jangka panjang yang ketiga untuk mengalihkan penjana ekonomi kepada ekonomi yang berasaskan maklumat, tentulah kita hendak supaya seluruh rakyat mendapat nikmat hasil daripada ICT ini.

Tadi Yang Berhormat sebut *penetration*, dengan izin, dia lebih kurang 2.5 juta maknanya tidak sampai lagi 10% *penetration* dalam IT *literate* dan saya harap supaya penekanan dapat diberi supaya usaha ini dapat lebih dilipat-ganda. Dan seperkara lagi tadi dalam bajet juga kalau Yang Berhormat semak tentulah kerajaan telah pun menyediakan yang di panggil USP (Universal Service Provider) dengan peruntukan yang dibuat daripada *service provider* ini supaya dapat dibangunkan kepada kawasan luar bandar dan kita harap supaya usaha ini akan dapat dipertingkatkan lagi.

Satu lagi Yang Berhormat daripada segi *delivery system*, ini yang saya bersetuju kita ada Putrajaya yang cukup indah tetapi saya hendak beritahu dalam kawasan saya, Yang Berhormat, saya ada dua pejabat daerah. Satu Pejabat Daerah Petaling dan satu Pejabat Daerah Kelang tetapi kalau Putrajaya dimajukan dengan begitu hebat dan saya rasa bahawa pejabat-pejabat daerah ini harus dipertingkatkan lagi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Saya pun harap begitulah, apa saya ambil pada contoh dua majlis daerah tadi, memang kita kena terima hakikat bahawa pembangunan Putrajaya begitu pesat. Jadi saya rasa bila pusat itu sudah pesat sudah tentu ada limpahan daripada pembangunan pesat di Putrajaya akan pergi ke kawasan-kawasan persekitaran, itu di dalam soal pembangunannya akan mengikut *trend* atau pun kaedah cara itulah.

Saya rasa Yang Berhormat daripada Shah Alam jangan khuatir. Yang kita fikirkan sekarang adalah seperti mana yang saya kata baru 10% penggunaan, daripada seluruh rakyat ada 10%. Daripada 2.7 juta pula baru 10% di kawasan luar bandar, inilah yang kita harap kerana pembangunan ICT ini sentiasa berkembang dan pencapaiannya daripada masa ke semasa, masa bergerak begitu pantas kita takut benda ini ketinggalan dan selalunya bila yang ketinggalan ini orang kampung ini bila ketinggalan dia *give up*.

Ini yang kita tidak hendak yang perlu kita fikirkan supaya inisiatif dan galakan dan melalui program ataupun melalui bajet yang diberikan baru-baru ini saya penuh yakin kerana daripada segi prasarana infrastrukturnya kita sudah ada iaitu kita mempunyai satu *highway* dan satu *line* yang begitu besar yang mana kita harap cara ataupun kaedah untuk hendak menyuntik iaitu infrastruktur untuk kemudahan internet ini sudah ada cuma hendak mempertingkatkan semangat ataupun supaya rakyat kita memahami bahawa kita tidak dapat lari ataupun kita tidak dapat elak daripada pembangunan ICT yang ada pada negara kita pada hari ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi menuju ke arah matlamat ini saya mohon kepada kerajaan supaya ditingkatkan usaha memperluaskan penggunaan ICT kepada kumpulan sasar yang menjadi nadi yang menggerakkan ekonomi masa dan masa depan masyarakat.

Selain pelajar kita mesti mengenal pasti kumpulan-kumpulan sasaran ini seperti mereka yang terabit di dalam Industri kecil dan sederhana seperti peruncitan perkhidmatan dan sokongan dan lain-lain. Mereka ini mesti diberi galakkan dan bimbingan untuk menggunakan ICT dalam usaha untuk hendak mengembangkan perniagaannya, mempertingkatkan mutu produk pembungkusan dan meluaskan pasaran.

Sebagai contoh, keupayaan seorang tukang jahit boleh berkembang jika ia berupaya menggunakan komputer bagi tujuan meningkatkan daya kreatifnya di dalam perekaan fesyen. Saya ambil ini cuma contoh yang kecil sahaja jadi kita harap usaha ICT ini dapat diperluaskan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu pembangunan sumber manusia dan bangsa berdaya saing. Apabila kita bercakap soal meningkatkan daya saing, menaikkan produktiviti, kita sebenarnya turut merujuk kepada keupayaan sumber manusia, satu ketika dahulu tumpuan kita adalah menyediakan peluang pekerjaan, sebab itu kerajaan begitu aktif dan *all-out* bagi menarik pelaburan asing iaitu pelaburan langsung asing iaitu FDI. Dalam tempoh yang agak lama, kita menikmati manfaat ini menerusi peluang pekerjaan dan sebanyak sedikit latihan serta pemindahan teknologi.

Strategi ini telah membantu kita dari segi meningkatkan nilai eksport, mempercepatkan perbandaran di negara ini. Peluang pekerjaan telah membolehkan ramai penduduk luar bandar menikmati arus pembangunan di bandar-bandar apabila mereka berhijrah untuk mengisi peluang pekerjaan yang telah disediakan. Tetapi, soal penguasaan teknologi yang diharapkan melalui proses pemindahan amat perlahan berlaku dan tidak akan memampukan kita berdiri sendiri untuk ke arah menjadi sebuah negara maju.

Lagipun, suasana ekonomi semakin berubah. Pelabur mula berhijrah ke negara-negara yang kos buruhnya semakin rendah. Maka, kita perlu mengubah strategi kita, yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pada Bajet 2004, bahawa kita beralih kepada Pelaburan Langsung Domestik iaitu DDI. Bagaimanapun, antara syarat kepada strategi DDI ialah kita mesti mempunyai tenaga sumber manusia yang lebih mahir, yang mana yang mempunyai pengetahuan, kreatif dan matang.

Saya mengalu-alukan usaha kerajaan meningkatkan peluang latihan dan kemahiran terutamanya bagi memberi bimbingan kepada para lepasan sekolah. Peluang-peluang latihan dan kemahiran ini seharusnya kita gunakan dengan sepenuhnya bagi mewujudkan generasi baru yang mempunyai *mind set* untuk berdaya maju. Tumpuan haruslah diberikan kepada generasi muda daripada luar bandar dan kalau dulunya memasuki pasaran pekerjaan di bandar, tanpa mempunyai sijil kemahiran. Melalui cara ini, kita dapat mewujudkan generasi baru luar bandar yang lebih terbuka, berani dan tahu menghadapi krisis.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat iaitu dahulu, Institut Teknologi MARA yang sekarang ini dikenali sebagai UiTM yang pada asalnya menerima lepasan sekolah, sekalipun hanya kelulusan gred tiga tetapi latihan yang diberikan dapat mengubah *mind set* pelajar sehingga mereka mampu memasuki pasaran pekerjaan dan bersaing serta akhirnya, muncul mengisi ruang dalam kelas menengah. Sekarang, setiap tahun kita ada kira-kira 400,000 lepasan sekolah dan tidak semuanya mendapat tempat untuk melanjutkan pelajaran sama ada di IPTA ataupun di IPTS. Mereka ini adalah sumber manusia yang tidak ternilai jika dapat dibangunkan dengan pelbagai kemahiran yang sesuai dengan kehendak pasaran.

Oleh yang demikian, saya minta kepada kementerian, kepada kerajaan supaya mempercepatkan lagi pembangunan kolej-kolej komuniti untuk mengisi kehendak pelajar yang saya katakan lebih kurang 400,000 ini. Namun Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan produktiviti sebagai antara faktor mendorong pertumbuhan, kita tidak cukup sekadar melahirkan buruh mahir. Kita perlu meluaskan lagi kelompok tenaga pakar dan matang di peringkat yang lebih tinggi. Daya kreativiti akan dapat dipupuk menerusi sumber tenaga yang berpengetahuan dan mampu menguasai ilmu yang lebih canggih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Cakap sedikit sahajalah, ya. Bagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *You* tidak ada limit.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya tertarik.....Ya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan kerana tidak ada limit. Jadi, kita boleh soal soalan yang dikemukakan. Minta penjelasanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini, saya hendak minta penjelasan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita bersama-sama hendak menjimatkan masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:dengan FDI ini, Pelaburan Terus Asing ini. Ini masalah penting. Sebenarnya, rakyat Malaysia amat beruntung kerana kita masih lagi dapat mengekalkan pelaburan asing. Saya difahamkan, oleh rakan-rakan saya dari Singapura, ia kadang-kadang hujung minggu Datuk tahlulah, rumah saya di Johor Baharu didatangi oleh kawan-kawan dari Singapura. Singapura memang sudah merudumlah. Cuma, dia kata, ini ikut pandangan orang lain, orang Singapura ini, kawan. Dia kata, "*You nasib baik Malaysia, kerana kestabilan politik dan imej Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.*" Ooh! ini. Ini, hendak beritahu ini.

Sebab itu, jangan kita hendak nafikan atau jangan kita remehkan imej Perdana Menteri yang dikasihi, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Imej dia dan kestabilan politik negara ini. Kestabilan politik ini kerana peranan Barisan Nasional, bukan PAS dan mengikut ramalan sahabat saya dari Singapura ini, tidak rugilah saya belanja dia makan dekat rumah saya asam pedas ini tetapi dapat informasi politik.

Kalau PAS memerintah, dia kata hancur pasal negara-negara Cambodia, Laos, Burma, Vietnam, ini negara yang sedang ditunggu-tunggu dan sedang meningkat ekonominya kerana pelaburan asing begitu minat. Ia mempunyai buruh yang murah, material yang cukup, bahan mentah yang cukup. Ia juga mempunyai kuasa membeli kerana rakyatnya 90 juta, 80 juta, 70 juta berbanding kita 23, 24 juta. Jadi, ini ancaman sebenarnya kepada masa hadapan kita kalau politik tidak stabil dan imej. Sebab itulah pemimpin macam.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:Allahyarham Dato' Fadzil Noor, dalam berpolitik dia melihat juga ini masa hadapan negara. Tidak macam yang tadi, *astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim*.....

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sungai Benut sudah sedia memberi jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia beri saya peluang saya bercakap. Dia memang begitu Tuan Yang di-Pertua. Memang *style* dia. Saya kenal dia memang daripada kecil, main guli sama-sama. Saya tahlulah, saya tengah bercakap, dia bangunlah, okey. *[Ketawa]* Jadi, sedikit, sedikit Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Jadi, pentingnya imej dan juga kestabilan politik. Saya hendak ingatkan rakyat. Jangan buat pilihan tidak tentu pilihan raya akan datang. Ooh! Boleh jadi lari semua pelabur asing. Ooh! Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pun tidak selamat tahu kalau.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sekejap, sekejap Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Jadi, ini penting hendak beritahu rakyat bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang

membawa kestabilan politik. Politik ini penting, jangan pilih parti yang lailahailallah, astaghfirullahalazim, lain cakap, lain bikin. Astaghfirullahalazim.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua boleh tunggu semasa Yang Berhormat berucap.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Jadi, okey Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Ini hakikatnya, Tuan Yang di-Pertua, kita kena terima realiti. Sebuah negara itu akan maju, akan terus maju, terus membangun kalau keadaan politiknya stabil. Ini hakikat. Kita bersyukur selama 46 tahun, kita maju bergerak daripada sebuah negara yang orang tidak kenal, sekarang ini semua orang sudah tahu, satu dunia orang sudah tahu. Ini adalah kerana, kecekapan pemimpin-pemimpin kita mentadbir negara kita. Yang mana yang didukung oleh dahulu Perikatan sampailah kepada Barisan Nasional. Kita rasa rakyat sudah tentu memilih kerana rakyat kita mendapat liputan, mendapat pendedahan yang seluas-luasnya, peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya baru separuh ucapan. Saya sambung nanti, masuk bab lain pula.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abd. Rahman: Banyak lagi. Nanti bab lain masuk lagi. Saya bagi nanti, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya hendak timbulkan berhubung dengan masalah pengangguran siswazah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini, kerajaan mestilah menggalakkan para graduan supaya melanjutkan pengajian selepas memperolehi diploma dan juga ijazah pertama supaya mereka menjadi lebih matang. Ini adalah satu strategi serampang dua mata yang mana menggalakkan mereka melanjutkan pengajian, bermakna kita meningkatkan kebolehan para graduan di samping kita berusaha hendak mengatasi masalah siswazah menganggur.

Penguasaan ilmu di peringkat ijazah pertama hanya melahirkan sumber manusia yang akan menjadi pengikut ataupun *followers* di dalam bidang masing-masing. Tetapi negara kita di dalam menghadapi persaingan sempena dengan globalisasi, kita memerlukan *leaders* ataupun *players*. Kalau kita mahu menjadi *global players*, kalau kita mahu menjadi masyarakat pengeluaran dan tidak lagi semata-mata menjadi masyarakat pengguna, strategi melahirkan *leaders* ini perlu kita perhebatkan. Agenda pendidikan negara perlu diteruskan lagi bagi memastikan sumber manusia yang ada sentiasa terlatih dan mampu menguasai peluang k-ekonomi. Penekanan perlu diberikan kepada latihan yang berbentuk *leadership* ataupun *entrepreneurs*. Ini merupakan dua disiplin yang dikenal pasti kritikal di dalam era digital ini.

Persoalannya apakah kita sudah mempunyai institusi khusus yang mampu melahirkan generasi yang bersedia berhadapan dengan cabaran globalisasi yang memerlukan tenaga kerja yang berpengetahuan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, di India yang terkedepan dalam bidang ICT banyak institusi pendidikan lanjutan ditubuhkan seperti Indian Institute of Management. Indian Institute of Information Technology dan berbagai-bagai lagi yang telah memainkan peranan ini.

Kita di sini pula, usaha-usaha sebegini ada cuma di dalam bentuk universiti yang tradisional yang mana ditawarkan Program Ijazah Pertama di dalam pasca siswazah sahaja. Oleh itu adalah dicadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu institusi khusus yang memberi tumpuan kepada latihan pasca siswazah yang mempunyai penekanan terhadap *leadership* dan *entrepreneurs*. Contoh terdekat yang boleh dijadikan pengukur kejayaan adalah penubuhan Universiti Multimedia dan Telekom Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pemindahan teknologi, bagi saya keperluan ini semakin mendesak. Kita telah belajar dari pengalaman seperti yang disebutkan awal tadi, harapan pemindahan teknologi melalui bantuan syarikat luar agak mengecewakan. Kita perlu mencari pendekatan lain. Kita perlu membangunkan institusi kita sendiri bagi memastikan penguasaan teknologi dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Eloklah kita rancang *corporate players*. *Corporate player* kita seperti Proton misalnya, menubuhkan satu Universiti Automobil Malaysia untuk membolehkan kita menerokai teknologi berkenaan dengan lebih berjaya. Dengan kata lain, kita memerlukan lebih banyak universiti yang sebegini bagi sektor tertentu atau sektor baru yang berpotensi untuk menyumbang ke arah penguasaan teknologi tinggi. Pembelajaran di universiti seperti ini bukanlah bertumpukan kepada akademik semata-mata seperti mana yang terdapat di universiti tradisional tetapi mestilah mengkhususkan kepada pembangunan dan penyelidikan iaitu R&D.

Bagi menggalakkan lebih ramai graduan meneruskan pengajian di peringkat pasca siswazah ini, peluang pinjaman atau biasiswa perlu ditawarkan dengan seluas-luasnya oleh pelbagai agensi kerajaan serta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Langkah menurunkan kadar faedah pinjaman PTPTN yang diumumkan menerusi Bajet 2004, selain strategi bayarannya yang kurang membebankan amatlah dialu-alukan dan sebagai galakan. Namun kerajaan perlu memastikan urusan pemrosesan permohonan pelajar akan dapat dikendalikan dengan lebih baik kerana rata-rata kita dengar ramai yang terganggu akibat daripada kelewatan menerima pinjaman. Saya difahamkan bahawa kelewatan ini adalah berpunca daripada kekurangan kakitangan dalam mengendalikan urusan permohonan pinjaman ini. Jadi saya harap perkara ini akan dapat diambil perhatian oleh pihak tabung PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, bagi perkongsian masa depan, baru-baru ini kita meraikan Ulang Tahun Kemerdekaan tanah air untuk tahun yang ke-46. Sebenarnya, 46 tahun bukanlah satu tempoh yang lama. Usia negara kita masih lagi muda. Tempoh kita berkerajaan sendiri di bawah pemerintahan Barisan Nasional selama 46 tahun termasuklah yang dahululah dikenali sebagai Perikatan, hanyalah 10% berbanding dengan tempoh kita dijajah selama 450 tahun. Apa yang saya hendak sebut di sini, dalam tempoh yang singkat ini kita telah berjaya menebus maruah bangsa kita daripada keadaan hina kepada kedudukan tinggi di mata dunia sekarang ini. Ini adalah berkat daripada muafakat kita pelbagai kaum yang sama-sama bernaung di bumi bertuah ini.

Muafakat dan persefahaman yang saling menyedarkan kita mengenai masa depan bersama, telah menjadikan kita sebagai sebuah negara termaju di kalangan negara-negara membangun dan kita kini menjadi model kepada banyak negara luar. Muafakat dan persefahaman ini perlu terus kita perkukuhkan dan kita suburkan. Kita baja lebih-lebih lagi dalam menghadapi persaingan di peringkat antarabangsa. Ketika kita sudah mula mencapai kemerdekaan, dunia luar sentiasa menanti-nantikan masanya bilakah negara kita akan berkecamuk, huru-hara dan lumpuh kerana mengandungi penduduk berbilang kaum, berbeza agama, budaya dan bahasa. Tetapi alhamdulillah kita berjaya membuktikan bahawa ramalan mereka meleset, sebaliknya mereka mengagumi keupayaan kita mentadbir negara dengan berpegang teguh kepada semangat muhibah dan toleransi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, muafakat dan perkongsian masa depan antara kaum ini hendaklah kita perluaskan konsepnya di antara sektor awam dan sektor swasta, di antara kerajaan dan rakyat. Ini penting di dalam strategi ekonomi kita yang berasaskan penjaan dan sektor swasta dan berkonsepkan perkongsian bijak.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: *[Bangun]*

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abd. Rahman: Jemput, Sungai Petani.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Cuma saya daripada apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat, kita hanya 46 tahun merdeka manakala kita dijajah beratus-ratus tahun tetapi dapat kita capai suasana yang begitu baik sekali. Jadi saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat, mengapakah pihak pembangkang khususnya PAS sampai hari ini tidak mahu lagi mengakui bahawa pencapaian ini adalah daripada perkongsian kita bersama tetapi mereka tidak mahu berkongsi kejayaan ini bersama kita, malah mereka

terus kutuk mengutuk dan hendak menjahanamkan kerajaan yang kita wujudkan pada hari ini.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abd. Rahman: Inilah, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya mendoakan dan kita mengharapkan supaya pembangkang kita ini lebih matang dalam soal-soal hendak menentukan pembangunan negara kita, dalam soal-soal hendak meletakkan bahawa negara kita sudah mencapai ke satu tahap dan marilah kita bangun bersama. Kalau kata dunia sudah akui kita, negara kita maju tetapi kalau kata pembangkang masih tidak menidakkan, jadi orang kata pembangkang kita ini pun tidak matanglah kiranya. Tidak ada standard lebih kurang macam itulah.

Jadi kita harap supaya imej kita ini kita bangun bersama. Kita mahu pembangkang tetapi pembangkang yang benar-benar dapat membuahkan idea-idea baru untuk bangkang ke arah kita sama-sama memacu pembangunan ekonomi negara kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk hendak melahirkan keusahawanan, sehubungan itu usaha untuk melahirkan masyarakat perdagangan dan keusahawanan hendaklah dipertingkatkan dengan institusi-institusi berkaitan untuk memainkan peranan mereka dengan lebih cergas. Kita telah beberapa kali kurang berjaya di dalam usaha untuk hendak melahirkan masyarakat perdagangan ini. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor termasuklah masalah pembekalan, pemasaran dan ketidakcekapan mengendalikan perniagaan.

Masalah-masalah ini hendaklah diberikan perhatian kerana ia hanya akan mengundang kekecewaan, sekiranya cara pelaksanaannya tidak berkesan. Peluang sentiasa diwujudkan dan yang terbaru sekali kita dengar Skim Mikro Kredit di bawah pakej strategi baru yang diumumkan pada Mei yang lalu, yang kini diperluaskan melalui Kredit Mikro Desa telah diperuntukkan RM1 bilion. Adalah diharapkan akan dapat mewujudkan lebih banyak tunas baru bagi pengusaha-pengusaha kecil, yang mana setakat ini sebanyak 42,000 permohonan dengan nilai pinjaman RM430 juta sudah pun diluluskan menerusi Skim Mikro Kredit yang dikendalikan oleh Bank Pertanian dan Bank Simpanan Nasional.

Ia adalah merupakan separuh daripada jumlah 88,000 permohonan yang telah memohon bagi mendapatkan pinjaman yang berjumlah RM1.4 bilion ini. Jadi, kita berharap kerajaan akan terus dapat mempertingkatkan lagi dan juga mempertimbangkan lagi baki permohonan ini bagi mempercepatkan proses suntikan oleh para pengusaha kecil ini di dalam kegiatan ekonomi negara. Kita juga amat bersetuju bahawa para peminjam janganlah terlalu liat untuk hendak membayar balik pinjaman masing-masing. Namun pada masa yang sama kedua-dua agensi yang menguruskan pinjaman ini pula janganlah mengamalkan sikap seperti bank komersial dalam soal pembayaran balik.

Kita tidak mahu peluang yang diwujudkan oleh kerajaan ini bukannya membawa faedah yang melimpah, sebaliknya bertukar menjadi satu masalah yang mendera perniagaan peminjam. Satu kutipan atau bayaran balik yang teratur dan tidak membebankan hendaklah dibuat bagi memastikan matlamat membantu usahawan-usahawan kecil ini akan dapat tercapai. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, bagi sektor pertanian yang mana merupakan teras pengeluaran negara Kredit Mikro Desa yang diperkenalkan melalui bajet kali ini adalah jelas untuk memberi suntikan kepada menggerakkan sektor pertanian terutamanya dari segi pengeluaran makanan negara.

Langkah ini amat berketepatan dalam usaha kita untuk mengurangkan penggantungan kepada import makanan sekali gus mengecilkan lagi defisit imbalan pembayaran. Jadi, penyaluran skim kredit melalui Jawatankuasa Kemajuan Kampung iaitu JKK dan JKKR adalah satu pendekatan untuk memantapkan lagi institusi desa. Saya percaya kaedah ini akan mendorong institusi kampung supaya bergerak lebih cergas menuju ke arah matlamat satu produk satu kampung. Berikutan peluang yang diberikan ini kita berharap ia akan dapat mengurangkan masalah yang sering kedengaran mengenai kegagalan program satu produk satu kampung ini.

Sesungguhnya langkah ini hendaklah disertakan dengan pemodenan sektor pertanian. Kita bersyukur apabila usaha ini mendapat sambutan yang menggalakkan berikutan dengan dana yang berjumlah RM1.3 bilion ini yang telah diperuntukkan melalui

tabung untuk makanan telah habis digunakan, dan kita berterima kasih kepada kerajaan apabila kerajaan telah menambahkan lagi suntikan bagi peruntukan tabung ini menjadi RM2.3 bilion. Bagaimanapun.....

Datuk Bung Moktar bin Radin: [*Bangun*]

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abd. Rahman: Nanti saya habiskan ayat. Bagaimanapun kerajaan adalah diharapkan supaya memastikan pelaksanaan pengeluaran dan pemrosesan makanan ini dilakukan dengan lebih menyeluruh di seluruh negara. Kita tidak mahu hanya sebahagian negeri-negeri sahaja yang menyahut seruan ini. Jemput.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat kerana menyentuh soal satu kampung satu industri ini. Ini sebetulnya memang menjadi hasrat kerajaan untuk melihat bahawa setiap kampung di negara kita ini mempunyai produk masing-masing untuk dipasarkan. Dengan keikhlasan kerajaan ini ditambah, disuntik pula dana ini walaupun dana yang sedia ada belum pun habis dipakai. Jadi, apakah Yang Berhormat bercadang kepada Kementerian Pertanian khususnya yang bertanggungjawab dalam bidang ini, di mana memastikan seharusnya setiap negeri mempunyai *database*, kampung mana yang belum ada industri yang dikehendaki dan gunakan tabung kewangan yang sedia ada ini untuk memastikan setiap kampung di negara kita ini mempunyai industri produk masing-masing.

Jadi, dengan ini boleh mempertingkatkan ekonomi di sekitar negeri dan daerah tersebut. Sebab saya tengok usaha kerajaan sudah ada tetapi apabila sampai dalam pelaksanaannya, ini tidak dapat dilaksanakan dan tabung sudah habis tetapi masih banyak kampung yang tidak ada industri seperti yang diilhamkan oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abd. Rahman: Itulah saya berterima kasih kepada cadangan tadi. Itulah yang kita harapkan melalui penyaluran yang mana yang kita difahamkan skim pada hari ini akan disalurkan melalui JKK. Kerana kita tahu bahawa JKK akan tahu apakah produk yang sesuai di satu-satu kampung, kerana orang kampung itu sendiri yang menentukan apakah perkara ataupun bidang-bidang yang tertentu yang mereka ini mempunyai keanggotaannya yang ada ahli-ahlinya faham, apakah bentuk barangan yang hendak diputuskan di satu-satu kampung, yang mana melalui saluran kepada JKK ataupun ketua-ketua kampung yang lebih aktif. Kerana satu ketika itu tidak mengikut saluran.

Jadi, perkara-perkara inilah yang saya rasa membantutkan dan program yang dianjurkan dengan peruntukan yang diberikan kepada JKK, saya rasa projek ini akan bergerak ataupun akan lebih berkesan lagi pada masa-masa yang akan datang bagi mengatasi masalah Yang Berhormat nyatakan tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua salah satu daripada yang saya hendak sebutkan ialah berhubung dengan penyenaaraian FELDA yang mana ini adalah matlamat untuk hendak mengukuhkan Dasar Ekonomi Baru. Saya mengalu-alukan cadangan kerajaan yang mana akan menyenaraikan syarikat perladangan yang terbesar di dunia, yang mana FELDA akan disenaraikan di BSKL. Ini adalah satu usaha untuk mengukuhkan lagi asas yang dimulakan di dalam Dasar Ekonomi Baru iaitu membawa pembangunan kepada masyarakat luar bandar di samping meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera.

Sudah tentu, Tuan Yang di-Pertua, berita gembira ini diibaratkan durian runtuh kepada lebih 105 ribu keluarga peneroka yang kini berada di segenap pelosok luar bandar di negara ini. Malah ia dijangka akan dapat memberi manfaat kepada kira-kira 500,000 orang anak peneroka yang selama ini telah pun menikmati hasil pembangunan menerusi ibu bapa mereka yang menduduki di rancangan-rancangan FELDA. Cuma saya berharap pelaksanaan cadangan ini dan pemberian sahamnya kepada keluarga peneroka haruslah dilakukan dengan lebih berhemah agar "*Pisang tidak berbuah dua kali*", yang mana kita sudah ada pengalaman apabila pemberian hak milik tanah kepada peneroka sebelum ini menimbulkan lebih banyak masalah daripada kejayaannya. Ada tanah yang sudah tergadai, yang mana baru-baru ini kita dengar daripada Menteri Pembangunan Tanah dan Koperasi yang menyatakan bahawa ada tanah yang digadai ataupun dijual lapan ekar tanah cuma RM18,000 sahaja mendapat pulangan balik.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Jadi, inilah kadang-kadang yang perlu kita fikirkan, perlu pihak FELDA memikirkan bagaimana supaya aset yang ada kepada peneroka-peneroka FELDA ini betul-betul dimanfaatkan dan *dimaximizekan*. Kalau kata RM18,000, RM18,000 sekarang buat apa? Kita dahulu bawa mereka daripada kampung jadi peserta untuk hendak membasmu kemiskinan tetapi dijual RM18,000, dan selepas itu miskin semula. Inilah yang saya harapkan dengan penyenaiaan ini, yang mana setengah-setengahnya pula sudah jual tanah selepas itu, hutangnya pun tidak selesai, dan ada juga yang kita dengar bahawa kerana bila sudah mendapat geran ini rumah tangga dan keluarga menjadi lebih huru-hara.

Jadi, saya harap kerajaan perlu meneruskan sistem kawalan terhadap FELDA bagi memastikan kepentingan peneroka sebagai pemegang saham adalah terjamin. Langkah penyenaiaan FELDA di BSKL ini juga akan dapat memberi manfaat kepada kerajaan-kerajaan negeri yang telah memberikan tanah untuk dibangunkan sebagai ladang FELDA.

Dalam hal ini, saya ingin mencadangkan supaya faedah yang diperolehi oleh kerajaan-kerajaan negeri ini akan dapat digunakan bagi mengukuhkan lagi saham-saham amanah negeri yang tertekan akibat daripada krisis kewangan 1998. Adalah amat wajar tindakan ini akan dapat dipertimbangkan memandangkan sebahagian besar pelabur-pelabur dalam saham amanah ini adalah rakyat biasa, jadi sudah tentu mereka ini sudah pun menabung begitu lama dan kita harap pelaburan mereka ini akan dapat terbela dan kerajaan perlu menghargai kesetiaan mereka terhadap pegangan masing-masing di dalam saham-saham amanah terbabit.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mampu menyediakan semuanya ini kerana kita berada bukan sahaja dalam keadaan iklim ekonomi yang semakin baik, bahkan kerana wujudnya kestabilan politik. Polemik penentangan ideologi yang boleh mendorong ke arah sikap keganasan dan militan akan menjejaskan perancangan negara untuk membangunkan masa depan dan rakyatnya. Jadi, tahun demi tahu bajet dibentangkan oleh kerajaan yang mana sentiasa disanggah oleh pihak pembangkang sekali pun ianya amat jelas dan nyata membawa kesejahteraan kepada rakyat. Kali ini mereka mengatakan - seperti mana kata Ketua Pembangkang tadi - Bajet 2004 adalah merupakan bajet pilihan raya.

Kita sama-sama tidak tahu bilakah pilihan raya akan diadakan. Sementara kita menunggu bila sebenarnya Dewan yang mulia ini akan dibubarkan, eloklah kita jangan asyik cebik-mencebik, ceceh-menceceh antara satu sama lain. Sebaliknya marilah kita sama-sama memberikan tumpuan kepada pembangunan masa depan rakyat. Ini tidak, yang diutamakan adalah berpolitik, seolah-olah kita sentiasa berada dalam musim pilihan raya. Apabila ada pilihan raya hendak berkempen, kempenlah, hendak tunjuk ada pertentangan ideologi tunjuklah, tetapi apabila bukan musim pilihan raya, kita tidak perlulah mencanangkan ideologi ke sana ke mari. Sebenarnya apabila saya perhatikan, bahkan ini pun kita sudah tidak berideologi lagi. Tuduhan mereka yang berubah-ubah, kalau dahulu heboh pasal soal asabiah, bekerjasama dengan parti bukan Melayu sebagai tidak syarii, sekarang sudah tidak ada lagi. Sekarang tidak setuju pula Kerajaan Malaysia diisytiharkan sebagai negara Islam, hingga pembangkang sanggup memperlekehkan kenyataan ulama daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan perkara ini kerana perbuatan pembangkang ini sebenarnya hanya satu *publicity stunt* untuk mendapatkan perhatian masyarakat. Mereka lupa perbuatan mereka ini hanya boleh membuatkan masyarakat keliru dan mengundang perpecahan. Kita mesti ingat bahawa perpaduan adalah kunci dan kekuatan kita di dalam usaha untuk hendak membangunkan negara ini. Kalau kita berpecah, kemajuan akan lambat dicapai. Kita terpaksa memberi tumpuan untuk menyelesaikan masalah dalaman iaitu untuk membetulkan perpecahan. Ini akan hanya membuat kita kehilangan tumpuan kepada bangunan rakyat dan kemajuan negara.

Lainlah kalau kita menang, kita memang ada niat untuk buat heboh, buat kecoh supaya orang lupa bahawa kita sebenarnya ada tugas yang gagal yang kita hendak sempurnakan. Apa gunanya kita menang sorak iaitu menang cakap tetapi maruah rakyat kita tergadai? Jadi, saya ingin menyeru dan merayu kepada pihak pembangkang cukuplah

berpolemik dan mencipta *gimmick*. Mereka ada dua negeri yang boleh dimajukan. Berkhidmatlah sementara ada kesempatan ini.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah ada banyak pengalaman dalam hal ini yang mana kes sembahyang dua imam berlaku di merata-rata semata-mata kerana berbeza fahaman. Kenduri dipulaukan kerana berlainan parti. Pengantin dinikahkan semula kerana kadi lantikan kerajaan. Malah tanah tidak dapat dimajukan bersama hanya disebabkan jirannya bukan sehaluan ataupun daripada politik yang berbeza. Ini semua perkara yang amat menyedihkan kita. Ketika umat Islam tertekan di seluruh dunia, ketika Malaysia dijadikan contoh sebagai negara Islam, rakyat kita sendiri menidakkannya dan mencari helah untuk merosakkannya.

Berdasarkan satu laporan yang saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, iaitu hasil kajian Fakulti Ekonomi daripada sebuah universiti tempatan mengenai dengan pelaksanaan Gerakan Desa Wawasan, iaitu program berkenaan tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan kerana masalah pemimpin di peringkat kampung yang mana penduduknya berbeza fahaman politik dan berpecah belah.

Menurut laporan ini, Tuan Yang di-Pertua, daripada begitu banyak kampung dan desa di negara ini, hanya kira-kira 400 kampung sahaja yang menjalankan program Gerakan Desa Wawasan ini dan dari jumlah itu, 300 kampung dari 400 GDW berkenaan adalah datangnya daripada negeri Johor. Malah GDW di Johor yang sering mencatat kejayaan serta menjadi contoh di peringkat kebangsaan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, mengapakah perkara ini berlaku? Mengapa di Johor lebih mudah masyarakatnya diuruskan untuk dibangunkan? Apakah rakyat Johor sahaja yang tahu dan minat terhadap pembangunan? Saya tidak fikir rakyat negeri lain menolak pembangunan. Saya tidak nampak sebab mengapa mereka mahu hidup dalam kemunduran, sama-samalah kita renungkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin Johor yang seratus peratus menyokong Kerajaan Barisan Nasional tidak menghadapi masalah untuk melaksanakan apa jua program dan pembangunan masyarakat. Kalau ada pun yang berbeza pendapat, ia tidak dipolitikkan apabila wujud kepentingan bersama untuk memajukan penduduk dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal martabat Islam untuk membangunkan ummah, inilah bahananya perpecahan, longgarnya perpaduan, walhal masalahnya hanyalah kononnya ada perbezaan ideologi. Apabila kita merumuskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam, ini berasaskan pelaksanaan hukuman syarak dalam pelbagai bidang iaitu meliputi perundangan, ekonomi, kewangan, pendidikan dan sosial. Dirumuskan juga bahawa pelaksanaan hukuman syarak itu bukanlah mengutamakan simbol dan perlembagaan tetapi pengisiannya dengan penuh hikmah dan bijaksana iaitu berlandaskan Al-Quran dan sunnah serta ijmak ulama. Kunci kepada memartabatkan agama Islam bukan terletak kepada melaksanakan ibadat khusus iaitu fardu ain semata-mata tetapi memenuhi tuntutan fardu kifayah dengan memajukan ummah di dalam segenap bidang.

Maka usaha kerajaan menyediakan infrastruktur, pendidikan, memperkukuhkan ekonomi, memajukan bidang sains dan teknologi, meningkatkan tahap sumber manusia, memelihara alam sekitar dan pelbagai lagi adalah memenuhi tuntutan agama, sekali gus ianya menjadi satu ibadah. Kestabilan politik menerusi kesepaduan hubungan sesama rakyat dan kerajaan menjadi teras kepada pembangunan negara yang akhirnya menjurus kepada matlamat menegakkan syiar Islam. Ia mesti kita pertahankan lebih-lebih lagi tatkala dunia dan masyarakat antarabangsa memandang rendah terhadap penganut agama Islam. Tekanan terhadap agama Islam semakin meningkat di serata dunia sama ada dari segi ekonomi, sosial dan keselamatan. Peristiwa 11 September diikuti dengan kejadian pengeboman di beberapa tempat termasuk di rantau ini serta serangan ke atas Iraq hanya memburukkan lagi imej dan menambahkan kesengsaraan umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa demi peristiwa ini hanya akan memberi kesempatan dan ruang kepada kuasa besar untuk terus menekan umat Islam. Umat Islam berdepan dengan suasana persoalan *survival of the ummah* yang melanda sama ada dari segi politik, ekonomi, sosial dan keselamatan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, amat malang ketika suasana tidak menentu mengenai masa depan umat Islam di seluruh dunia, kita menghadapi kemelut dalam negara ekoran polemik perdebatan siapa yang lebih *Islamic* sesama umat Islam khususnya orang Melayu bukan agama sahaja dipolitikkan, malah segala rupa bentuk pembangunan yang membawa kebaikan dan manfaat turut dipersoalkan. Tenaga, masa dan fikiran ditumpukan kepada perdebatan yang kadang kala berlarutan tanpa kesudahan.

Tuan Yang di-Pertua, kefahaman sempit mengenai Islam menyebabkan muncul golongan yang terpengaruh dengan gejala mentaliti hudud. Bagi musuh-musuh Islam terutama di Barat, mereka memomokkan hudud sebagai sesuatu yang menakutkan. Dakwah ini disebarkan dengan membawa hukum hudud sebagai tanda kononnya Islam itu kejam dan tidak berpersi kemanusiaan. Pada masa yang sama, puak-puak yang kononnya memperjuangkan Islam pula menuduh kerajaan sebagai tidak Islam semata-mata kerana tidak melaksanakan hukum hudud.

Fahaman sempit ini tidak mengambil kira kepentingan untuk menyuburkan syiar Islam dan meningkatkan dakwahnya. Ia diakibatkan tafsiran mudah dengan tidak melihat Islam secara keseluruhannya. Mereka tidak melihat pembangunan ummah yang mana itu adalah berasaskan kepada keutamaannya, lantaran baginya melaksanakan hudud sedangkan hukum hudud hanyalah satu daripada tuntutan hukum syarak di dalam pelbagai bidang kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Johor sudah membuat inisiatif yang mana sudah menghantar rombongan penyelidikan ke enam buah negara Islam di Timur Tengah bagi mengkaji pelaksanaan hukum hudud. Kajian ini mendapati tidak semua negara Islam berkenaan mengkanunkan hukum hudud di dalam perlembagaan negara masing-masing.

Sebagai contoh, Arab Saudi dan Mesir hanya membuat rujukan kepada kitab-kitab apabila wujud kes yang mensabitkan hukum hudud di mahkamah. Bagi negara-negara yang mengkanunkan hukum hudud seperti UAE dan Sudan tidak pula mengkanunkan kesemua kesalahan hudud. Ada juga Mahkamah Syariah di negara yang dilawati langsung tidak menerima pakai hudud bagi kes-kes kategori jenayah hudud sebaliknya menggunakan hukum takzir.

Tuan Yang di-Pertua, kajian ini juga mendapati keenam-enam negara yang dilawati itu tidak memiliki perundangan yang seragam. Perkembangan pembentukan undang-undang setiap negara banyak dipengaruhi oleh latar belakang sejarah negara itu sendiri. Suasana politiknya serta kesetiaan rakyat menerima perubahan berkenaan. Pengalaman mereka menjadi iktibar kepada kita di sini agar tidak tersalah langkah ataupun tidak tersilap daripada melakukannya. Malah ada di kalangan negara-negara terbabit turut berpesan kepada kita supaya Malaysia jangan mengulangi kesilapan yang telah mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia di dalam melaksanakan hukum Islam adalah sesuai dengan prinsip *Takriz* ataupun berperingkat-peringkat. Penekanan kita bukanlah pelaksanaan hukumnya semata-mata tetapi pengisian prinsip Islam seperti keadilan, kesaksamaan dan nilai itu akan dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali bahawa matlamat Bajet tahun 2004 adalah ke arah pertumbuhan lebih baik dengan disangga oleh semua perkara-perkara tadi sebagai landasan mencapai matlamat ini. Sesungguhnya semua usaha yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk membangunkan satu tamadun yang gemilang bagi rakyat di negara ini.

Sejak kita merdeka sehingga ke hari ini, kita sudah melakukan transformasi ekonomi sehingga membawa kita menjadi sebuah negara moden. Jurang ekonomi di antara kaum telah kita rapatkan secara beransur-ansur tanpa kita menafikan hak sesiapa pun untuk mencari kekayaan dan kemewahan. Apa yang kita tekankan ialah keadilan kepada semua kaum, keadilan kepada semua lapisan masyarakat. Kita memastikan semua lapisan masyarakat dibela dan memperolehi peluang.

Pendapatan per kapita kita yang meningkat sebanyak 20 kali ganda dalam masa 46 tahun ini membuktikan bahawa kita sentiasa melangkah ke hadapan. Kita dikagumi oleh masyarakat antarabangsa dan pada masa yang sama kita dicemburui oleh mereka. Bukan sedikit asakan dan tekanan dilakukan ke atas negara kita, rakyat kita dan pemimpin kita tetapi mujurlah, alhamdulillah, kita kekal bertahan malah kita semakin kuat.

Ini adalah semua berkat sokongan rakyat yang bijak memilih yang mana satu intan dan yang mana satu kaca. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan boleh adakan hampir semua yang termampu dari segi peluang mencari ilmu, keperluan logistik, prasarananya tetapi ada lagi satu syaratnya iaitu perpaduan. Itulah kekuatan kita dan ia sudah terbukti sejak dahulu kala lagi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita mencapai kemerdekaan, menebus maruah bangsa dan membebaskan tanah air di atas kekuatan perpaduan. Kita melangkah maju ke hadapan membangunkan masyarakat menerusi kekuatan perpaduan. Janganlah ada pihak yang sengaja mahu merosakkan perpaduan rakyat di negara ini.

Ingatlah bahawa cabaran yang di hadapan kita di dalam era globalisasi ini cukup hebat. Kita pernah mengharungi kemelesetan mulai pertengahan tahun 80-an sebelum kita menikmati pertumbuhan yang memberangsangkan kira-kira tujuh tahun lamanya mulai tahun 1990-an. Tetapi kita dilanda pula krisis kewangan bermula pada tahun 1997. Tujuh tahun krisis ini berlalu, kita sudah mula nampak tanda-tanda pemulihan sepenuhnya dan menjanjikan masa depan yang baik. Namun, Tuan Yang di-Pertua, kita mesti ingat bahawa putaran ganas ini mungkin berulang kalau sekiranya kita tidak berhati-hati dan bersedia menerusi perancangan rapi.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa teladan dari kisah Raja Mesir dan Nabi Yusuf yang disebut dalam Surah Yusuf, ayat 43 hingga 49.

Ia mengisahkan raja berkenaan yang bernama *Hekses* yang bermimpi melihat tujuh ekor sapi betina yang gemuk dimakan oleh tujuh ekor sapi betina yang kurus dan tujuh tangkai gandum yang hijau dan tujuh tangkai lagi yang kering. Nabi Yusuf telah diminta untuk mentafsirkannya dan Baginda bertakwil seperti berikut:

"Kamu bercucuk tanam tujuh tahun sebagaimana biasa. Seberapa yang kamu potong, hendaklah kamu simpan bersama tangkainya, kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian sesudah itu tujuh tahun kemarau sehingga menelan apa yang telah kamu simpan, kecuali sedikit yang kamu simpan untuk menjadi benih. Kemudian setelah itu akan datang tahun padanya manusia diberi hujan dan di masa itulah mereka menuai anggur."

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, moral daripada kisah tadi adalah mengenal pasang surut dalam kehidupan supaya kita membuat persiapan menghadapi cabaran masa depan agar kita tidak terperangkap apabila sesuatu malapetaka melanda. Inilah mauduk Bajet bagi tahun 2004. Kita membuat persediaan strategi iaitu strategi jangka panjang ke arah belanjawan berimbang dengan memastikan pertumbuhan masa depan serta meningkatkan daya saing negara.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya jemput Yang Berhormat bagi Kepong. Boleh selesai dalam masa 40 minit?

4.21 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Susah sedikit. Saya cubalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cuba ya?

Dr. Tan Seng Giaw: Saya cubalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sebabnya begini, ramai yang hendak bercakap, mungkin besok kita hadkan 30 minit sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan beri peluang. Saya bersimpati, saya akan beri peluanglah untuk semua. Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* dia hendak bagi saya satu jam. Saya seronok! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan rang undang-undang ini, dengan harapan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat mengadakan asas untuk budaya politik baru bagi menghadapi cabaran-cabaran era ICT ini, politik yang bukan berteraskan kepada wang dan penyelewengan dan politik yang bukan bergantung kepada semangat perkauman. *[Tepuk]*

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan berundur bulan hadapan *[Disampuk]* Belum tentu? Ooh! Di dalam ucapan selama tiga jam yang lengkap dengan kandungan di halaman hadapan dan sajak pada penghabisannya. *[Disampuk]* Doa juga, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat hendak berpantun?

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Sejak beliau menjadi Perdana Menteri ... *[Disampuk]* mesti mukadimah dahulu, takkan selalu hendak pantun dengan terus. *[Disampuk]* Ya, memang ada suasana dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sejak beliau menjadi Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dua kali, ini merupakan Bajet beliau yang terpanjang dan yang terakhir. Jumlah perbelanjaan sebanyak RM112.5 bilion adalah wang rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi habuan kepada hampir semua sektor bagi meninggalkan kenangan manis dan imej Barisan Nasional yang baik untuk pilihan raya akan datang. Patutlah beliau yakin BN akan mencapai kejayaan yang lebih baik pada pilihan raya umum ke 11 berbanding dengan pilihan raya umum tahun 1999.

Di sini saya hendak membaca empat baris pertama *Sonnet William Shakespeare*, "When to the Sessions of Sweet Silent Thought", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Ha, ini memang ada, selepas mukadimah kita boleh mula.

When to the sessions of sweet silent thought

I summon up remembrance of things past

I sigh the lack of many a thing I thought

And with old woes new wail my dear time's waste.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bermula dengan benda-benda yang dianggap baik, yang diwujudkan sejak 1957 seperti, " Kita bebas dari penjajahan. Kita juga bebas dari cengkaman kuasa besar. Kita berjaya memartabatkan kembali maruah bangsa. Kita berkuasa menguruskan negara kita sendiri. Kini, Malaysia telah menjadi lebih maju, dikenali dan dihormati oleh dunia." Ini memang seronok kita dengar.

Adalah benar bahawa wajah Malaysia sudah berubah sejak kemerdekaan. Ekonomi ditukar pergantungannya dari pertanian kepada pembuatan dan sekarang muncul Koridor Raya Multimedia (MSC) – ini memang penting. Menara Telekomunikasi KL, Menara Berkembar Petronas, 18 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Kuala Lumpur *International Airport* (KLIA) dan Putrajaya. Memang semua ini hebat. Kita memerlukan KLIA dan Putrajaya tetapi adakah projek-projek ini berbaloi dengan harga? *Are they value for money?* Ha, inilah soalan kita.

Semasa komen mengenai kebebasan kita, ada juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyentuh mengenai *unilateralism*, betapa pentingnya ada demokrasi dan sebagainya, termasuklah masalah Palestin dan Israel, tetapi saya tidak nampak komen mengenai *suicide bombing* ataupun pengebom berani mati. Bagi kita di dalam DAP kita

tidak bersetuju dengan *suicide bombings*, pembunuhan sendiri ini walaupun isu-isu itu kebanyakannya tidak adil terhadapnya.

Di luar saya nampak selepas membentangkan Bajet ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah pun membuat komen di serambi Parlimen, dia kata yang dia tidak setuju dengan membunuh diri untuk membela nasib bangsa. Walau bagaimana pun, saya berharaplah pihak kerajaan dapat memberi pendirian yang tetap mengenai "*suicide bombings*" ini.

Saya berpendapat kita mestilah memberitahu Israel ataupun Amerika Syarikat ataupun Bangsa-bangsa Bersatu tentang sikap kita mengenai Yasser Arafat. Beliau dipilih oleh rakyat di Palestin dan tidak sepatutnya disingkirkan oleh Israel ataupun Amerika Syarikat ataupun kuasa-kuasa mana kerana perkara ini terserahlah kepada rakyat Palestin. Itu pendirian kita.

Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenang balik kelemahan-kelemahan di negara ini, Yang Amat Berhormat mestilah tahu kebudayaan politik yang merupakan faktor penting rasuah, politik perniagaan dan politik wang, polarisasi kaum, kekurangan sistem meritokrasi, kekurangan akauntabiliti, kekurangan ketelusan, ketelusan penyalahgunaan kuasa dan hak serta kelemahan penyelenggaraan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tampin.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. Terdapat unsur-unsur *feudalism*, *mediocrity* dan *bloody-mindedness* di sesetengah tempat. Ini adalah kata-kata yang tepat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Tampin.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong. Saya terdengar sedikit di luar, di kantin, Yang Berhormat bagi Kepong kata Yang Berhormat tidak setuju dengan "*suicide bombings*", termasuk lelaki ataupun wanita, yang mana Kerajaan Malaysia juga tidak setuju dengan dasar "*suicide bombings*" ini. Cuma, saya hendak tanya Yang Berhormat, tujuan Yang Berhormat bercakap itu untuk Dewankah atau untuk hendak beri tahu rakan kongsi yang dahulu – PAS, bahawa Yang Berhormat tidak setuju, yang mana kenyataan Yang Berhormat bagi Marang kata yang dia bersetuju dengan "*suicide bombings*" ini?

Tujuan Yang Berhormat yang mana satu? Hendak beri tahu Dewankah atau hendak beri tahu PAS? Dan kalau tujuan Yang Berhormat hendak beri tahu PAS, bolehkah selepas ini pastikan Yang Berhormat tidak akan lari dari kenyataan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat tidak setuju dengan PAS sampai bila-bila, ataupun pada pilihan raya nanti ada balik hendak pujuk rayu dan sebagainya. Ini saya bertanya dengan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memanglah Yang Berhormat bagi Rompin

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat ini *man of his word* atau tidak? Itu penting.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Rompin atau Tampin itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tampin.

Dr. Tan Seng Giaw: Tampin. Itulah masalah di Tampin sekarang. Dia tidak ikut kenyataan kita dan sekarang dia nampak ada modal sedikit. Ya, peluang untuk memainkan "batu api" dan sebagainya, itulah masalahnya sekarang.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Berdosa itu. [Bercakap tanpa pembesar suara]

Dr. Tan Seng Giaw: Emm. Saya tidak tahulah. Sebelum ini kita tidak nampak Yang Berhormat bagi Tampin menjadi "batu api" tetapi tiba-tiba ada juga. *[Disampuk][Ketawa]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Jawablah, jawablah. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Saya memang hendak jawab. Untuk beberapa tahun ini, sejak bermulanya 'suicide bombings' di Sri Lanka, kita tidak setuju. Ini sudah lebih satu dekad. *[Disampuk]* Kita tidak setuju, dan kita berpendapat segala perjuangan kita berdasarkan kepada cara-cara yang lebih aman, cara-cara yang tidak melanggar dengan nilai-nilai agama. Tidak ada agama yang memujuk sesiapa pun membunuh diri, tidak ada, pada semua agama. Saya ingat, nampaknya Yang Berhormat bagi Tampin setuju dengan saya. Yang Berhormat memang bersetuju ya? Baik.

Adalah lebih adil jika kita kumpulkan jasa dan dosa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Memang tidak ada gading yang tidak retak. Kita hendak tahu bilangan jasa beliau adakah lebih banyak daripada bilangan dosa atau sebaliknya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada siapa yang boleh mengira, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak tahu, dan kita tidak tahu kita mesti mentafsir dengan baik jasa dan dosa, apa yang lebih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita ada. Semuanya ada belaka.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya.

Berjalan di tepi sungai,

Lekas ke hulu mencuci tangan,

Kekenaln isi ucapan sesuai,

Lepaskan peluru pertunangan.

Ha! Kita mesti kata yang tepat. Kalau Tampin sudah kata, Yang Amat Berhormat sudah betul semua, yang buat apa pun betul semua. Ini bukan.... *[Disampuk]* Siapa kata dia, dia bukan insan yang kamil.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya... *[Menyampuk] [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Sungguhpun Yang Amat Berhormat berpuas hati dengan pertumbuhan KDNK dijangka 4.5% untuk 2003 dan 5.5 hingga 6% bagi 2004, tetapi ini adalah bergantung kepada ekonomi dunia dan domestik termasuk penyertaan sektor swasta. Sama ada insentif-insentif yang diberi kepada swasta adalah cukup menarik, hanya masa dapat menentukan. Jikalau kelemahan-kelemahan tersebut dapat diatasi, maka ekonomi negara adalah lebih baik.

Kerana kita mesti tahu, Tuan Yang di-Pertua, yang dianggarkan 4.5% dan pada tahun depan 5.5% ataupun 6% itu bergantung kepada ekonomi dunia juga, terutamanya ekonomi Amerika Syarikat dan sekarang ekonomi Amerika Syarikat kita pun tidak tahu, tidak tentu sama ada pertumbuhan itu akan dikekalkan ataupun tidak. Mungkin pada akhir tahun depan ekonomi Amerika Syarikat akan merosot sedikit dan ini akan menjejaskan ekonomi kita. Itulah masalah kita.

Bajet 2004 sejumlah RM112.5 bilion berbanding dengan 114.3 bilion dalam 2003, kekurangan 1.6%. Hasil 2004 adalah dijangka RM95.6 juta dengan defisit bajet 3.3% KDNK, berbanding dengan 5.4% pada 2003. Daripada perbelanjaan mengurus RM80.5 bilion dan pembangunan RM30 bilion, peruntukan pendidikan adalah RM23.9 bilion, iaitu

21.3% daripada jumlah perbelanjaan berbanding dengan 24% dalam 2003. Sekali lagi ini merupakan peruntukan yang terbesar sekali. Ia adalah ke arah yang betul.

Tetapi, peruntukan ini termasuk RM3.7 bilion untuk pembangunan mestilah digunakan dengan berkesan. Mestilah dikawal dengan rapi. Insiden seperti yang sudah pun disebutkan oleh beberapa orang beberapa hari ini, yang berlaku dengan beratus-ratus, lebih 200 makmal komputer yang substandard dan bahaya untuk para pelajar tidak seharusnya dibenarkan berulang lagi. RM23.9 bilion termasuk RM3.7 bilion untuk pembangunan mestilah digunakan dengan baik.

Kaedah memantau projek-projek pembangunan daripada RM30 bilion termasuk RM3.28 bilion untuk Kementerian Dalam Negeri, RM4.98 bilion untuk Kementerian Kerja Raya, RM2.76 bilion bagi Kementerian Pengangkutan, RM2.64 bilion untuk Kementerian Kesihatan, RM2 bilion untuk Kementerian Pertahanan dan RM1.8 bilion bagi Kementerian Pertanian, mestilah diperbaiki. Sistem tender haruslah mengikut standard antarabangsa, sistem untuk kroni sahaja patutlah dihapuskan.

Sejak tahun-tahun 80-an, kebudayaan politik negara ini telah berubah dengan lebih banyak. Politik telah menjadi satu pelaburan, satu saluran untuk mobiliti sosial. Ini adalah ketara di dalam Barisan Nasional yang kurang rasionalnya. Terutamanya UMNO yang merupakan parti dominan yang mempengaruhi politik tanah air. Saya nampak Tampin tidak berminat dengan ini. Lihatlah perebutan kuasa di dalam UMNO. Dia berminat itulah. Dahulu UMNO adalah dipengaruhi para guru. Kini, ahli-ahli korporat yang mengambil alih peranan itu.

Yang Amat Berhormat pernah mengakui bahawa calon untuk menjadi ketua bahagian membelanjakan berjuta ringgit, misalnya RM2 juta. Apatah lagi dengan jawatan-jawatan negeri dan kebangsaan. Wang ini didapati dari beberapa sumber. Jika seseorang calon berjaya setelah membelanjakan wang sekian banyak, bagaimana beliau mendapat balik pelaburan ini? Ha! Ini masalah yang sangat rumit di negara ini dan susah hendak kita tahu bilakah budaya politik ini dapat dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, kita melihat syarikat-syarikat yang berkaitan dengan orang-orang politik memperolehi projek-projek, termasuk Taman Bukit Maluri di Kepong, Metro Prima dan Mutiara Fadason di Kepong. Misalnya, Renong, UEM (PLUS), dan Time Engineering adalah gergasi yang ada kena-mengena dengan UMNO. Kos projek-projek sengaja dilipatgandakan. Bagi projek berharga RM1 bilion ia boleh ditetapkan pada RM2 bilion atau RM3 bilion. Tatkala syarikat-syarikat atau konsortium-konsortium ini menghadapi kesusahan, kerajaan mengambil alih seumpama PLUS.

Kita berkehendakkan projek tebatan banjir di banyak tempat termasuk Kuala Lumpur. Seandainya projek terowong bestari, *smart tunnel*, untuk menampung air hujan dan menyelerakkan lalu lintas di Kuala Lumpur adalah dianggarkan RM1 bilion dan ia diberi kepada Gamuda dan MMC RM2.1 bilion. Maka kerajaan wajib menerangkan betapa istimewanya RM1.1 bilion diberi kepada Gamuda dan MMC. Inilah masalah kita.

Budaya politik penaungan, *patronage* dan penyalahgunaan kuasa dan hak sering berlaku. Ini adalah lumrah. Walaupun ada pengurusan projek yang tepat, tetapi terdapat sesetengah orang yang dihadiahkan habuan. Mereka tidak melaksanakan projek-projek. Setelah merampas komisen yang besar, mereka memberikan subkontrak kepada orang lain. Kadangkala, subkontrak juga disampaikan kepada orang yang ketiga, subkontrak. Kadang-kadang projek terbengkalai. Semua ini masih berlaku.

Secara ringkasnya saya bangkitkan perkhidmatan bas. Konsep pengangkutan awam yang baik atau bertaraf dunia adalah munasabah. Kita semua mesti menuju kepada matlamat ini. Alkisah penggabungan bas telah dilakukan di Kuala Lumpur lebih lima tahun. Cityliner (Park May) yang dimiliki Renong mengambil alih semua laluan minibus, Intrakota, anak syarikat DRB, memperolehi laluan dari lima setengah syarikat bas lama, Kee Hup, Ho Hup, Tong Fong, Len Bus, Lian Chee dan separuh Selangor Bus. Syarikat Lian Seng di Setapak enggan menjualkan laluan kepada Intrakota. Syarikat Sri Jaya menjadi Metrobus.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lingkungan 9 batu persegi Kuala Lumpur, ketiga-tiga syarikat tersebut telah menguasainya. Kementerian Pembangunan Usahawan mestilah mengadakan satu kajian menyeluruh mengenai pengangkutan awam, termasuk Intrakota dan Cityliner. Apakah sebabnya mereka ini gagal? Adakah benar bahawa Danaharta sudah mengambil alih syarikat-syarikat seumpama ini? Berapa jumlah kerugiannya? Berapa bilion kerugiannya?

Saya diberitahu bahawa Cityliner dan Park May mempunyai lebih 1,000 buah bas moden tetapi lebih 300 buah sudah rosak, terletak dan dibiarkan di Sungai Tua, Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, KL sudah dizonkan untuk menetapkan harga tiket, misalnya, Zon 3 dari Jinjang ke Kepong - itu kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua - tiket untuk bas berhawa dingin ialah RM1.60 dan bukan berhawa dingin RM1.40. Di Jinjang, hanya terdapat 10 buah bas Intrakota, walhal lebih bas adalah diperlukan, misalnya 20 hingga 30 buah bas. Di kawasan yang membangun dengan pesat, bilangan bas itu haruslah ditambahkan.

Bas moden memerlukan modal yang tinggi. Ia nampak cantik dan selesa. Bukan main dahsyatnya! Kita berharap dengan adanya konsortium-konsortium bas tersebut, perkhidmatan boleh meningkat menjadi bertaraf dunia tetapi keadaannya tidak baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Seputeh. Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Kepong, di kawasan saya, bas Cityliner ini selalu tidak mengikut jadual dan kadang-kadang bas itu yang sepatutnya pergi ke Kuala Lumpur dari Jalan Klang Lama, pemandu bas itu mungkin bawa bas pergi ke Mid Valley, selepas itu suruh penumpang turun dari sana sahaja sehingga penumpang perlu naik teksi atau bas yang lain untuk pergi ke Kuala Lumpur.

Di kawasan saya juga, seorang wanita tua yang berumur 70 tahun lebih, bila dia naik bas, sebelum dia berdiri betul, bas sudah jalan. Dia terjatuh dan sekarang menjadi cacat. Syarikat bas itu tidak memberi apa-apa pampasan ataupun ganti rugi. Jadi, memang menjadi masalah.

Di kawasan saya, sebenarnya ramai penduduk terpaksa menunggu lama, kadang-kadang satu jam atau satu jam lebih untuk tunggu bas dari Cityliner. Jadi, saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalnya Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan saya, soalan saya. Pada pendapat saya, sebenarnya pengambilalihan *mini bus* yang dilakukan oleh kerajaan itu memang satu tindakan yang salah. Dahulu bagi penduduk KL, kita hanya bayar 50 sen sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... dan kita boleh pergi ke mana-mana pun dengan senangnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya hendak minta pandangan daripada

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...Yang Berhormat bagi Kepong, adakah tindakan pengambilalihan ini salah sekarang, tambang bas lebih mahal dan *performance* bas ini juga tidak memuaskan? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat bagi Seputeh, memang komen dia ada berasas untuk membuat penjelasannya kerana syarikat ini dikendalikan oleh orang-orang yang mempunyai MBA Harvard dan sebagainya. *[Ketawa] [Disampuk]* Ya, semua itu menelan belanja besar dengan modal yang besar dan bukan main kita lihat bas-bas itu moden pula dan nampak *slash* itu. Tetapi belanja tinggi, ada penyelewengan dalam harga diesel. Kalau 300 gelen dicatatkan, mungkin ada 100 gelen sahajalah diperolehi oleh syarikat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh sebut 'yang mungkin' Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak boleh mengeluarkan perkataan 'mungkin'.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, mungkin. Tetapi itu susah. Sebab itu saya menyeru Kementerian Pembangunan Usahawan untuk mengadakan satu kajian yang komprehensif, yang menyeluruh. Bukan sahaja harga diesel, bahkan juga pengurusan, dia tidak boleh naikkan harga tiket sehingga 8 atau 10 tahun, kenaikan gaji bagi pekerja-pekerja mesti dinaikkan tiap dua atau tiga tahun.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tauke, saya pun tidak tahulah, susah hendak kita kesannya. Betul itu, LRT ada kena-mengena dan Renong memang sudah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan layan orang belakang.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu susah sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus, terus berucap.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, itu sudah sedikit kita hendak cakap mengenainya. Tuan Yang di-Pertua, rakyat digalakkan meninggalkan kereta di rumah dan mengambil bas untuk pergi ke pusat bandar tetapi oleh kerana sekarang perkhidmatan tidak sempurna, konsep ini tidak dapat dilaksanakan. Modal yang besar telah dilaburkan dan ia mengambil masa untuk mendapat balik modal dan meraih keuntungan. Sesungguhnya pengurusan yang kurang cekap, penyelewengan, harga diesel, harga tiket dinaikkan setiap 8 atau 10 tahun dan gaji pekerja mesti dinaikkan tiap dua atau tiga tahun dan ini memang faktor-faktor yang penting.

Salah satu strategi bajet ialah memacu sektor swasta tempatan. Kalau hanya syarikat-syarikat yang berlatarbelakangkan politik dapat laluan untuk pengangkutan awam, sepantun Intrakota dan Cityliner yang tidak mencapai destinasi, maka bagaimana kita boleh memacu sektor swasta? Itu masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

Inilah saya berharap pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat meletakkan satu asas yang kukuh untuk mengubah budaya politik kita ini.

Nasi tidak dingin

Pinggan tidak retak

Engkau tidak ingin

Aku tidak hendak

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Aku tidak hendak, ya. *[Sorak] [Ketawa]*

Seorang Ahli: Tidak ingin pun!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, tidak ingin pun. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kerana walaupun pada sesi yang lepas, saya sudah bangkitkan satu perkara mengenai rasuah, walaupun berbanding dengan negara-negara seperti Indonesia atau Thailand, kita lebih baik kerana rasuah kita ini lebih halus sedikit. Di situ, dia terus serang. Ini memang menandakan tahap korupsi kita itu lebih halus daripada Indonesia ataupun Thailand.

Di sini pun, semua kakitangan yang ada di sini yang tidak *corrupt*, saya menghormatilah, saya tidak sebutkan kakitangan kerajaan yang satu juta yang kebanyakannya tidak *corrupt*. Tetapi saya tujukan kepada segelintir kakitangan yang *corrupt*, yang rasuah. Saya mencadangkan satu Suruhanjaya Diraja diadakan untuk menyiasat semua korupsi ataupun rasuah di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Pengerusi Kebangsaan DAP, Lim Kit Siang - saya hendak baca sedikit apa yang dia cakap - telah menyeru supaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menunjukkan keutuhan awam dan untuk semua kakitangan kerajaan dengan mengumumkan aset-aset beliau sendiri apabila beliau menjadi Perdana Menteri yang kelima kelak. Itu satu cadangan daripada Kit Siang.

Kit Siang mengkritik Pengarah Badan Pencegah Rasuah (BPR), Dato' Zulkifli yang belum menghayati visi, misi dan objektif BPR. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya petik sedikit apa yang disebutkan oleh Kit Siang kerana ini memang satu perkara yang menarik. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

"Over a month ago, I made two visits to the grand office of the ACA Headquarters at Putrajaya but on both occasions, DAP MPs and I were unable to meet Dato' Zulkifli. I learnt however that his driver was the envy of the ACA staff and those of nearby government offices, as he has hardly any work to do – with the ACA director-general outstation if not out of the country most of the time."

Tuan Yang di-Pertua, *in his two years as ACA director-general...*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang Yang Berhormat? Cukup, sudah boleh hurai, panjang hendak baca.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak, tidak, dua perenggan lagi. Ini memang menarik Tuan Yang di-Pertua.

"In his two years as ACA Director-General, becoming the first policeman to be appointed to this sensitive and critical post, Zulkifli had probably spent more time outside the country than anyone of his predecessors to attend international conferences, covering countries including Switzerland, Austria (at least twice), Netherlands, Japan, the Philippines, Australia, Hong Kong, South Korea and China - all from the ACA budget and taxpayers' expenses."

Clearly Zulkifli finds it more comfortable and pleasant in the era of globalization to travel the world to attend conferences to address the problem of corruption on a global level than to have to tackle local corruption, globe-trotting to conferences with themes like "Global Forum On Fighting Corruption And Safeguard Integrity", "Anti-Corruption Action Plan for Asia Pacific" and "Promoting Integrity and Fighting Corruption in the Public Servant."

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, itu cukup, memang cukup, sangat menarik. Saya berharap Ketua Pengarah juga boleh datang terangkan kepada *government* dan BPR, diwajibkan oleh Dewan ini untuk semata-mata bertanggungjawab kepada Parlimen sahaja. Itu memang satu perkara yang baik, Tuan Yang di-Pertua, dan di sinilah

saya hendak menekankan bahawa walaupun kerajaan boleh menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan dan sebagainya tetapi ini bagi saya tidak mencukupi kecuali dengan para pemimpinnya mengumumkan aset-aset kecuali dengan BPR dijadikan badan cuma bertanggungjawab kepada Dewan Rakyat dan budaya politik diubahkan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tebrau.

Dr. Tan Seng Giaw: Tebrau? Saya ingat dia ada gocoh dengan Singapura sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kira gocoh atau tidak gocoh, Yang Berhormat, hendak beri atau tidak beri? Sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Ahli Yang Berhormat bagi Kepong ini menyentuh kredibiliti Badan Pencegah Rasuah. Dia sedia maklum banyak kes berlaku dan kadangkala yang menjadi masalah kepada Badan Pencegah Rasuah ialah kerjasama daripada pihak yang terlibat atau yang ada berkaitan dengannya. Kita pun tidak hendak, walau apapun badan ini dilantik suruhanjaya atau apa sahaja untuk menyelesaikan rasuah, tetapi kalau tidak ada kerjasama dengan semua pihak, kita tidak dapat bukti yang kukuh, ini akan lagi merugikan kerajaan. Saya ingat kes rasuah ini tidak semudah menuduh orang dengan hendak bukti yang kukuh. Banyak kes yang dibawa kadang-kadang tidak cukup bukti, terlepas kerana teknikal. Sebab itulah Yang Berhormat sedia maklum dalam kes-kes tertentu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan:...teknikal ini pun menjadi masalah termasuk peguam dari parti pembangkang pun memang sudah tentu salahnya. Tetapi kerana dia bijak menggunakan sedikit sistem teknikal orang itu terlepas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Jadi, bila terlepas, saya ingat kita tuduh kepada Badan Pencegah Rasuah, saya ingat tidak adil sebab dia menjalankan tugas baik dan tidak ada penyelewengan. Bagaimana pendapat Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalannya, persoalannya Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Soalannya, Yang Berhormat setuju atau tidak maknanya Badan Pencegah Rasuah sekarang pun tidak ada melibatkan diri kepada arahan tertentu.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, jadi macam mana hendak jawab? Itulah masalahnya. Yang penting sekalinya Ketua Pengarah mestilah buat kerja di dalam negara ini. Kalau hendak pergi forum atau *conference* sahaja, saya setuju kerana sekali sekala kita pergi tetapi tumpulah perhatian kepada negara ini lebih sedikit. Adakah Yang Berhormat tidak setuju? Bahkan juga Yang Amat Berhormat sendiri semasa merasmikan Transparency International Malaysia National Integrity Medal Award Ceremony baru-baru ini, beliau mengatakan macam ini, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca satu perenggan sahaja...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana masa sudah habis? Saya masih banyak lagi, tengok macam mana ini? *[Sambil menunjukkan beberapa helai notanya]* "I know we have some way to go, but given the level of public support The Anti-Corruption Agency now enjoys and the wide-ranging anti-corruption measures now firmly in place, we can get to be among the highest ranking in the countries"

Kerana kita punya *ranking* jika ikut Transparency International punya indeks, pada dua tiga tahun yang lepas 23, kemudian jatuh kepada 29, kemudian jatuh kepada 39 dan sekarang baik sedikit di tahap 33. Yang terbaik sekali ialah Finland. Yang Amat Berhormat pun ada mengatakan jika hendak mencapai satu tahap seperti Finland, saya pun setuju kalau kita boleh mencapai indeks yang terbaik sekali, itu memang satu perkara yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dengan ringkas sahaja kerana saya tidak ada masa. Tiada had masa tetapi dia kata....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi peluang 40 minit.

Dr. Tan Seng Giaw: 40 minit, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada lima minit lagi. Lima minit lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya nampak di dalam Bajet ini banyak yang dibuat tetapi cukai korporat tidak diubah, cuma *threshold* sahaja yang diubah *[Disampuk]* *[Ketawa]* Tetapi *hinge taxes* sudah naik dengan hebatnya dan di sinilah saya hendak mencadangkan kerana tidak ada masa. Banyak kaedah cukai diadakan di sini tetapi bagi saya tidak cukup. Kita mesti ada satu kajian semula ke atas strategi cukai di negara ini secara komprehensif dan kita kena kaji semula sebab, Tuan Yang di-Pertua, 8% syarikat membayar 89% *corporate tax*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri. Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dr. Tan Seng Giaw: Hah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana? Dia tidak tahukah 8% syarikat sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi lagi, Yang Berhormat. Sila, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya ada dua kenaikan yang besar dalam Bajet yang dibentangkan hari Jumaat yang lalu. Saya hendak tanya ikhlas daripada Yang Berhormat bagi Kepong. Kenaikan cukai rokok, saya hendak tanya sebagai doktor...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanya setuju atau tidak setujulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:dan juga kenaikan cukai arak ini. Apa pendapat daripada seorang tokoh yang lama dalam Dewan ini rokok 20%. Jadi macam saya ini kena tambah RM1 bagi sekotak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Belum habis soalan saya ini, alah Yang Berhormat bagi Kepong.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu sudah kira habis Yang Berhormat ya? Ada lagi?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Belum habis soalan saya. Begitu juga dengan arak ini. Macam mana pendapat seorang tokoh yang kata baru balik dari Indonesia kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, tidak payah tanya Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cuba sedikit, secara ikhlas, jangan politik. Apa pendapat Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya di seluruh dunia pun kalau dia hendak naikkan cukai, dia pilih rokok dan juga arak. Itulah yang dibuatnya dan yang keduanya saya menyeru sekali lagi supaya Yang Berhormat bagi Sri Gading berhenti merokok [*Tepuk*] kerana kita ada perhiasan yang lebih baik di Dewan ini, di bangunan Parlimen ini, jangan kita buang puntung rokok di merata-rata. Jadi kita amalkan yang baik dan sebagainya, asap dan puntung rokok ini tidak semestinya dan seharusnya dibuang merata-rata. Saya menyeru supaya berhenti merokok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudah!

Dr. Tan Seng Giaw: Sudahkah? Baik juga, baik juga.

Tuan Yang di-Pertua, 8% syarikat membayar 89% cukai korporat dan ini termasuk Petronas, Sime Darby, Pernas, syarikat yang kena-mengena dengan kerajaan dan hanya 66% syarikat bayar 2.1% cukai korporat. Kita memerlukan satu kajian semula termasuklah VAT (*Value-Added Tax*). Saya setuju bahawa ini susah hendak dilaksanakan dan padalannya cukai perkhidmatan, cukai jualan pun susah dikutip dan ramai orang yang buat aduan termasuk dari Pahang susah dia hendak bayar cukai perkhidmatan, cukai jualan dan ini pun menimbulkan masalah.

Tapi saya berharap pihak kerajaan dapat mengkaji semula semua strategi percukaian dan mengenai faktor-faktor yang menjejaskan ekonomi kita termasuklah KLSE.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, satu minit. Satu minit sahaja. Walaupun di dalam bajet ini Yang Amat Berhormat sudah sebutkan begitu hebatnya KLSE, KLCE yang menaik lebih 700 points dan sebagainya, tapi kita mesti kaji mengapa kenaikan indeks komposit Malaysia, KLCI ini tidak begitu banyak, kalau kita bandingkan dengan Korea, berbanding Singapura, berbanding dengan Thailand. Walhal Thailand pinjam wang daripada IMF. Kita tidak, kita buat betul. Walau bagaimanapun, mengapa pertubuhan ataupun KLCE ini tidak begitu naik, KLCI tidak naik dengan begitu banyak kalau banding dengan negara seperti pada 4 September tahun ini di dalam tempoh lima tahun lapan bulan, KLCE naik 26.5%? Korean Composite 103.1%, SET 46.3%, JCI 43.2%. Memang KLCI kita ada naik tapi berbanding dengan orang-orang lain kita tidak boleh banding.

Ini masalah kita. Kita mesti kaji sebab apa. Ada yang disebutkan bahawa kerana KLSE kita itu terbesar di Asia Tenggara, terbesar sekali, kita besar kalau kita banding dengan Dow Jones dan sebagainya. Dow Jones tidak naik banyak juga – itulah masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Amat Berhormat mengambil masa tiga jam, saya ambil empat puluh minit sahaja. Inilah masalahnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia seorang bercakap tiga jam. Sebab dia seorang bercakap tiga jam. Orang bahas - ramai.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya faham. Saya berharap semua yang saya sebutkan di sini dapat diterima.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya ada banyak lagi yang hendak saya sebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dalam Jawatankuasa, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mengakhiri dengan sebaris pantun.

Jangan bawa rasmi jagung,

Makin berisi makin jegang,

Makin kaya makin sombong,

Makin kuat makin angkuh.

Itulah masalah di negara ini dan saya berharap semua yang saya tegur dapat diterima. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Kluang, empat puluh minit. Untuk esok saya akan umumkan kemudian.

5.07 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan bajet pada petang ini. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang dapat membentangkan satu bajet yang cukup prihatin dan juga mengambil berat tentang kepentingan dan kebaikan rakyat dan negara pada keseluruhannya.

Walaupun ekonomi negara terjejas impak SARS, peperangan di Iraq dan keadaan ekonomi sedunia yang kurang pasti, ekonomi negara kita terus berkembang dengan mencatat kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ataupun KDNK yang melebihi jangkaan iaitu sebanyak 4.5% pada separuh pertama tahun 2003 jika berbanding dengan ramalan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, iaitu 4.3% dan kita yakin kadar pertumbuhan KDNK bagi tahun 2004 sebanyak 5.5% hingga 6% ataupun yang lebih tinggi lagi.

Kalau menurut Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, pada suku kedua tahun 2003, indeks keadaan perniagaan ataupun BCI telah naik sebanyak 5.6 mata pada suku pertama tahun ini iaitu dari 99.3 mata kepada 104.9 mata, manakala indeks sentimen pengguna ataupun CFI yang melambangkan keyakinan pengguna turut naik kepada 106.9 mata pada suku tahun kedua 2003 ini.

Selain daripada faktor-faktor luar yang tidak dapat dikawal, sebab utama yang menyumbangkan kepada pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara kita ialah berbagai langkah yang diambil oleh pihak kerajaan. Ini termasuklah pakej bernilai RM7.3 bilion yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan baru-baru ini untuk mengurangkan kesan SARS serta keadaan ekonomi sedunia yang kurang pasti ke atas ekonomi negara kita.

Adalah diharapkan bahawa kerajaan terus mengamalkan pendekatan proaktif untuk menangani cabaran-cabaran di masa depan baik domestik ataupun dari luar. Tuan Yang di-Pertua, walaupun impak SARS yang tercetus pada awal tahun ini ke atas Malaysia tidak seteruk negara jiran dan kawasan wabak, negara kita dan rakyat harus ambil iktibar kejadian SARS di negeri China, Taiwan, Hong Kong dan Singapura supaya mencegah penyakit ini. Semua pihak hendaklah bersiap sedia pada bila-bila masa untuk menangani ulangan wabak ini seperti yang berlaku di Singapura baru-baru ini.

Salah satu langkah yang sungguh penting untuk mencegah SARS ialah kebersihan diri dan alam sekitar dan sebelum ini saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih, tahniah dan syabas kepada kementerian dan semua pegawai kesihatan yang bekerjasama dan juga bekerja bertungkus-lumus untuk mengatasi masalah SARS di negara kita ini, dan saya sebut tentang kebersihan diri dan alam sekitar, penduduk negara kita juga menjadi mangsa SARS. Nampaknya masih ada rakyat sudah lupa bahaya penyakit ini dan masih ramai mengambil sikap tidak peduli terhadap kebersihan diri serta alam sekitar.

Masalah pencemaran sumber air, udara dan sebagainya masih di satu tahap yang tidak memuaskan lagi. Di dalam aspek ini adalah dicadangkan usaha secara besar-besaran untuk mewujudkan kesedaran, pendidikan rakyat tentang pentingnya kebersihan harus diadakan. Di samping itu penguatkuasaan perlu juga dilaksanakan atas kesalahan-kesalahan yang mencemarkan alam sekitar ini.

Wawasan 2020 akan tidak bermakna kalau kita mencapai kemajuan fizikal semata-mata tanpa mengiringi kemajuan mental yang seimbang. Mungkin kita boleh memikirkan sebuah agensi pusat yang berasingan dan dikhususkan tanggungjawabnya atas kebersihan alam sekitar ditubuhkan untuk melaksanakan Dasar Kebersihan Negara dan menguatkuasakan undang-undang kebersihan serta menyelaraskan usaha-usaha serta kempen kebersihan yang dijalankan oleh pihak negeri dan pihak berkuasa tempatan. Mungkin dengan cara ini, kita boleh lebih tumpukan perhatian tentang kebersihan dan juga menjaga alam sekitar di negara kita ini. Negara juga negara yang bersih yang mengindahkan lagi alam sekitar kita dan meningkatkan daya tarikan terhadap pelancong-pelancong sama ada pelancong tempatan ataupun pelancong asing.

Tuan Yang di-Pertua, antara sektor yang memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara kita ialah sektor perkilangan. Menurut laporan Bank Negara Malaysia, pada suku kedua tahun 2003 ini, jumlah pengeluaran kilang di dalam negara kita telah meningkat sebanyak 6.5% berbanding dengan kadar pada tahun yang lalu. Adalah dijangka bahawa sektor ini akan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Oleh yang demikian, usaha harus terus diberikan kepada sektor ini supaya meningkatkan lagi dan mengekalkan daya saing produk perkilangan Malaysia di rantau ini khususnya dengan pelaksanaan Kawasan Dagangan Bebas ASEAN ataupun AFTA yang mensyaratkan bahawa barang perkilangan yang berasas daripada rantau ASEAN diberikan kadar tarif terpilih yang tidak melebihi 5% kecuali automobil.

Oleh yang demikian, pekilang-pekilang Malaysia sama ada kilang antarabangsa ataupun pengusaha-pengusaha industri kecil dan sederhana, harus mengambil langkah untuk menangani persaingan yang dihadapi mereka di pasaran antarabangsa. Memandangkan kenyataan ini, pekilang-kilang tempatan harus mengambil pelbagai langkah untuk menyediakan diri terhadap cabaran tersebut. Ini termasuk meningkatkan daya persaingan harga keluaran mereka, meningkatkan lagi kualiti produk melalui daya kreatif, meningkatkan lagi tahap teknologi pengeluaran dan menembusi pasaran baru selepas pelaksanaan AFTA ini.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu lagi fakta penting yang menentukan kelebihan saingan Malaysia di antarabangsa ialah sains dan teknologi khususnya ketika negara kita sedang beralih dari sebuah ekonomi pengeluaran ataupun *production economy* kepada sebuah ekonomi yang berasaskan ilmu atau dikatakan *knowledge-based economy*.

Kedua, sektor swasta dan sektor awam hendaklah berganding bahu untuk memastikan negara kita dapat memiliki modal intelek atau sumber manusia yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti untuk menampung keperluan ekonomi berasaskan ilmu. Adalah dilaporkan bahawa pada tahun 2001, Perbadanan Pembangunan Industri Malaysia atau MIDA telah pun meluluskan sejumlah 839 projek perkilangan yang melibatkan modal sebanyak RM25.3 bilion dan projek-projek tersebut mengupah seramai lebih kurang 86,500 orang pekerja tetapi di antara pekerja tersebut, hanya 42% adalah pekerja mahir.

Ini tentu sekali tidak mencukupi untuk menampung keperluan ekonomi berasaskan ilmu kerana menurut anggaran Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Organisasi ataupun Organization of Economic Cooperation and Development (OECD), 8 daripada 10 peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh negara anggota OECD ini adalah untuk diisi oleh pekerja ilmu ataupun *knowledge workers*. Ini memang merupakan satu cabaran hebat bagi negara kita untuk melahirkan lebih ramai pekerja ilmu dan mahir sekiranya Malaysia ingin mencapai Wawasan 2020 dan membentuk sebuah ekonomi yang berasaskan ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu Malaysia juga berkurangan sumber manusia dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan ataupun R&D. Menurut Pelan Induk Institut

Pengajian dan Penyelidikan Strategik Antarabangsa Malaysia (ISIS) yang dikeluarkan pada September 2002, iaitu pada tahun lepas, antara petunjuk ilmu (*knowledge indicator*) yang termasuk bilangan pendudukan yang memiliki komputer, saya sangat tertarik tentang angka-angka ini iaitu bilangan penduduk yang memiliki komputer, pengguna internet dan sebagainya.

Jadi, dalam hal ini saya harap dapat menarik perhatian kerajaan iaitu kalau mengikut statistik ini, bilangan pakar R&D dalam negara kita bagi setiap 10,000 penduduk, kita cuma ada 3 orang sahaja. Ini adalah jauh ketinggalan di belakang beberapa negara Asia Timur termasuklah Jepun yang mempunyai 73 orang dalam setiap 10,000 penduduk, 48 orang di Taiwan, 38 orang di Singapura dan 27 orang di Korea Selatan dan negara-negara ini merupakan negara yang ekonominya maju. Statistik tersebut menunjukkan terdapat kaitan rapat di antara pembangunan ekonomi dengan sumber manusia di bidang teknologi dan R&D. Oleh yang demikian, usaha harus dipertingkatkan lagi untuk melahirkan sumber manusia yang berkualiti dan bukan sekadar lepasan universiti yang tidak dilengkapi dengan ilmu serta kemahiran yang selari dengan keperluan pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah dicadangkan supaya sebuah institusi pengurusan dan penyelidikan serupa ASEAN Institute of Technology di Thailand atau ASEAN Institute of Management di Philippine ditubuhkan untuk mendidik dan melatih sumber manusia yang berkualiti tinggi. Jadi, saya ingin tahu adakah kerajaan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan membentangkan Bajet ini, yang menyediakan RM84.5 juta untuk *Intensification of Research in Priority Area* (IRPA) ini sama ada ia sama dengan yang terdapat di Thailand dan di Filipina, ataupun tidak sama? Jadi saya ingin tahu dari segi ini, kalau kerajaan menyediakan satu jumlah yang besar untuk menubuhkan IRPA ini, adakah IRPA ini sama dengan yang terdapat di Thailand dan di Filipina ataupun tidak. Dan kalau tidak, apa fungsi IRPA ini untuk membantu sektor yang saya sebutkan tadi?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan juga memang mementingkan pembangunan sains dan teknologi. Salah satu contoh yang menunjukkan komitmen dan usaha kerajaan dalam bidang ini ialah penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tujuh tahun yang lalu. MSC telah mencapai kejayaan yang melebihi jangkaan daripada beberapa segi. Misalnya bilangan syarikat ICT tempatan dan antarabangsa yang sedang beroperasi di MSC pada masa sekarang berjumlah lebih 900 termasuk 59 buah syarikat bertaraf dunia. Jumlah jualan di dalam MSC juga pada tahun 2002 melebihi RM4 bilion dan angka ini dijangka mencatat RM5.9 bilion pada tahun ini. Jadi, sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kerajaan mencadangkan menubuhkan satu lagi rangkaian koridor teknologi tinggi di negeri-negeri sebagai langkah menggalakkan pembangunan teknologi tinggi di seluruh negara kita.

Di samping itu, dalam fasa kedua pembangunan MSC, MSC juga akan disambungkan dengan bandar-bandar cyber di seluruh dunia untuk menubuhkan satu rangkaian global bagi undang-undang cyber serta menarik sebanyak 250 buah bertaraf dunia menjelang tahun 2010. Atas langkah ini saya mengucapkan tahniah, patut kita puji dan menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bentong berdiri, Yang Berhormat bagi Bentong, hendak beri jalan?

Tuan Liow Tiong Lai: Sila, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya sila.

Tuan Liow Tiong Lai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kluang kerana memberi peluang kepada saya untuk minta penjelasan. Kita mengucap tahniahlah kepada kerajaan kerana begitu melaksanakan Multimedia Super Corridor. Memang pada masa sekarang Koridor Raya Multimedia kita telah menarik lebih daripada 900 ICT tempatan dan luar negeri datang ke Malaysia untuk melabur. Apa pendapat Yang Berhormat kalau kita cadangkan kita panjangkan Multimedia Super Corridor

ini bukan sahaja daripada Kuala Lumpur ke Sepang, malah kita buatkan daripada Melaka ke Johor Bahru dan juga daripada Kuala Lumpur ke Bentong, sekurang-kurangnya sampai ke Bentong untuk masuk ke Pantai Timur? Kita kena bangunkan juga Pantai Timur dan kita perlu sangat untuk mendapatkan infrastruktur yang lebih baik untuk memastikan *digital divide* dalam negara kita ini dapat dikurangkan.

Kita memang sudah banyak bercakap tentang *digital divide* tetapi dengan langkah-langkah yang diambil itu saya rasa lambat sedikit. Apa pendapat Yang Berhormat Kluang?

Tuan Hoo Seong Chang: Ya! Terima kasih rakan saya Yang Berhormat bagi Bentong. Sebenarnya kerajaan telah pun merancang untuk menubuhkan satu rangkaian koridor teknologi tinggi di negeri-negeri dan langkah-langkah juga akan diambil untuk menggalakkan pembangunan teknologi di seluruh negara. Kalau ikut apa yang saya katakan tadi dalam fasa kedua, pembangunan MSC ini akan di sambung ke bandar-bandar cyber di seluruh dunia. Mungkin dari segi ini selepas kita lengkapkan infrastruktur untuk kita mengadakan rangkaian di negara kita dahulu, seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong itu, sekurang-kurangnya kita dapat sambung rangkaian ini ke seluruh Malaysia khususnya di bandar-bandar besar, selepas itu dapat kita sambung ke bandar-bandar cyber di seluruh dunia. Saya rasa ini akan lebih memberi manfaat kepada rakyat negara kita ini.

Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi kita dapat menyediakan infrastruktur yang lengkap dan juga memajukan MSC di negara kita. Isu yang saya sebut tadi tentang persiapan kita untuk R&D dan sebagainya harus juga kerajaan mengambil perhatian untuk sama-sama....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Bachok, Yang Berhormat. Ya sila.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, masa berapa tinggal?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tidak kira masa, hendak bagi atau tidak bagi?

Tuan Hoo Seong Chang: Okay, bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang. Saya menarik di atas asas cadangan daripada Bentong dan Jelutong merangkaikan R&D ke dalam MSC ini sendiri satu perkara yang disebut oleh pihak Menteri Kewangan dalam pembentangan bajetnya ialah memajukan *biovalley* itu sendiri yang terletak di Cyberjaya. Setahu saya dalam teknologi untuk *biovalley* ini telah pun ada di universiti-universiti tempatan. Bagaimana pandangan Yang Berhormat kalau kita memanfaatkan teknologi yang ada di USM sendiri yang memang terkenal dengan pengkaji-pengkaji dalam bidang bioteknologi, kita rangkumkan sekali untuk memajukan *biovalley* dan tidak perlu kita mewujudkan suatu infrastruktur baru di *biovalley*. Sebaliknya kita rangkaikan terus dengan teknologi yang ada, contohnya di USM itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Walaupun ada infrastruktur yang dapat disediakan di USM tetapi pada saya kita boleh menggunakan USM ini, mungkin kerajaan dapat juga merancang lebih luas lagi selain daripada yang ada. Mungkin pandangan pihak kerajaan ialah selain daripada infrastruktur yang sedia ada ini, kita juga memperluaskan lagi ke kawasan-kawasan yang lain untuk sama-sama kita meningkatkan lagi mutu dan standard yang ada pada hari ini. Jadi, USM ini mungkin kita kekalkan, malah dapat kita majukan lagi. Selain daripada USM itu kita dapat juga memperluaskan ke kawasan-kawasan yang lain untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang dapat kita menyumbang kepada kejayaan pemodenan Malaysia ialah konsep Persyarikatan Malaysia yang melibatkan penswastaan. Ini kita akui melalui proses ini dapat kita menjayakan lagi pemodenan negara kita seperti melibatkan penswastaan kemudahan awam, tenaga elektrik, telekomunikasi dan infrastruktur.

Di sebuah ekonomi yang bebas seperti Malaysia ini, konsep ini memainkan peranan yang cukup penting dalam pembangunan ekonomi di negara kita oleh sebab kerjasama di antara sektor swasta dan sektor awam ini adalah penting untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kita secara berterusan. Walaupun penswastaaan mempunyai pelbagai kelebihan termasuk penjimatan kos dan peningkatan kecekapan, tetapi ia dapat sedikit kelemahan.

Baru-baru ini kalau kita tengok kejadian gangguan elektrik secara besar-besaran di Amerika Syarikat dan juga di Great Britain, memang adalah dikatakan bahawa salah satu punca yang menyebabkan berlakunya kejadian tersebut di Amerika Syarikat ialah penswastaaan bekalan elektrik kadang-kadang apabila diswastakan, loji tenaga bertujuan cuma hendak mencari keuntungan semata-mata dan mengabaikan tanggungjawab mereka dalam menyelenggarakan dan menyediakan operasi loji tenaga secara sempurna sehingga berlaku gangguan elektrik.

Saya lihat mungkin secara kebetulan gangguan elektrik juga berlaku di enam negeri di Semenanjung Malaysia, susulan kejadian yang sama di Amerika Syarikat dan Great Britain. Walau bagaimanapun, saya ingin ucapkan tahniah kepada TNB yang dapat memulihkan bekalan elektrik dalam beberapa jam patut dipuji.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: Di sini saya cuma ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, bolehlah sambung besok 15 minit lagi ya.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, besok saya hadkan seorang bercakap 30 minit kerana hendak beri peluang kepada ramai yang hendak bercakap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan hingga hari esok, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

Nota pembetulan:**Ada pembetulan:**

Muka surat:	Kandungan	
	i	54 - 56
	ix	59
	1-2	63 - 67
	7	69 - 70
	10 - 12	75 - 76
	20 - 26	78
	31 - 32	80
	39 - 40	85
	45	87
	47 - 52	

Tidak ada pembetulan:

Muka surat:	1	57 - 58
	ii - viii	60 - 62
	3 - 6	68
	8 - 9	71 - 74
	13 - 19	77
	27 - 30	79
	33 - 38	81 - 84
	41 - 44	86
	46	88 - 91
	53	